

[Dokumen Ini belum disemak]

**DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KESEBELAS  
PENGAL KEDUA  
MESYUARAT PERTAMA**

---

---

**Bil. 7**

**Khamis**

**12 Mei 2005**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**USUL:**

Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka  
Baginda Yang Di-Pertuan Agong (Halaman 33)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Kawalan Pertukaran Wang (Pindaan) 2005 (Halaman 93)  
Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan  
Penerbangan (Pindaan) 2005 (Halaman 113)

**MALAYSIA****DEWAN NEGARA****Khamis, 12 Mei 2005****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan adakah akhbar-akhbar tempatan bersikap sensitif di dalam menyiarkan berita-berita yang berunsur jenayah terutamanya semasa pesta ataupun aktiviti antarabangsa sedang berlangsung di Malaysia, sebagai contoh semasa Perlumbaan Formula 1 kerana ia seharusnya mengambil kira kehadiran pelancong-pelancong asing kerana akhbar-akhbar tempatan memainkan peranan di dalam menarik minat mereka ke Malaysia.

**Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Keselamatan Dalam Negeri mengamalkan dasar terbuka terhadap pengamal media bagi menentukan hala tuju akhbar masing-masing sesuai dengan pembangunan dan kemajuan negara. Kementerian juga sentiasa memberi ruang kepada akhbar-akhbar tempatan agar cenderung ke arah pemberitaan bercorak positif, bermaklumat serta membina minda rakyat dan masyarakat.

Di samping itu juga, pihak akhbar turut boleh berperanan sebagai wadah untuk memaklumkan dan menjelaskan kepada pembaca khususnya pelancong asing mengenai kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara berbilang kaum dan agama yang aman dan sejahtera.

Namun begitu, kementerian akan sentiasa memantau akhbar-akhbar ini agar tidak menyiarkan bahan-bahan penerbitan yang memudaratkan atau boleh memudaratkan keselamatan, ketenteraman awam, kemoralan, kepentingan awam dan

negara serta menggemparkan pemikiran orang ramai sejajar dengan garis panduan penerbitan dalam syarat-syarat permit seperti mana yang diperuntukkan mengikut Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Pindaan) 1987.

Kementerian juga tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan sewajarnya kepada mana-mana penerbit akhbar mahupun majalah yang didapati menyalahi peruntukan akta berkenaan melalui penyiaran bahan-bahan berita berunsur negatif dan membelakangkan kepentingan nasional, khususnya berita-berita dalam laporan jenayah yang keterlaluan dan melampau. Terima kasih.

**Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Timbalan Menteri yang sanggup hadir. Soalan tambahan saya, apa pula pandangan kementerian terhadap berita-berita yang tidak berfakta yang kadang-kadang dipaparkan juga di dalam akhbar-akhbar yang dipanggil 'akhbar-akhbar nyamuk' dan sebagainya.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Kita sedar bahawa ada terdapat akhbar-akhbar yang suka menyiarkan berita-berita sensasi. Namun demikian, sekiranya berita-berita tersebut tidak tepat dan ia boleh jadi ada kaitan dengan orang-orang tertentu, maka sudah tentulah mereka yang dikaitkan dengan berita-berita sensasi tersebut boleh mengambil tindakan terhadap surat khabar berkenaan.

Seperti mana yang saya katakan tadi bahawa apa juga surat khabar yang disiarkan kita akan pantau. Kita juga ada mempunyai hubungan yang rapat dengan penerbit-penerbit akhbar, di mana seperti malam tadi kita ada jamuan makan malam dengan semua pengarang-pengarang akhbar dan kita beritahu secara tertutup, kerjasama yang kita pohon daripada akhbar-akbar tempatan demi untuk menjaga kepentingan dan juga nama baik negara. Terima kasih.

**Tuan Tay Puay Chuan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah pendirian kementerian terhadap gambar-gambar yang dipaparkan oleh akhbar-akhbar tempatan mengenai mangsa-mangsa pembunuhan yang menampakkan kekejaman.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Mengikut peraturan yang sedia ada, sekiranya kita dapati ada akhbar-akhbar tempatan yang melanggar peruntukan-peruntukan dan juga garis panduan yang diberi termasuklah menyiarkan gambar-gambar yang lucah

ataupun gambar-gambar yang tidak sepatutnya disiarkan, maka langkah yang pertama ialah kita memberi amaran kepada akhbar-akhbar tersebut dan kita minta supaya ia jangan diulang lagi. Sekiranya akhbar itu mengulangi perkara ini, kita akan mengeluarkan surat tunjuk sebab mengapa permit akhbar tersebut tidak boleh kita batalkan. Sekiranya jawapan yang diberikan tidak memuaskan, maka tindakan akhir ialah kita akan membatalkan permit yang kita keluarkan jika mereka tidak mematuhi segala nasihat dan juga teguran yang diberi oleh pihak kementerian. Terima kasih.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah kementerian sedar bahawa terdapat iklan-iklan untuk pinjaman 'along' dan perkhidmatan seks yang mana berleluasa di dalam akhbar-akhbar di negara kita? Terima kasih.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Kita memang sedar perkara ini. Oleh sebab itu kita telah pun keluarkan arahan kepada pihak polis di mana kita minta supaya pihak polis membuat kajian kepada setiap iklan-iklan yang disiarkan dalam akhbar sama ada iklan-iklan itu berbentuk seks ataupun tidak. Sebagai contoh, kita pada hari ini kita sedar bahawa bukan sahaja iklan ini sahaja terdapat perkhidmatan seks tetapi di dalam telefon pun kita tengok, mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat pun ada juga telefon itu. *[Ketawa]* Di telefon pun boleh lihat gambar-gambar lucah. Kita sedang siasat macam mana perkara tersebut boleh berlaku. Kemungkinan perkara ini berlaku kerana iklan-iklan melalui akhbar-akhbar tempatan.

Kita sedang pun membuat penyiasatan bahawa setiap iklan yang disiarkan ianya mestilah beretika dan ia bertanggungjawab kepada mereka yang mengiklankan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Pertanyaan ini adalah berkaitan dengan imbalan di antara *press freedom* dan *the rule of law*.

2. **Dato' Dr. S. Vijayarajam** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan tentang cadangan pihak Kerajaan untuk mengatasi masalah projek terbengkalai yang telah ditinggalkan (abandoned building), kerana ia telah menjadi sesuatu yang menjolok mata dan memburukkan imej bandar raya atau kawasan yang terlibat.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr. S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua, tindakan yang boleh diambil oleh pihak

berkuasa tempatan bagi memantau pembangunan projek-projek terbengkalai adalah untuk meminta pemaju yang terlibat supaya menjaga kebersihan dan keselamatan awam. Pihak berkuasa tempatan boleh mengeluarkan notis di bawah peruntukan seksyen 48 Akta Jalan Parit Dan Bangunan kepada pemaju untuk menutup bangunan-bangunan tersebut mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan.

'Bangkai' itu boleh melindungi sesebuah bandar dari imej buruk projek terbengkalai tersebut. Aktiviti negatif yang berlaku di kawasan bangunan terbengkalai sekiranya menimbulkan masalah kepada orang ramai boleh dikategorikan sebagai aktiviti kacau ganggu dan pihak berkuasa tempatan boleh mengambil tindakan menghapuskan aktiviti tersebut berdasarkan peruntukkan di bawah Seksyen 80, 81 dan 82 Akta Kerajaan Tempatan. Terima kasih.

**Dato' Dr. S. Vijayaratnam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan kepada Yang Berhormat, soalan tambahan saya ialah adakah dicadangkan oleh kerajaan melalui pindaan undang-undang atau syarat bahawa jika sesuatu projek pembinaan telah ditinggalkan atau *abandone* dengan izin, untuk satu tempoh pendek yang tertentu, projek tersebut boleh diambil alih oleh pihak kerajaan tempatan dan dijual melalui proses tender terbuka kepada pemaju-pemaju yang mampu meneruskan dan menyempurnakannya.

**Dr. S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan secara langsung terlibat di dalam pemulihan projek-projek terbengkalai, projek-projek perumahan. Langkah-langkah yang sedang diambil pada masa sekarang ialah sebagai satu langkah pertama untuk mengadakan perbincangan di antara pemaju, institusi kewangan dan pembeli rumah untuk mencari satu jalan untuk mengatasi masalah itu.

Selain daripada itu, kalau cara itu tidak memberi faedah pemaju-pemaju lain diminta supaya boleh bantu di dalam pemulihan projek itu. Kalau langkah itu tidak memberi satu yang berkesan maka kita boleh minta Syarikat Perumahan Negara sebagai satu sosial *obligation* untuk bantu di dalam pemulihan projek itu. Terima kasih.

**Dato' Omar bin Faudzar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu kenapakah kementerian tidak menggunakan dana (TPPT), Tabung Projek Terbengkalai untuk menyelesaikan masalah projek-projek dan adakah dana ini masih lagi wujud dan

adakah dana ini kita gunakan untuk projek-projek terbengkalai atau pun kita gunakan untuk pembelian tanah-tanah baru untuk projek-projek perumahan baru.

**Dr. S. Subramaniam:** Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak mempunyai mana-mana dana khusus untuk bantu di dalam pemulihan projek terbengkalai. Namun demikian tanggungjawab ini adalah di bawah Syarikat Perumahan Negara yang di bawah jagaan Kementerian Kewangan....

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalannya tidakkah dana seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, boleh digunakan untuk mengambil alih projek-projek tersebut.

**Dr. S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, di Kementerian kita, kita tidak mempunyai dana untuk bantu di dalam hal ini. Mungkin Syarikat Perumahan Negara pada masa dulu ada dana tetapi pada masa sekarang bila satu projek dirujuk kepada Syarikat Perumahan Negara pun Syarikat Perumahan Negara akan kaji daripada segi *cost effectiveness* bahawa projek-projek itu boleh digunakan atau tidak. Terima kasih.

**Tuan Ismail bin Kasim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, apakah kelemahan yang dikenal pasti oleh pihak kementerian bila hak untuk mengatasi projek terbengkalai ini diberikan kepada SPN dan kita lihat projek ini masih lagi sukar untuk dilaksanakan dalam masa yang begitu cepat.

**Dr. S. Subramaniam:** Ada banyak projek terbengkalai di mana ada yang dibawa ke mahkamah dan di dalam menghadapi beberapa kes di mahkamah, oleh itu Syarikat Perumahan Negara tidak boleh mengambi alih projek itu sampai satu masa di mana masalah kes itu telah diselesaikan, itulah satu sebab yang utama. Selain daripada itu ada keadaan di mana Syarikat Perumahan Negara perlu melaburkan modal yang tinggi untuk memulihkan projek itu, kadangkala kerana projek itu sudah terjadi terbengkalai pada awal-awal projek tersebut dan ini jadi satu masalah untuk SPN mengambil alih projek itu. Tetapi pada masa sekarang, itulah cara yang tersedia ada. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada sendirinya tidak mempunyai mana-mana ruang untuk membantu dari segi kewangan untuk memulihkan mana-mana projek terbengkalai. Terima kasih.

3. **Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan menyatakan kriteria-kriteria yang dipakai untuk menentukan sesuatu itu sebagai suatu warisan.

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Dato' Wong Kam Hoong]:** Tuan Yang di-Pertua, kriteria-kriteria yang dipakai untuk menunjukkan sesuatu itu sebagai warisan ialah ianya merupakan sesuatu yang diwarisi dan telah dianggap sebagai khazanah oleh sesuatu kelompok masyarakat serta mempunyai kepentingan dari segi sejarah, kebudayaan, sains dan pendidikan.

Sesuatu 'rahsia' itu menjadi warisan negara apabila diisytiharkan sebagai monumen lama atau tapak tanah bersejarah atau rizab kaji purba oleh Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan melalui peruntukan Akta Benda Purba tahun 1976, monumen atau tapak tanah bersejarah atau rizab kaji purba ini hendaklah atau dipercayai berumur melebihi 100 tahun atau jika berumur kurang dari 100 tahun melalui peruntukan Seksyen 15(1) akta yang sama, menteri boleh juga mengisytiharkannya jika berkepentingan tinggi dari segi sama ada sejarah, budaya, sains dan pendidikan.

Warisan pula terbahagi kepada dua iaitu warisan budaya dengan izin, *culture heritage* dan warisan semula jadi, *natural heritage* dengan izin, Warisan budaya boleh dikategorikan kepada dua iaitu warisan ketara *tangible heritage* dengan izin, dan warisan tidak ketara *intangibles heritage* dengan izin. Warisan ketara ialah sesuatu yang berbentuk fizikal seperti monumen, bangunan, tapak ekologi serta artifak. Contoh warisan ketara ialah bangunan Muzium Negara Kuala Lumpur, tapak arkeologi di Sungai Mas, Kedah, sebilah keris dan lain-lain lagi.

Warisan tidak ketara pula ialah yang merupakan dan kepakaran yang ditafsirkan melalui tradisi lisan adat dan kesenian, bahasa dan persuratan serta persembahan kesenian dan ritual. Contoh-contoh warisan tidak ketara ialah tarian, lagu, pantun, syair dan lain-lain lagi. Kesemua jenis warisan tersebut adalah dalam takrif am warisan nasional bagi Malaysia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tidak mahu benarkah soalan tambahan. Kriteria ini terperinci dan termaktub. Adakah Yang Berhormat mahu beri peluang untuk ahli bertanya pertanyaan tambahan.

**Dato' Wong Kam Hoong:** Ini cukup terperinci dan cukup jelas, lagi sikit sahaja.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Dan termaktub.

**Dato' Wong Kam Hoong:** Dan termaktub di dalam akta dan di akta baru akan digubal dan akan dibentangkan pada akhir tahun ini lebih jelas lebih iaitu takrifan-takrifan warisan. Sehingga kini belum ada mana-mana akta yang membolehkan warisan tidak ketara diisytiharkan sebagai..

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya kira bagi peluang pula untuk hendak tanya, pertanyaan tambahan, boleh? Bolehkah Yang Berhormat benarkan.

**Dato' Wong Kam Hoong:** Terpulang kepada..

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi kalau Yang Berhormat cerita habis-habisan, tidak akan berpeluang hendak bertanya .

**Dato' Wong Kam Hoong:** Sebab ada sedikit mengenai warisan semula jadi, itu sahaja, sikit sahaja

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Wong Kam Hoong:** Walau bagaimanapun, melalui penggubalan akta baru yang sedang digubal sekarang ini telah mengambil kira mengenai aspek ini, manakala warisan semula jadi pula adalah sumber jaya alam seperti hutan, gunung, marin, mineral, flora dan fauna.

Di antara contoh-contoh warisan semula jadi negara ialah Taman Negara Kinabalu, Sabah, Taman Negara Mulu, Sarawak dan lain-lain lagi. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingin memohon maaf kepada Yang Berhormat kerana saya selaku Yang di-Pertua tidak mahu supaya jawapan *pre-empt* peluang untuk pertanyaan tambahan, maka peluang untuk menegak *accountability* pemerintah itu tertutup.

**Dato' Wong Kam Hoong:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya akan mengambil kira pandangan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak mahu *pre-empt* pertanyaan tambahan kerana melalui pertanyaan tambahan itulah ditegakkan prinsip *accountability*.

**Dato' Wong Kam Hoong:** Itu satu benda yang baru, sebab itu saya hendak jelas dengan terang di Dewan yang mulia ini. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan yang terperinci itu saya ucapkan terima kasih. Soalan tambahan. Sejauh manakah kriteria

yang telah diterangkan dengan begitu terperinci itu bersandarkan kepada amalan-amalan atau kriteria yang dipakai oleh UNESCO?

**Tuan Yang di-Pertua:** Kan kalau diberi peluang soalan tambahan hebat?

**Dato' Wong Kam Hoong:** Ya! Sebelum ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah kriteria tersebut menepati kriteria UNESCO?

**Dato' Wong Kam Hoong:** Ini memang menepati takrifan di UNESCO.

**Datuk Jins Shamsudin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ada dua soalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Satu sahaja saya benarkan.

**Datuk Jins Shamsudin:** Satu sahaja, baik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukan saya, Peraturan Mesyuarat membenarkan hanya satu soalan.

**Datuk Jins Shamsudin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, tadi setelah Yang Berhormat menghuraikan kriteria tentang warisan negara, saya tidak terdengar adakah filem termasuk di dalam senarai warisan negara? Terima kasih.

**Dato' Wong Kam Hoong:** Filem juga diambil kira dalam warisan negara. Contohnya filem-filem Seniman Negara kita iaitu Allahyarham Tan Sri P. Ramlee.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Apabila sesuatu itu sudah dikenalkan sebagai warisan mengikut kriteria-kriteria yang telah disebutkan itu, apakah bantuan kerajaan untuk memastikan bahawa bangunan atau ..

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa jugalah!

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** ....tempat itu boleh dilaksanakan kerana ada banyak perkara yang perlu dibereskan sebelum sesuatu itu dapat dilaksanakan. Terima kasih.

**Dato' Wong Kam Hoong:** Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng. Setakat ini di bawah Akta Benda Purba 1976, di negara kita ada 180 *monument* lama dan tapak tanah yang sudah diwartakan tetapi selepas akta baru, iaitu Akta Pelindungan Warisan yang akan digubal dan akan dibentangkan, kita sudah kenal pasti 20,000 bangunan warisan di negara kita dan kita akan membantu mereka untuk memulihara *antiquity*, iaitu kalau mereka hendak ubah suai, pasal hendak *reinstall*kan, dengan izin, bangunan ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat-Yang Berhormat akan berpeluang untuk membahaskan perkara ini apabila rang undang-undang berkenaan dibentangkan.

**[Soalan No. 4 - Y.B. Tuan Krishnan a/l Maniam - tidak hadir]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya mohon maaf kepada barisan kerajaan yang hadir untuk menjawab kerana yang bertanya tidak hadir. Saya mohon maaf bagi pihak Dewan.

5. **Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah kerajaan tidak memantau cara pengambilan kakitangan di sektor swasta demi mengelakkan wujudnya ketidakseimbangan antara kaum. Dan apakah langkah yang telah diambil oleh kerajaan supaya orang Melayu tidak terpinggir dalam pengisian jawatan bertaraf eksekutif dan profesional di sektor swasta.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini tidak ada sebarang undang-undang yang khusus, yang menyentuh tentang komposisi kaum, yang perlu dipatuhi majikan dalam mengisi kekosongan jawatan di syarikat mereka. Majikan berhak menetapkan kriteria dan syarat tertentu yang perlu dipatuhi oleh pencari kerja untuk menjawat jawatan tersebut.

Di samping itu, pencari kerja juga adalah bebas bagi memilih majikan mereka dan memohon kerja yang diinginkan mereka. Dalam usaha memastikan keharmonian perusahaan dan mencapai matlamat perpaduan nasional, kementerian ini melalui Jabatan Tenaga Kerja sentiasa menasihatkan majikan agar mengimbangi komposisi kaum di syarikat mereka dengan tidak menggaji kaum tertentu sahaja bagi mengisi kekosongan sama ada bagi jawatan peringkat eksekutif atau bukan eksekutif.

Perkara ini dilaksanakan melalui program lawatan promosi dan pemeriksaan berkanun yang dilakukan ke tempat-tempat pekerjaan. Terima kasih.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu apakah puncanya berlaku ketidakseimbangan ini, dan apakah kementerian tidak bercadang untuk mewajibkan supaya syarikat swasta ini meletakkan pegawai eksekutif Melayu di bahagian pengurusan *human resources*nya supaya tidak berlaku ketidakseimbangan ini. Terima kasih.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Punca ketidakseimbangan kedudukan kaum yang bekerja di sektor-sektor swasta, khususnya dalam bidang eksekutif dan profesional:

(i) disebabkan oleh ke.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kunci persoalan ialah tidakkah kerajaan bercadang mewajibkan syarikat.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Kerajaan masih lagi tidak bercadang untuk mewajibkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kerana ini bercanggah dengan prinsip-prinsip tertentu.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Prinsip-prinsip yang telah saya sebutkan tadi. Terima kasih.

**Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon diperjelaskan bilangan pekerja eksekutif dan profesional swasta mengikut pecahan kaum, Melayu, Cina, India dan kaum lain, yang terdapat dalam negara sekarang ini. Dan, apakah usaha-usaha kerajaan yang telah dilaksanakan untuk membetulkan.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Satu sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad:** ...ketidakseimbangan ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Satu sahaja. Yang mana satu soalnya?

**Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad:** Itu sebagai satu, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Satu sahaja, tidak boleh serampang dua mata. Satu sahaja.

**Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad:** Yang kedua, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Terima kasih, pecahan bilangan pekerja eksekutif dan profesional sektor swasta mengikut kaum adalah seperti berikut:

<b>Kaum</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Pecahan (%)</b>
Melayu	101,563	32.09
Cina	178,833	58.17
India	17,967	5.58
Bumi Sabah	354	0.11
Bumi Sarawak	2,634	0.86
Lain-lain Bangsa	5,451	1.81

Jumlah keseluruhan ialah seramai 204,613 untuk lelaki; 102,279 untuk perempuan. Jadi, itulah kedudukan pecahan-pecahan mengikut kaum sebagaimana yang ditanya. Terima kasih.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya masih tidak berpuas hati jawapan yang diberikan oleh kerajaan. Persoalannya, Dasar Ekonomi Baru.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, apakah pertanyaan.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Soalannya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat lupa agaknya bukan masa perbahasan, masa pertanyaan. *[Ketawa]*

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Kerana terasa di dalam hati, Tuan Yang di-Pertua. Persoalan saya, apakah kerajaan hanya berdiam diri atau kerajaan hendak mengkaji tentang prinsip-prinsip yang tidak boleh menyebabkan pihak swasta cuba mengimbangi di antara pengambilan kakitangan bumiputera dan bukan bumiputera. Terima kasih.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Sebenarnya kerajaan sentiasa menasihatkan pihak majikan supaya pengimbangan kaum itu dilaksanakan. Selain daripada itu promosi-promosi dan juga galakan untuk mengimbangi kedudukan pecahan pembolotan dari segi kerja ini sentiasa dilakukan dari masa ke semasa.

Walau bagaimanapun, disebabkan oleh tidak adanya suatu undang-undang dan peraturan yang mewajibkan dari segi kuota sebagaimana kuota dikenakan di bidang pendidikan ataupun ekonomi, maka pandangan untuk menetapkan satu peraturan baru bagi membolehkan pengimbangan kedudukan pekerjaan oleh kaum-kaum ini akan

diambil kira, dan akan dilaksanakan dari segi perbincangan proses dan akan ditentukan mengikut kesesuaian dan juga peraturan-peraturan yang tidak menjejaskan kepada kepentingan kedudukan kaum dan juga negara. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jawapan pun tepat, terima kasih.

6. **Tuan Osman bin Bungsu** minta Perdana Menteri menyatakan apakah pakej sistem pengurusan bencana yang akan dibangunkan berserta dengan kos bagi mengesan kejadian bencana alam seperti tsunami, banjir, gempa bumi, jerebu, tanah runtuh dan sebagainya supaya dapat menyediakan langkah-langkah keselamatan yang lebih efektif.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, pengurusan bencana negara ini, ianya dikendalikan melalui satu mekanisme terselaras di bawah arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN/20) iaitu dasar dan mekanisme pengurusan dan bantuan bencana negara. Dalam pada itu juga Malaysian Center for Remote Sensing (MACRES), kemudian Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi sedang membangun National Disaster Data and Information Management System (NADI) dengan kerjasama Bahagian Keselamatan Negara serta input daripada pelbagai agensi lain yang terlibat.

Di antara komponen Sistem NADI ini, ia menyediakan amaran awal, pesanan dan pemantauan, langkah-langkah *mitigation* serta bantuan bencana. Sistem NADI ini adalah merupakan rancangan jangka panjang kerajaan bagi menangani kejadian bencana termasuk tsunami dan ianya dijangka siap sepenuhnya menjelang tahun 2006. Anggaran kos untuk membangun Sistem NADI adalah sejumlah RM21 juta.

Berkenaan dengan tsunami, kerajaan sedang mengenal pasti beberapa model sistem amaran awal kejadian tsunami untuk digunakan di Malaysia atau rantau ini. Kerajaan bercadang untuk mewujudkan satu sistem amaran awal kejadian tsunami di peringkat nasional dan serantau bagi dihubungkan secara terus dengan Pacific Tsunami Warning Center (PTWC) di Hawaii. Bagi tujuan ini kerajaan telah memperuntukkan RM19 juta bagi membiayai kos pembangunan sistem tersebut. Di samping itu juga kerajaan akan meneruskan usaha-usaha mempertingkatkan tahap kecekapan dan *competency* pegawai dan kakitangan agensi-agensi yang dipertanggungjawabkan di

semua peringkat, sama ada di daerah, negeri dan Persekutuan dalam pengurusan bencana melalui lima langkah berikut:

- (i) seminar, forum dan latih amal. Latih amal yang baru sahaja dilaksanakan ialah latih amal ex-gempa, kerana gempa bumi banyak berlaku sekarang ini, yang melibatkan latihan evakuasi (*evacuation*) penghuni, bangunan, semasa kejadian gempa bumi;
- (ii) program pendidikan kesedaran awam kepada rakyat, termasuk penyebaran melalui laman web, maklumat-maklumat pendidikan dan tindakan-tindakan yang perlu diambil bilamana berlaku sesuatu bencana;
- (iii) penambahbaikan kepada sistem amaran awal sedia ada dengan mengambil kira teknologi terkini serta modul amaran awal dari negara luar;
- (iv) rancangan *mitigation* bagi memindahkan penduduk-penduduk yang berdekatan dengan pantai ke tempat selamat tetapi tidak menjejaskan aktiviti ekonomi mereka, bagi mereka yang terlibat dengan bencana tsunami; dan akhir sekali
- (v) kita mempertingkatkan perlindungan alam sekitar bagi melindungi kawasan hutan bakau di pesisiran pantai daripada dimusnahkan.

**Tuan Osman bin Bungsu:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana menjawab soalan begitu tepat. Soalan tambahan saya, seperti mana saya fahamkan bahawa dana tsunami tidak boleh digunakan untuk tujuan lain terutamanya dalam bencana alam yang terjadi di negara kita dan khususnya dalam usaha bencana alam yang berlaku di RBS Gua Musang. Jadi, soalan saya, apakah kementerian bercadang untuk mewujudkan satu polisi atau dana khas untuk Orang Asli yang tidak termasuk dalam ekuiti 30% bumiputera, dalam usaha membantu keadaan-keadaan bencana ataupun khusus dalam perkara-perkara lain yang segera....

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup Yang Berhormat.

**Tuan Osman bin Bungsu:** .... dalam usaha membantukan Orang Asli. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak apalah saya benarkan soalan itu.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya bencana ini ia tidak mengenal suku kaumlah. Kalau ia hendak datang ia datang seperti ia berlaku di Indonesia yang terlibat orang Melayu, Cina, di India, Maldives, jadi ia tidak mengenali suku kaum ataupun bangsa. Namun, pada setiap masa bencana, Bahagian Keselamatan Negara (BKN) sentiasa mempunyai dana sebanyak RM20 juta yang akan digunakan kalau sekiranya berlaku bencana alam. Dalam kes ini saya percaya kalau memohon dibuat kepada BKN kita akan menyalurkan bantuan kepada pihak Orang Asli.

**Tuan Yang di-Pertua:** Menteri telah memberi jawapan yang cukup baik, Yang Berhormat, yang memberi harapan kepada Yang Berhormat. Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim, selepas itu Puan Siti Zailah.

**Tuan Ismail bin Kasim:** Bagi memastikan sistem pengurusan amaran awal dapat dilaksanakan dengan lebih efektif ataupun berkesan apakah tidak ada perancangan di pihak kerajaan untuk menempatkan alat-alat pengesanan di menara-menara telekomunikasi yang sedang dipasang di seluruh negara sekarang ini bagi mendapatkan *full coverage*.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, itu yang telah kita lakukan. Saya telah bincang dengan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi. Di antara perkara yang hendak kita lakukan ialah untuk menyampai amaran ini menerusi SMS kepada telefon bimbit.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, dalam menghadapi bencana banjir kita lihat kekurangan bangunan tempat perpindahan mangsa-mangsa banjir, jadi adakah kerajaan bercadang untuk memperbanyakkan lagi bangunan untuk menjadi pusat pemindahan banjir dan yang mana ada sekolah-sekolah kita lihat tidak memberi kerjasama...

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup Yang Berhormat, adakah kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan tempat tambahan bagi mengemas kini sistem pengurusan bencana?

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Hah.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, bencana ini selalu ciri-cirinya ialah sementara, dan keduanya, datang tidak menentu. Jadi, untuk kita mengadakan satu tempat yang *permanent*, dengan izin, yang tetap adalah akan merugikan kita punya *resources*. Adalah lebih baik supaya kita menggunakan bangunan-bangunan sekolah. Saya berharap Yang Berhormat, kalau ada sekolah yang tidak beri kerjasama, sila maklum kepada kami sebab memang sekolah merupakan tempat di mana kalau berlaku bencana akan digunakan sebagai penempatan sementara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Dewan Negara menghargai kesungguhan Yang Berhormat Menteri menjawab soalan-soalan kita.  
*[Tepuk]*

7. **Tuan Tan Cheng Tee** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memastikan pekebun kecil mendapat pendapatan yang stabil walaupun harga komoditi dunia turun naik dengan mendadak.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]:** Tuan Yang di-Pertua, salah satu dasar kerajaan melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah adalah untuk memastikan pendapatan pekebun kecil lebih stabil walaupun dalam keadaan harga komoditi yang tidak menentu. Pada masa yang sama, dasar kerajaan juga adalah untuk meningkatkan pendapatan mereka ke tahap yang lebih tinggi. Di antara langkah yang diambil adalah mengadakan program integrasi tanaman komoditi dan aktiviti ekonomi tambahan.

Melalui program integrasi tanaman komoditi, tanaman komoditi seperti getah dan kelapa sawit yang diusahakan oleh pekebun kecil diintegrasikan dengan ternakan dan tanaman kontan. Melalui pendekatan ini, pekebun kecil dapat memaksimumkan penggunaan tanah mereka yang sedia ada dengan mempelbagaikan aktiviti yang dapat memberikan pendapatan selain daripada hasil tanaman komoditi semata-mata.

Melalui aktiviti ekonomi tambahan pula pekebun kecil diberikan bantuan untuk melaksanakan aktiviti ekonomi sampingan lain yang bersesuaian dengan tempat dan kemahiran pekebun kecil seperti projek ternakan, akuakultur, industri desa dan perniagaan kecil. Aktiviti-aktiviti ini terbukti mampu memberikan pendapatan tambahan

yang lumayan kepada pekebun kecil. Contohnya, melalui aktiviti ternakan ayam kampung, biasanya sebanyak 1,000 ekor pekebun kecil boleh memperolehi pendapatan bulanan tambahan sebanyak RM480.

Melalui kedua-dua program ini, pekebun kecil tidak akan bergantung semata-mata kepada pendapatan daripada tanaman komoditi. Pekebun kecil yang terlibat boleh memperoleh pendapatan tambahan serta yang lebih stabil daripada aktiviti-aktiviti ekonomi lain untuk menyara kehidupan keluarga dan tidak akan terjejas dengan teruknya apabila terjadinya kejatuhan harga komoditi dunia secara mendadak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng, selepas itu Tuan Ismail bin Kasim.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah kementerian juga membantu pihak pekebun kecil ini untuk memasarkan apa yang dihasilkan daripada tanaman mereka iaitu untuk mendapatkan harga yang lebih baik. Terima kasih.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang ada usaha untuk memasarkan sebahagian daripada hasil-hasil yang dikeluarkan oleh pekebun kecil bahkan oleh penduduk luar bandar secara amnya. Satu contoh yang menarik ialah usaha yang dibuat oleh Felcra untuk memasarkan kraf tangan yang dibuat ini bukan sahaja di pasaran umum tetapi juga di pasaran *park market* dengan izin iaitu dengan adanya kedai di KLCC yang cukup menarik yang saya yakin kalau Yang Berhormat pergi melawat Yang Berhormat Dato' Hamzah cukup gembira, *insya-Allah*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Ismail bin Kasim.

**Tuan Ismail bin Kasim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi memastikan perjalanan pengurusan dalam meningkatkan pendapatan pekebun kecil ini berjalan dengan lancar, apakah tindakan kerajaan kerana sekarang ini Lembaga Pengarah dan Pengerusi Risda ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Untuk memastikan sudah elok dah. Lepas itu dia melencong kepada "sekarang ini" dia dah nak jadi dah.

**Tuan Ismail bin Kasim:** Mengapa begitu lama masa diambil oleh kerajaan untuk melantik Lembaga Pengarah dan Pengerusi Risda sedangkan Pengerusi dan

Lembaga Pengarah yang sedia ada sudah tamat tempoh Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak begitu yakin, dengan maaf, bagaimana perhubungan pelantikan pengerusi ada berkaitan dengan soalan asal iaitu untuk mewujudkan pendapatan yang lebih stabil di kalangan pekebun-pekebun kecil.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup baik jawapannya. Dato' Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir.

**8. Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan perlunya diwujudkan semula biasiswa untuk kakitangan yang bertaraf Penolong Pensyarah (Pemegang Diploma) untuk membuat pengajian lanjutan hingga ke tahap yang lebih tinggi. Keutamaan patut diberikan kepada mereka ini untuk memastikan kualiti tenaga pengajar di Pusat Pengajian Tinggi berada di taraf yang sepatutnya sebagai pendidik.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]:** Tuan Yang di-Pertua, skim Penolong Pengarah masih ada. Skim ini adalah bagi staf akademik dengan kelayakan diploma yang mana asalnya diguna pakai oleh UTM dan UiTM. Ia telah dimansuhkan di UTM dan digantikan dengan skim Tutor. Ia masih diguna pakai di UiTM bagi beberapa kursus tertentu sahaja seperti seni lukis dan seni reka; dan sains gunaan serta kejuruteraan, biasanya bagi mengajar pelajar-pelajar di bengkel, di makmal dan di studio. Skim ini memperuntukkan kemudahan biasiswa kepada tenaga pengajar untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat Sarjana Muda dan Sarjana bagi membolehkan mereka dilantik sebagai Pensyarah.

Yang Berhormat, skim Penolong Pensyarah ini tidak terdapat di IPTA yang lain dengan adanya skim Tutor yang diwujudkan. Skim Tutor pula terbuka kepada pemegang Sarjana Muda dan sekurang-kurangnya CGPA 3.5 ke atas atau kelas 2 atas untuk dipilih sebagai Pensyarah. Ini bagi menjamin kecemerlangan dan kualiti staf akademik di universiti dan dengan melantik hanya calon-calon yang berkelayakan cemerlang sahaja sebagai tenaga pengajar di IPTA. Skim Tutor ini membenarkan staf akademik melanjutkan pelajaran dari peringkat sarjana terus ke peringkat PhD dan kedoktoran dalam sesuatu masa dan bidang. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir tidak ada soalan tambahan?

*[Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir menggeleng-gelengkan kepala tanda tiada soalan tambahan dari pihak beliau]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Hii Tiong Kuoh.

**9. Tuan Hii Tiong Kuah** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan pencerobohan perairan negara khasnya di Sarawak kian menjadi-jadi oleh nelayan asing. Mereka juga menggunakan bom untuk menangkap ikan di mana anak-anak ikan dan juga rumpai laut akan musnah. Sejauh manakah pengawasan pihak keselamatan terhadap aktiviti haram tersebut.

**Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya keselamatan di perairan Sarawak adalah selamat dan terkawal. Setakat ini belum ada kejadian penggunaan bom bagi menangkap ikan yang dilakukan oleh nelayan asing atau tempatan di kawasan tersebut. Untuk menangani ancaman ini Pasukan Marin telah pun mengambil beberapa langkah pencegahan antaranya:

- (i) mempertingkatkan rondaan di kawasan strategik dengan menggunakan aset-aset Pasukan Polis Marin secara optimum di kawasan yang sering menjadi tumpuan nelayan asing dan tempatan;
- (ii) mewujudkan Unit Risikan Marin (URM) bagi mendapatkan maklumat-maklumat risikan tentang ancaman ini; dan
- (iii) mengadakan operasi bersepadu dengan agensi-agensi penguatkuasaan serta berterusan di seluruh perairan Sarawak dan pemantauan di sepanjang masa oleh Unit Udara Polis.

Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Wan Nordin bin Che Murat.

**10. Tuan Wan Nordin bin Che Murat** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi menjadikan Malaysia sebuah negara yang indah dan mencadangkan agar kementerian mewujudkan satu peraturan atau denda bagi mereka yang 'memburukkan' alam sekitar. Ini kerana

keadaan alam sekitar di negara ini terutamanya di sekitar Lembah Klang adalah tidak memuaskan.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' S.G. Sothinathan]:**

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian mempunyai strategi yang tersendiri di dalam menangani persoalan ini. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Alam Sekitar telah menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 untuk mencegah, menghapus, mengawal pencemaran dan memperbaiki mutu alam sekeliling. Akta ini memperuntukkan denda-denda bagi kesalahan-kesalahan tertentu dan denda sebanyak RM2,000 ribu hingga RM500,000 ribu boleh dikenakan ke atas kesalahan-kesalahan yang dilakukan. Di samping itu peraturan-peraturan bagi mengawal pencemaran udara, air, pembuangan toksik dan bunyi bising kenderaan juga telah dikuatkuasakan.

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar juga mempunyai langkah-langkah jangka panjang dan pendek bagi menangani kejadian yang memburukkan alam sekitar. Antara langkah dalam jangka masa panjang ialah dengan mengadakan serta menggalakkan program-program kesedaran dan pendidikan seperti Program Sekolah Lestari, Program Bandar Lestari, Kem Kesedaran Alam Sekitar, Projek Riadah Alam Sekitar, Projek Wira Alam, sambutan Minggu Alam Sekitar, Anugerah Langkawi, pertandingan debat di antara institut-institut pengajian tinggi dan kempen media seperti Kuiz Kesedaran Alam Sekitar dan lain-lain yang dikendalikan oleh Jabatan Alam Sekitar.

Manakala Jabatan Pengaliran dan Saliran pula menjalankan Kempen Cintai Sungai dan mengambil langkah mencegah banjir dan pencemaran sungai melalui Manual Saliran Mesra Alam (MASMA) yang perlu dilaksanakan oleh pemaju-pemaju perumahan. Juga Jabatan Pengaliran dan Saliran memastikan bahawa langkah pematuhan pencegahan pencemaran keladak dari kawasan pemajuan perumahan melalui kaedah *erosion sediment control plan*. Langkah lain ialah pencegahan pencemaran daripada gerai makanan melalui sistem perangkap sisa makanan ataupun *grilse trap*. Jabatan ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Maknanya langkah-langkah ini terperinci dan termaktub.

**Dato' S.G. Sothinathan:** Mungkin Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Detail and publish*

**Dato' S.G. Sothinathan:** Yes. Jabatan Perhutanan pula menjalankan kempen penanaman pokok yang telah dilancarkan semasa Minggu Alam Sekitar Malaysia pada bulan Oktober 2004 dan sehingga kini sebanyak 1.04 juta pokok dari pelbagai jenis telah ditanam di seluruh negara. Sebagai langkah jangka pendek *flying squad* telah ditubuhkan dengan anggota-anggota Jabatan Alam Sekitar sedia ada untuk mengesan kes-kes pelanggaran peraturan alam sekitar dan juga untuk membolehkan orang ramai membuat laporan, JAS juga telah wujudkan satu talian bebas tol.

JAS juga sedang merangka *Industrial Environment Treating* untuk kilang-kilang sebagai penunjuk tahap pencapaian pematuhan terhadap peraturan alam sekitar dan sebagai langkah berterusan ialah kita juga sedang mengkaji undang-undang dan juga peraturan-peraturan yang sedia ada untuk mengatasi sebarang kelemahan yang sedia wujud dalam peruntukan perundangan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Lee Sing Chooi.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam usaha dan tinjauan dan kajian kementerian ke atas alam sekitar aspek-aspek manakah yang masih tidak sampai taraf yang ditetapkan oleh kementerian dan apakah cabaran-cabaran utama?

**Tuan Yang di-Pertua:** Satu soalan sahaja Yang Berhormat.

**Dato' S.G. Sothinathan:** Tuan Yang di-Pertua, penjagaan alam sekitar adalah satu cabaran yang terus menerus. Jadi kita tidak boleh mengatakan kita telah mencapai tahap sempurna dalam semua bidang. Tugas kita ialah untuk memastikan bahawa kita masih lagi mendengar banyak perkara-perkara berkaitan dengan alam sekitar yang diajukan melalui surat khabar dan juga media-media elektronik. Itu adalah cabaran kita dan kita akan terus memastikan bahawa kita memperkasakan kebolehan kementerian untuk menangani masalah ini secara terus menerus.

**Tuan Yang di-Pertua:** Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, penggunaan bahan plastik dengan meluas di antara punca membawa kepada kerosakan kepada alam sekitar. Adakah kerajaan bercadang untuk mengehadkan penggunaan bahan plastik ini dalam negara sebagai mana yang telah diamalkan di sesetengah negara supaya lebih mesra alam.

**Dato' S.G. Sothinathan:** Tuan Yang di-Pertua, ini memanglah suatu soalan yang baik tetapi kita juga memahami bahawa penggunaan plastik ini adalah satu daripada puncanya. Tetapi plastik ini juga mempunyai banyak kelebihan dari segi penggunaannya. Itulah sebabnya kita juga .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalannya adakah kerajaan bercadang mengehendkan penggunaan.

**Dato' S.G. Sothinathan:** Walaupun kita tidak bercadang mengehendkan tetapi kita cuba menggalakkan aktiviti *recycling* kerana kelebihan bahan plastik ini dalam penggunaan seharian kita.

11. **Dato' Hamzah bin Zainudin** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan apakah strategi kementerian untuk menggalakkan pelajar-pelajar negara luar untuk belajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam memandangkan masih ramai yang mengikuti pengajian di IPTS yang terdedah kepada penipuan.

**Setiausaha Parlimen kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]:** Tuan Yang di-Pertua saya memohon untuk menjawab soalan ini bersekali dengan pertanyaan ahli Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayaratnam pada 16 Mei 2005 dan ahli Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi pada 17 Mei 2005 memandangkan soalan-soalan ini adalah berkaitan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya benarkan. Maka soalan-soalan tersebut pada 16 dan 17 perlu dipotong Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Adham bin Baba:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat

**Datuk Dr. Adham bin Baba:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. IPTA ditubuhkan untuk memberi peluang pendidikan tinggi kepada rakyat tempatan dari pelbagai latar belakang kaum dan sosioekonomi. Sumbangan kerajaan kepada IPTA adalah amat tinggi iaitu melebihi 90 peratus kos operasi yang terlibat. Dengan ini kerajaan sebenarnya menyediakan subsidi yang besar kepada pelajar-pelajar IPTA dan yuran yang dikenakan ke atas pelajar-pelajar adalah sangat rendah. Memandangkan sumbangan kerajaan yang besar maka adalah wajar tempat-tempat di IPTA diberikan kepada pelajar tempatan.

Walau bagaimanapun, bagi menyediakan suasana antarabangsa di IPTA kerajaan bersetuju supaya bilangan pelajar asing di peringkat ijazah pertama dihadkan kepada tidak lebih 5 peratus. UIAM dalam hal ini tidak termasuk dalam kawalan ini memandangkan UIAM ditubuhkan sebagai sebuah universiti antarabangsa dan turut disertai oleh pelajar-pelajar dari negara-negara OIC. Sehubungan itu kemasukan pelajar luar negara ke UIAM di peringkat ijazah pertama dibenarkan sehingga 25 peratus dari jumlah kemasukan pelajar tempatan.

Dengan itu sememangnya bilangan pelajar-pelajar asing dari IPTA khususnya di peringkat ijazah pertama adalah kurang berbanding bilangan mereka yang belajar di IPTS yang ditubuhkan untuk memberi peluang pendidikan tinggi kepada pelajar tempatan dan luar negara.

Yang Berhormat, Kementerian Pengajian Tinggi telah mengambil beberapa strategi untuk memantapkan pendidikan tinggi di dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan dan seterusnya menarik lebih ramai pelajar luar negara untuk mengikuti pengajian di IPTA. Langkah-langkah tersebut adalah seperti:-

- (i) mempertingkatkan penawaran program pengajian di peringkat pasca siswazah kepada pelajar asing kerana dengan peningkatan bilangan pelajar asing di IPTA akan dapat menyumbang kepada peningkatan imej IPTA di arena antarabangsa sebagai pusat kecemerlangan dan dasar kementerian pada masa ini ialah memberikan kelonggaran kepada IPTA untuk mengambil pelajar asing di peringkat pasca siswazah mengikut keupayaan IPTA masing-masing;
- (ii) bagi menjamin IPTA unggul dan terus unggul dalam bidang pengajaran dan pendidikan, kementerian memberi penumpuan kepada peningkatan kualiti tenaga akademik dan IPTA dengan meletakkan sasaran 75 peratus tenaga akademik;

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat tidak mahu beri peluangkah soalan tambahan sebab.....

**Datuk Dr. Adham bin Baba:** Ada, ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada? Saya akan benarkan Dato' Hamzah dan yang kemukakan pertanyaan, dua pada 16 dan pada 17. Siapa Yang Berhormat yang kemukakan pertanyaan?

**Tuan Lee Sing Chooi:** *[Bangun]*

**Dato' Dr. S. Vijayaratnam:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Lee Sing Chooi dan Dato' Dr. S. Vijayaratnam. Silakan Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Adham bin Baba:** Sekejap lagi, ada dua lagi sedikit. Menjamin kelayakan 7 peratus tenaga akademik berkelayakan Ph.D menjelang tahun 2010

- (iii) mansuh terus semula jawatan tinggi IPTA dengan mewujudkan jawatan timbalan naib canselor akademik tempatan dan kebangsaan; dan
- (iv) mempergiatkan aktiviti promosi dan pemasaran oleh Jabatan Penuntut Malaysia di luar negara untuk menarik lebih ramai lagi pelajar-pelajar luar negara belajar di Malaysia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dato' Hamzah bin Zainudin. Lepas itu Tuan Lee Sing Chooi dan Dato' Dr. S. Vijayaratnam.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Soalan tambahan saya ialah memandangkan jawapan daripada Yang Berhormat tadi sebegitu rupa saya hendak tanya bagaimana pula langkah-langkah supaya IPTS dipantau supaya tidak ada penipuan supaya imej pengajian tinggi pelajaran di Malaysia begitu tinggi sekali?

**Datuk Dr. Adham bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian memang mengambil berat terhadap kualiti pendidikan yang ditawarkan di IPTS sebagaimana peruntukan perundangan yang terkandung dalam Akta Sijil Pendidikan Tinggi Swasta 1996 dan Akta Lembaga Akreditasi Negara 1996, dan bagi memastikan kualiti pendidikan yang ditawarkan oleh IPTS sentiasa tinggi. Antara langkah yang diambil ialah seperti berikut:-

- (i) kita membentuk satu kriteria dan *standard* pendidikan yang memenuhi keperluan tempatan dan juga menepati amalan terbaik di antarabangsa.

- (ii) jaminan kualiti yang berterusan, maknanya melalui proses penilaian, kelulusan, pengendalian. Penilaian *standard* minimum dan juga perakuan akreditasi kepada IPTS.
- (iii) pemantauan dan penguatkuasaan terhadap salah laku terhadap IPTS dalam penawaran dan pengendalian kursus kajian dan tindakan telah diambil terhadap IPTS yang telah melanggar peraturan-peraturan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Juga terdapat LAN sebagai akreditasi negara. Adakah itu sebahagian daripada prosedur pemantauan?

**Datuk Dr. Adham bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua LAN ialah badan yang mengawas dan menyelia serta memantau pengajian di IPTS.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Tuan Lee Sing Chooi.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Tuan Yang di-Pertua, Malaysia berhasrat menjadi satu pusat kecemerlangan pendidikan serantau dan kita juga nampak.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Pertanyaan Yang Berhormat.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Apa yang sekarang ini, sampai manalah tahap IPTA dan IPTS yang tahap mana untuk institusi-institusi menolong Malaysia menjadi satu pusat pendidikan kecemerlangan serantau?

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah Yang Berhormat maksud *benchmark*?

**Tuan Lee Sing Chooi:** Ya, *benchmark* dan status itu.

**Datuk Dr. Adham bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, kalau ikut soalan Yang Berhormat ialah jumlah pelajar asing IPTS-IPTS. Tetapi soalan ini saya boleh jawab. Untuk....

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya benarkanlah.

**Datuk Dr. Adham bin Baba:** Setakat ini kita mempunyai 17 IPTA yang mana 11 IPTA bertaraf universiti dan 6 kolej universiti dan kita ada 559 IPTS di mana 26 ialah bertaraf kolej universiti, 533 IPTS bukan bertaraf universiti iaitu IPTS biasa dan kita membandingkan *benchmark* ataupun ciri-ciri bertaraf tempatan dan dunia dengan menimbangkan supaya staf-staf akademik berkualiti dari segi pengajaran dan pendidikan di pastikan melalui pengambilan dan pengrekrutan staf yang cemerlang dan kemudian diperakui dari segi akademik, pengalaman pendidikan dan personaliti.

Yang kedua, kita menawarkan program-program berkualiti memenuhi *standard* industri dan antarabangsa dari segi kurikulum dan kaedah penyampaian. Yang ketiga, kita menetapkan supaya universiti berupaya menjana sumber pendapatan sendiri dari usaha penyelidikan dan pengkomersialan produk-produk dan perundingan serta implan pelajar asing. Keempat, kita mempunyai agar pelajar-pelajar yang cemerlang dengan syarat kemasukan yang ketat dan telus berupaya menarik pelajar-pelajar tempatan dan antarabangsa sama ada di peringkat siswazah, pasca siswazah ataupun di peringkat siswazah.

Dengan adanya keupayaan pendidikan yang kuat, saya dapati pada tahun ini IPTA kita sebenarnya cemerlang di peringkat dunia kerana telah memenangi 110 pingat di pameran antarabangsa di Geneva pada April 2005 di mana universiti kita yang terulung iaitu Universiti Malaya yang menduduki tempat ke 89 dalam senarai *Time Higher Education Supplement* yang dikeluarkan baru ini mendapat 19 buah pingat emas, 11 perak dan 3 gangsa dalam mempromosi hasil-hasil penyelidikan dan ada yang telah dikomersialkan. Menunjukkan bahawa kita mampu bersaing di peringkat dunia, itu baru Universiti Malaya ada lagi universiti lain.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat beri peluang kepada Dato' Dr. S. Vijayaratnam.

**Dato' Dr. S. Vijayaratnam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat atas penjelasan yang begitu terperinci.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pertanyaan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. S. Vijayaratnam:** Soalan saya adakah kementerian buat penyiasatan apakah sebab-sebab untuk kekurangan penuntut-penuntut asing sama ada di universiti awam atau universiti swasta keseluruhan.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah, apakah sebab-sebab kekurangan di dua-dua swasta dan awam?

**Datuk Dr. Adham bin Baba:** Yang Berhormat sebenarnya tidak ada pengurangan dalam bilangan pelajar asing dalam negara kita contoh tahun 2000 di IPTA 3764 dan di IPTS 15,003 dan pada tahun lepas 2004 sahaja kita di IPTA ada 6315 dan di IPTS kita ada 25,976. Tidak ada pengurangan sebenarnya dalam bilangan pelajar di IPTS tetapi kita mengambil langkah-langkah supaya tidak ada kemerosotan dalam

pengambilan pelajar kerana kita tahu pelajar yang paling ramai belajar di negara kita ialah dari Indonesia dan China dan dengan adanya pembukaan lebih banyak IPTS dan IPTA di China sekarang ini kebanyakan pelajar-pelajar lebih mirip untuk belajar di negeri China dan dengan ada *competition* ataupun pertandingan yang sihat di kalangan negara-negara ASEAN menawarkan universiti-universiti kepada pelajar-pelajar dari negara asing. Ini akan kita ambil langkah dengan bersungguh-sungguh Tuan Yang di-Pertua.

12. **Puan Hajah Samsiah binti Samsudin** minta Menteri Penerangan menyatakan di dalam kempen 'Budi Bahasa Budaya Kita' apakah iklan seperti menghirup mee dengan gelojoh itu sesuai untuk ditayangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Puan Noriah binti Kasnon]:**

Tuan Yang di-Pertua, Kempen 'Budi Bahasa Budaya Kita' merupakan usaha bersungguh-sungguh kerajaan untuk menyemai sifat berbudi bahasa dan berbudaya di kalangan rakyat. Peranan Kementerian Penerangan ialah menjayakan kempen melalui media elektronik iaitu televisyen dan radio.

Kementerian Penerangan sebenarnya membantu Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan yang menerajui kempen 'Budi Bahasa Budaya' ini. Iklan yang disiarkan di RTM telah ditapis dan menepati kod pengiklanan dan garis panduan yang ditetapkan. Ini bermakna iklan-iklan tersebut adalah sesuai untuk tontonan orang ramai di televisyen. Walau bagaimanapun, pendekatan yang digunakan seperti iklan yang menunjukkan pelakon menghirup mee dengan gelojoh, pasti mempunyai mesej tertentu, di mana masyarakat perlu dididik mengenai apa yang baik dan apa yang tidak baik. Pepatah ada mengatakan 'yang baik jadikan teladan, yang tidak baik jadikan sempadan.' Elemen ini penting untuk memastikan mesej yang terselit tersebut sampai kepada sasaran. Semoga cara ini sedikit sebanyak dapat memberi impak yang positif terhadap usaha berterusan kerajaan untuk menjayakan kempen 'Budi Bahasa Budaya Kita' di kalangan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum dan agama, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Puan Hajah Samsiah, selepas itu Datuk Syed Ali. **Puan**

**Puan Hajah Samsiah binti Samsudin:** Apakah kriteria sesuatu iklan itu dapat diterima dan dianggap sesuai?

**Puan Noriah binti Kasnon:** Di Kementerian Penerangan, setiap iklan yang disiarkan sama ada melalui radio ataupun televisyen adalah berhasrat untuk membantu mempromosikan perkembangan industri dalam negara ini dan kita ada kod pengiklanan dan juga kod etika penyiaran Kementerian Penerangan sedia ada yang mesti dipatuhi seperti kesopanan yang lazim, tatacara berpakaian, tatacara bahasa, kejujuran, gambaran sebenar barangan dan juga kepekaan terhadap masyarakat iaitu sensitiviti kaum, agama dan adat dan juga identiti kewarganegaraan pelakon, antaranya terima kasih.

**Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah pihak kementerian juga memantau stesen-stesen radio, TV dan swasta mengadakan kempen 'Budi Bahasa Budaya Kita' ini? Terima kasih.

**Puan Noriah binti Kasnon:** RTM sebenarnya hanya ada kuasa untuk menasihatkan sahaja tetapi tidak ada bidang kuasa untuk menguatkuasakan apa garis panduan dan kod etika yang digunakan oleh Kementerian Penerangan. Mereka adalah tertakluk kepada Kementerian Tenaga, Air, dan Komunikasi, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Soalan tambahan saya, kita lihat drama-drama yang di pameran dalam TV kita masih kurang lagi.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Pertanyaan Yang Berhormat.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Pertanyaannya bagaimana kerajaan untuk memastikan drama-drama yang ditayangkan mempunyai nilai budi bahasa yang tinggi, terima kasih.

**Puan Noriah binti Kasnon:** Sebenarnya agak terkeluar kerana saya menjurus kepada iklan. Walau bagaimanapun, di dalam drama-drama yang disiarkan oleh RTM sebenarnya juga adalah melalui tapisan dengan menggunakan garis panduan dan kod etika yang sama, terima kasih.

13. **Dato Sri Empiang Jabu** minta Menteri Luar Bandar dan Wilayah menyatakan status terkini 'Mini Hydro Dam', di Telok Melano. Sarawak yang berharga kira-kira RM12 juta.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Dr. Tiki anak Life]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos sebenar projek bekalan elektrik Sistem Mikro Hidro, Gen-set Hibrid di Telok Melano Sarawak adalah sebanyak RM3.47 juta dan bukannya RM12 juta seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat. Kementerian sememangnya mempunyai rancangan untuk membaik pulih sistem tersebut dan pada masa ini kementerian masih menunggu jawapan daripada Perbadanan Bekalan Elektrik Sarawak (SESCO) supaya bersetuju untuk mengambil alih projek tersebut setelah siap dibaik pulih. Perkara ini adalah berdasarkan kepada peraturan di bawah seksyen 36(1) Ordinan Elektrik Sarawak yang menetapkan bagi set generator yang melebihi 5 kilowatt hanya boleh dioperasikan oleh pihak yang mendapat lesen, mempunyai lesen yang dikeluarkan oleh Perbadanan Bekalan Elektrik Sarawak. Oleh yang demikian, tanpa persetujuan pihak SESCO, kementerian tidak dapat mengambil tindakan susulan, sekian terima kasih.

**Dato Sri Empiang Jabu:** Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, adakah kementerian akan menjadikan projek ini sebagai pengajaran atau pedoman bagi merancang projek masa depan supaya perkara ini tidak berlaku lagi? Terima kasih.

**Dato' Dr. Awang Adek bin hussin:** Terima kasih Yang Berhormat kerana soalan itu memang ini merupakan akan menjadi pengajaran dan juga pedoman kepada kita semua, sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebab itu saya pun terasa ini *politically loaded*.

14. **Dato' Rhina Bhar** minta Perdana Menteri menyatakan status cadangan untuk enakmen gangguan seksual yang dimajukan oleh Kumpulan Tindakan Bersepadu (*Joint Action Group*) kepada Peguam.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, Bahagian Pendakwaan Jabatan Peguam Negara telah mengemukakan ulasan dan pandangan awal ke atas cadangan rang undang-undang yang disediakan oleh *Women Center for Change* ataupun Kumpulan Tindakan Bersepadu (*Joint Action Group*) kepada Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga pada 12 Januari 2004. Susulan daripada itu, satu mesyuarat telah

pun di adakan di Kementerian Pembangunan dan Keluarga pada 17 Mei 2004 untuk membincangkan rang undang-undang tersebut.

Pada mesyuarat itu satu keputusan telah dicapai oleh semua yang hadir bahawa rang undang-undang itu tidak perlu diteruskan pembuatannya, sebaliknya keputusan telah dibuat untuk mengkaji undang-undang yang sedia ada dan memperkukuhkannya dengan mengadakan pindaan berkenaan dengan gangguan seksual. Pihak kementerian telah ditugaskan untuk mengambil apa-apa tindakan susulan yang diperlukan. Tindakan telah pun diambil di mana pindaan yang sewajarnya hendak dibuat kepada Kanun Keseksaan melalui Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004. Ianya telah dibentangkan di Parlimen. Walau bagaimanapun, pada masa ini rang undang-undang itu telah dikemukakan untuk dikaji dan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat.

**Dato' Rhina Bhar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah, sekarang kami mempunyai satu *code of practice*, tetapi *code of practice* ini tidak mempunyai apa-apa kuasa pun, tidak boleh buat apa-apa pun.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Pertanyaannya?

**Dato' Rhina Bhar:** So, macam mana peguam ada memberitahu tidak payah membuat undang-undang di atas gangguan *sexual*, jadi bagaimana untuk mengatasi supaya masalah ini turun?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat Senator sebenarnya kalau kita mempunyai satu akta khusus untuk gangguan *sexual*, ia tidak akan begitu dipandang berat, kalau sekiranya diletakkan di bawah Kanun Keseksaan (crime), kalau tidak orang akan melihat itu hanya sebagai satu perkara yang bukan jenayah, tetapi hanya *civil* atau mungkin kesalahan yang kecil sahaja. Tetapi kalau kita letakkan di bawah Kanun Keseksaan kesannya adalah merupakan jenayah dan jenayah ini harus kalau didapati bersalah mesti dikenakan dengan hukuman yang berat. Jadi adalah baik untuk ia dimasukkan dalam *sexual harassment* ini, dimasukkan di bawah Kanun Keseksaan daripada ia hanya menjadi satu *code of practice* ataupun satu undang-undang yang kecil sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dalam ingatan saya pernah kerajaan dan Parlimen menangani secara serupa, isu *terrorism*.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya, betul.

[Soalan No. 15 – Puan Wan Ubaidah binti Omar tidak hadir]

16. **Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan apakah tindakan Kementerian supaya mahasiswa dan mahasiswi yang masih lagi belajar akan mendapat pekerjaan setelah tamat pengajian kelak dan apakah tindakan-tindakan agar graduan-graduan kita berfikiran terbuka dalam dunia tanpa sempadan hari ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]:** Tuan Yang di-Pertua dalam soalan ini ada dua bab, jadi saya minta sedikit masa.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengajian Tinggi sentiasa memastikan supaya pelajar-pelajar yang dihasilkan adalah berkualiti dan memenuhi kehendak pasaran.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya memohon Yang Berhormat agar pendekkan jawapan sedikit sebab saya hendak cuba habiskan soalan 17, sebab ianya menyentuh soal hukuman alternatif yang menjadi isu semasa, hukuman alternatif. Terima kasih.

**Datuk Dr. Adham bin Baba:** Itu pun dalam fikiran saya, Tuan Yang di-Pertua. Bagi tujuan tersebut kementerian mengambil berapa langkah berikut seperti:

- (i) mengkaji penawaran program-program baru ke IPTA supaya ia sesuai dengan keperluan tenaga manusia dan pada masa hadapan;
- (ii) memastikan juga supaya latihan industri yang diberikan kepada pelajar sekurang-kurangnya tiga bulan bagi mendedahkan mereka kepada latihan *practice* dan alam pekerjaan;
- (iii) meminta supaya IPTA meningkatkan penggunaan dan penguasaan bahasa Inggeris dalam kursus-kursus yang ditawarkan;
- (iv) memberi penekanan dalam program-program yang dapat memupuk serta meningkatkan kemahiran pelajar seperti pengetahuan dalam **bidang ICT, komunikasi;**

- (v) meneruskan penganjuran sesi-sesi dialog dengan pihak industri dan pihak berkepentingan yang membantu kementerian dalam memberikan peluang pekerjaan;
- (vi) mencadangkan program pengajian secara *dwi-major* atau *double degree* melalui gabungan kursus-kursus yang tidak popular seperti Pengajian Islam dan juga sains serta sastera; dan
- (vii) penilaian semula ko-kurikulum pengajian dalam tempoh lima tahun diambil kira juga ulasan penasihat akademik, penilaian luar dan juga industri.

Tuan Yang di-Pertua, bab dua, justeru itu bagi memastikan setiap graduan yang dihasilkan oleh IPT, berfikiran terbuka dan bersifat global dan mampu bersaing, maka kementerian menggalakkan agar setiap IPTA mewujudkan persekitaran yang *condusive* untuk pengajaran dan pembelajaran seperti:

- (i) kemudahan-kemudahan bacaan di perpustakaan, bilik kuliah, makmal, peralatan ICT dan lain-lain peluang untuk mengikuti suasana pembelajaran yang selesa serta membuka ruang untuk mereka bersaing di peringkat antarabangsa;
- (ii) memberi pendedahan secara menyeluruh dan bersepadu kepada pelajar-pelajar, khususnya melalui kerjasama dua hala IPT dengan IPT di luar negara, seperti membuka ruang untuk mengadakan pertukaran pelajar dan perkongsian pintar melalui pendidikan bersama, mengadakan aktiviti-aktiviti pelajar seperti majlis dialog, pertandingan pidato, syarahan seperti yang kita menang di USA baru-baru ini, lawatan sambil belajar yang akan diadakan dari semasa ke semasa;
- (iii) menggalakkan kemasukan pelajar asing ke dalam IPTS seperti sebut tadi;
- (iv) IPT juga diminta untuk mengadakan kerjasama dengan agensi kerajaan dan swasta bagi meningkatkan keterampilan diri pelajar selaras dengan perkembangan semasa; Yang terakhir sekali

- (v) IPT tempatan juga seharusnya mengadakan kunjungan-kunjungan akademik ke universiti-universiti terkemuka luar negara seperti *Harvard, Oxford Cambridge, Yale* dan juga di mana-mana yang tersenarai sebagai universiti tersohor untuk menimba ilmu dan menjalin hubungan kerjasama di dalam pelbagai bidang dan mantapkan lagi institusi masing-masing. Sekian, terima kasih.

17. **Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan apakah kerajaan telah membuat kajian terhadap hukuman-hukuman alternatif yang tidak membebankan memandangkan kos memenjara banduan atau pesalah yang tinggi termasuk kos infrastruktur, makanan, pengawalan dan pemulihan dan berapakah kos yang perlu ditanggung untuk memenjara seorang banduan atau pesalah untuk satu hari.

**Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua jawapan panjang, saya cuba pendekkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Kementerian melalui agensinya Jabatan Penjara telah membuat kajian terhadap beberapa alternatif bagi hukuman penjara yang boleh dilaksanakan bagi menyumbang ke arah peningkatan pemulihan serta mengurangkan jumlah pesalah yang perlu ditahan atau menjalani hukuman di penjara. Antara alternatif yang sedang diteliti dan dikaji adalah:

- (i) sistem Parol;
- (ii) perintah Khidmat Masyarakat iaitu cadangan perintah ini telah dikemukakan bagi memberi hukuman kepada pesalah-pesalah yang melakukan kes-kes ringan;
- (iii) pusat Mewajibkan Hadir iaitu alternatif ini sesuai dilaksanakan terutamanya bagi banduan yang hukumannya di antara tiga hingga enam bulan. Alternatif ini memberi peluang kepada pesalah meneruskan pekerjaan dan menyara keluarga;
- (iv) memaksimumkan peruntukkan di bawah Kanun Proses Jenayah seperti Seksyen 283 (1B), di mana memberi masa untuk

- membayar denda dan juga mengarahkan denda dibayar secara beransur-ansur;
- (v) saman sebagai ganti kepada *arrest and detention*, di mana sekarang ini ada 40% jumlah banduan yang ditahan di penjara merupakan tahanan reman. Ia menjadi salah satu sebab punca kesesakan. Memandangkan hukuman sedang dikaji dan diteliti bertujuan untuk dicadangkan bagi menggantikan *arrest and detention* bagi kesalahan kecil yang tidak **menjejaskan** keselamatan masyarakat;
  - (vi) banduan tidak waras ataupun banduan gila. Banduan sebegini akan dihantar terus ke hospital mental untuk menjalani rawatan dan tidak ditahan di penjara;
  - (vii) hukuman sebat dan rotan. Kita sedang mengkaji semula hukuman yang melibatkan sebat dan rotan dengan memberi pertimbangan menambahkan sebatan dan mengurangkan tempoh hukuman penjara; dan yang akhir
  - (viii) pesalah mungkin boleh dipertimbangkan untuk dikenakan denda mengikut keupayaan pendapatannya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada lapan jenis hukuman alternatif yang sedang difikirkan. Masa cukup.

### **USUL**

#### **MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

”Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;  
“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Parlimen Kesebelas." **[11 Mei 2005]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Diminta Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar menjawab dan menggulung.

**11.18 pagi.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tuan Sazmi bin Miah]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bagi pihak Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih dan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang sudi memberi perhatian kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar semasa membahaskan Titah Ucapan Diraja merasmikan Persidangan Parlimen Sesi Kesebelas Penggal Kedua.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan berkenaan dengan isu kementerian ini telah memberi keyakinan kepada kami di pihak kementerian untuk memberi tumpuan sepenuhnya kepada pengurusan sumber asli dan alam sekitar secara bersepadu dan berkualiti. Kementerian berterima kasih di atas kepercayaan serta perhatian yang telah ditunjukkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Dato' Syed Zain ada membangkitkan tentang kepentingan penanaman pokok bakau sebagai penahan ombak secara semula jadi, khususnya tsunami. Pihak kementerian telah mengambil langkah-langkah yang konkrit dengan merancang dan menyelaras penanaman pokok bakau dan spesies-spesies lain yang sesuai di persisiran pantai seluruh negara. Kementerian telah menubuhkan pasukan petugas khas jawatankuasa operasi menanam pokok-pokok bakau dan spesies-spesies yang sesuai di persisiran pantai negara pada Februari tahun 2005.

Fungsi pasukan petugas khas adalah antara lain untuk mengawal selia dan meninjau pelaksanaan program menanam pokok bakau dan spesies-spesies lain yang sesuai di pesisiran pantai bagi menentukan keberkesanan pelaksanaannya. Pada masa

ini, semua negeri telah mengenal pasti dan mengesahkan tapak-tapak yang perlu dijalankan tanaman bagi mencegah hakisan pantai dan satu pelancaran program penanaman dijangka akan diadakan pada sedikit masa lagi dan ianya pada peringkat nasional dan juga peringkat negeri.

Untuk makluman Yang Berhormat, setakat pada hari ini sejumlah 135,750 pokok bakau telah pun ditanam dan sebanyak 47,000 batang pelbagai spesies lain, termasuk pokok rhu dan sebagainya telah ditanam di seluruh Malaysia. Untuk Rancangan Malaysia Kesembilan, pihak kementerian juga telah memohon peruntukkan sebanyak RM100 juta untuk tujuan penanaman sebanyak lebih kurang 12 juta pokok bakau dan ianya akan berterusan sehingga ke RMK10, RMK11 dan RMK12 sebab ianya kita anggap sebagai program menyeluruh dan berterusan.

Yang Berhormat Dato' M. Ratnam telah menyentuh berkenaan dengan permohonan hak milik tanah yang mengambil masa yang lama dan mencadangkan supaya ianya dibawa ke mesyuarat menteri-menteri besar untuk dipercepatkan. Kementerian sedar bahawa memang ada kelemahan dan tunggakan di dalam menyelesaikan permohonan hak milik tanah disebabkan beberapa faktor seperti kekurangan anggota dan beban tugas yang bertambah di pejabat-pejabat tanah. Oleh itu kementerian dengan kerjasama Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) telah menjalankan kajian terhadap pentadbiran di pejabat tanah dan telah mengemukakan sebanyak 43 perakuan untuk tindakan sertaserta jangka pendek dan jangka panjang pada Januari tahun 2004 kepada panel memajukan pentadbiran awam ataupun panel.

Hasil daripada perekayasaan ini proses kerja telah diseragamkan norma masa kitaran setiap proses kerja dan *e-performance indicators* telah pun diwujudkan. Sebagai contohnya, bagi pembangunan tanah proses pembangunan serah balik dan beri milik semula tanah telah dikurangkan, rasanya daripada 5 bulan kepada 3 bulan dan proses permohonan pecah sempadan tanah telah dikurangkan dari 4 bulan kepada 2 bulan serta permohonan untuk cantuman tanah telah dikurangkan daripada 4 bulan kepada 3 bulan dan pelbagai lagi proses yang telah dipendekkan.

Jawatankuasa penyelarasan perlaksanaan strategi baru urusan pentadbiran tanah yang dipengerusikan oleh Tan Sri Ketua Setiausaha Negara telah di tubuh untuk

memantau pelaksanaan perakuan tersebut pada bulan Mac tahun 2004 yang diurusetikan oleh pihak MAMPU dan perakuan tersebut tadi telah pun dipersetujui oleh kerajaan-kerajaan negeri dalam mesyuarat ke-60 Majlis Tanah Negara pada bulan Ogos tahun 2004.

Di samping itu bagi membantu kerajaan-kerajaan negeri dalam menangani masalah tunggakan kementerian telah menubuhkan pasukan petugas khas atau dengan izin *flying squad* pada 1 Februari 2004. Sehingga bulan Mei tahun 2005 ini pasukan ini telah berjaya menyelesaikan lebih 99% kes urus niaga dan bukan urus niaga yang tertunggak sejak Disember 2003 dan telah berjaya menyelesaikan 23% tunggakan urusan permohonan tanah, 66% pendaftaran hak milik strata dan 25% penukaran hak milik sementara kepada hak milik tetap.

Yang Berhormat Senator Siw Chun telah membangkitkan isu berkenaan dengan tanah wat Siam, kalau dibelah Timur kita panggil ketik Siam, yang telah tidak ditukar hak milik dari si pemberi tanah kepada pihak pengurusan atau kemungkinan pemegang amanah wat berkenaan dan ini menyebabkan tanah berkenaan dituntut kembali.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Macam mana Yang Amat Berhormat petah sangat bahasa Siam itu?

**Tuan Sazmi bin Miah:** Kuranglah, saya tahu, *sawadikap* sahaja. Oleh perwaris si pemberi. Untuk makluman Yang Berhormat undang-undang dan peraturan yang sedia dipakai pada masa ini adalah mengiktiraf dan hak seseorang ke atas lot tanah berdasarkan hak milik yang sedia ada. Jadi cara yang terbaik yang dapat kita cadangkan bagi menyelesaikan masalah buat masa kini ialah melalui perundingan ataupun melalui lunas-lunas undang-undang yang sedia ada berdasarkan apa juga bukti seperti bentuk-bentuk dokumen dan lain-lain lagi sebabnya ia bukan seperti tanah wakaf orang Islam. Yang ini diuruskan oleh Majlis Agama Islam Negeri sendiri, jadi untuk agama-agama lain kita tidak ada lagi undang-undang wakaf dan sebagainya. Jadi bagi pihak kementerian Insya-Allah, saya akan mengambil maklum berkenaan dengan apa yang telah diberikan dan kita akan mengkaji masalah seperti mana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Senator.

Berikut ialah isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Hajah Sharipah Aminah mengenai dengan undang-undang alam sekitar yang baru bagi

menggantikan yang lapuk serta meningkatkan profesionalisme Jabatan Alam Sekitar berikutan dengan isu yang telah keluar pada surat-surat khabar beberapa minggu atau bulan yang lepas. Pada pendapat kami tidak perlulah kita bagi buat undang-undang baru. Undang-undang yang sedia ada iaitu Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 itu memang sudah memadai iaitu akta induk bagi mencegah dan mengawal pencemaran alam sekitar dan ianya pun telah dipinda. Kita hendak bagi pendapat di sini bahawa eloknya kita pindalah daripada apabila timbulnya isu-isu baru dan akta ini telah dipinda sebanyak 4 kali Yang Berhormat, iaitu pada tahun 1985, pada tahun 1996, 1998 dan juga tahun 2001. Kementerian juga telah bercadang untuk meminda sekali lagi akta tersebut pada tahun ini, insya Allah pada sesi Dewan Rakyat yang akan datang.

Selain dari itu Jabatan Alam Sekitar juga telah pun memulakan kajian semula terhadap empat peraturan:

- (i) peraturan kualiti alam sekeliling iaitu kewangan terjadual;
- (ii) peraturan kualiti alam sekeliling kumbahan dan *effluence* perindustrian;
- (iii) peraturan kualiti alam sekeliling udara bersih; dan
- (iv) perintah kualiti alam sekeliling aktiviti yang ditetapkan penilaian leset kesan kepada alam sekeliling.

Dua peraturan baru sedang digubal dan telah pun siap draf pertamanya iaitu peraturan kualiti alam sekeliling bagi mengawal aktiviti pembersihan kapal tangki dan peraturan kualiti alam sekeliling bagi mengawal pengangkut-pengangkut buangan terjadual. Tujuan semakan semula penggubalan tersebut adalah untuk meningkatkan keupayaan Jabatan Alam Sekitar menangani isu-isu alam sekitar yang sekarang ini semakin mencabar dan semakin mendapat maklum balas yang akan baik daripada orang ramai.

Pihak kementerian akan terus memainkan peranan yang proaktif dalam memastikan pengurusan sumber asli dan alam sekitar negara terus dipertingkatkan. Sekali lagi pihak kementerian mengucapkan ribuan terima kasih kepada ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun memberi pandangan dan juga telah memberi komen kepada kementerian ini supaya kami dapat menjalankan tugas dengan lebih baik lagi. Sekian terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kerana saya terpaksa menyebut tentang hal ini. Saya menyebut satu perkara yang saya rasa ada di bawah bidang kuasa kementerian ini tetapi saya tunggu-tunggu dan tidak ada juga rupanya, terima kasih.

**Tuan Sazmi bin Miah:** Tuan Yang di-Pertua, mungkin pihak kami tidak sempat hendak rekodkan. Bolehkah tolong beri pada saya, kalau saya boleh jawab, saya jawab.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, di sini seseorang ahli boleh bangun atas dasar peraturan mesyuarat atau untuk mendapatkan keterangan. Sebagai laluan Yang Berhormat telah pun duduk. Untuk mencari peraturan mesyuarat yang membolehkan perkara tersebut terus disuarakan dan saya pun tidak ingat peraturan mesyuarat yang mana.

Di sini bebanannya terletak pada saya untuk membuat keputusan (*ruling*), maka kita andaikan seolah-olah Yang Berhormat tidak sempat duduk sepenuhnya lagi, Yang Berhormat mohon laluan, apakah laluan yang dimohonnya?

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang memberi laluan yang saya kiranya yang hampir ditutup. Saya telah menimbulkan masalah berhubung dengan pengorekan dan juga pembinaan benteng pemecah ombak di muara sungai Kuala Terengganu. Pada kali yang pertama telah dibuat dan benteng pemecah ombak tidak dibina. Tahun ini sekali lagi muara itu digali tetapi persoalan saya adakah benteng pemecah ombak akan dibina atau pun akan diulang-ulang pengorekan atau penggalian muara itu tanpa mengadakan ataupun membina benteng pemecah ombak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya dengar sendiri Yang Berhormat menyuarakan perkara yang berkenaan.

**Tuan Sazmi bin Miah:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang telah membangkitkan isu tersebut.

Pada pihak kementerian pengorekan dan sebagainya muara sungai ini dilakukan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran. Yang sebenarnya, sepengetahuan saya untuk kerja-kerja membuat penahan ombak ini termasuklah di seluruh semenanjung Malaysia dan juga Sabah dan Sarawak akan kita buat kajian pada tahun ini untuk dimasukkan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Ini termasuklah bagi kajian lembangan Sungai

Kuala Terengganu, lembangan Sungai Kelantan dan lembangan-lembangan sungai yang besar di Malaysia ini.

Jadi secara bertulis saya akan beri jawapan kepada Yang Berhormat, secara lisan seperti saya katakan tadi akan dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, insya-Allah. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih kerana menyumbang ke arah kesempurnaan perjalanan Dewan. Kementerian Kesihatan.

**11.31 pagi.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan Lee Kah Choon]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Diraja yang menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Izinkan saya menyentuh tentang isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad yang membangkitkan tentang penyakit HIV/AIDS yang menurut beliau meningkat dengan ketara di negara ini dan menyarankan cara-cara pencegahan serta mengatasi masalah ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, statistik di Kementerian Kesihatan menunjukkan jumlah kes jangkitan HIV terkumpul yang dilaporkan sehingga Disember 2004 adalah seramai 64,439. Manakala bilangan pesakit AIDS adalah seramai 9,442 kes. Bilangan kes jangkitan HIV baru yang dilaporkan ke Kementerian Kesihatan pada tahun 2003 dan 2004 telah menunjukkan penurunan iaitu dari 6,978 kes dalam tahun 2002 kepada 6,756 pada tahun 2003 dan seterusnya kepada 6,427 kes pada tahun 2004.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan melalui Kementerian Kesihatan dan beberapa agensi kerajaan dan bukan kerajaan atau NGO telah merancang dan melaksanakan pelbagai program pencegahan, penjagaan dan rawatan HIV/AIDS dari masa ke semasa bagi membendung penyakit HIV/AIDS dari terus meningkat. Antara usaha dan tindakan berterusan yang dijalankan adalah melalui aktiviti promosi dan pendidikan kesihatan HIV/AIDS melalui kempen-kempen cara hidup sihat di media massa, pemantauan atau *surveillance*, jangkitan HIV dan penyakit AIDS seluruh negara, program pendidikan

kesihatan HIV/AIDS bagi remaja, program-program ujian dan kaunseling HIV secara sukarela bagi golongan berisiko dan masyarakat umum serta program pencegahan dan kawalan HIV di penjara dan pusat serenti.

Kementerian Kesihatan juga telah melaksanakan program pencegahan transmisi HIV dari ibu mengandung kepada anak sejak tahun 1998 dan melalui program ini kadar jangkitan HIV di kalangan bayi yang baru lahir dapat dikurangkan dengan jayanya daripada 30% kepada hanya 3.8%.

Bagi aspek penjagaan kesihatan dan perawatan bagi penghidap HIV ADIS pula kerajaan telah menyediakan banyak kemudahan penjagaan kesihatan di klinik-klinik kesihatan dan hospital seluruh negara termasuk dengan memastikan bekalan ubatan *anti-retroviral* yang cukup serta murah untuk pesakit HIV/AIDS. Pada masa yang sama kerajaan turut memberi sokongan dan bantuan kepada badan-badan bukan kerajaan termasuk Majlis AIDS Malaysia dan pertubuhan-pertubuhan lain.

Usaha-usaha berterusan oleh pertubuhan masyarakat dan NGO amat diperlukan oleh kerajaan supaya penjagaan dan sokongan yang komprehensif dapat diberikan kepada penghidap HIV AIDS di negara ini. Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang.....

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Yaakob.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat berkaitan dengan strategi program pencegahan. Daripada maklumat antarabangsa terdapat 40 negara antaranya termasuk Iran sebuah negara Islam yang melaksanakan program memberi jarum-jarum suntikan kepada penagih-penagih dadah semata-mata bagi mengelakkan punca penyakit HIV AIDS ini merebak berdasarkan kepada berkongsi jarum. Jadi langkah Kerajaan Iran ini telah menampakkan impak yang begitu berkesan dari segi mengurangkan dan mencegah penyebaran HIV/AIDS. Jadi soalan saya tadi, adakah kerajaan bercadang untuk melaksanakan dasar yang telah dilaksanakan oleh 40 buah negara antarabangsa termasuk negara Iran. Terima kasih.

**Tuan Lee Kah Choon:** Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian Kesihatan memang faham berkaitan dengan program-program yang telah dijalankan di Iran dan negara-negara lain di mana jarum yang bersih diberikan kepada penagih-penagih dadah

untuk buat suntikan. Ini kita panggil sebagai *Harm Reduction Program*. Untuk Malaysia ini kita memang sentiasa mengalu-alukan semua pandangan dan kita sentiasa berbincang dan bertukar fikiran dengan semua lapisan masyarakat supaya program yang baik dapat dijalankan di Malaysia.

Tetapi bagi program menggantikan jarum bersih ini kita memang ada isu-isu yang lain seperti isu agama, yang kedua isu sosial yang ketiga adalah isu undang-undang kerana pada undang-undang yang sedia ada kita tidak boleh menggalakkan atau tidak boleh memberikan jarum yang menampakkan seperti menggalakkan orang menggunakan dadah. Dari segi agama dan sosial juga ada impaknya yang tersendiri dan kita memang sentiasa mengambil tindakan mengkaji kesesuaiannya untuk diimplementasikan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Chua Kim Chuan yang menyarankan supaya kerajaan mengkaji satu bentuk perlindungan insurans yang meliputi warga tua yang melebihi umur 70 tahun. Saya juga nyatakan di Dewan yang mulia ini bahawa kerajaan sememangnya prihatin dan menyedari akan keperluan diwujudkan satu mekanisme pembiayaan kesihatan yang meliputi semua peringkat umur di negara ini. Bagi tujuan tersebut Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Unit Perangan Ekonomi Jabatan Perdana Menteri telah merangka satu mekanisme pembiayaan kesihatan kebangsaan dengan dibantu oleh maklum balas daripada syarikat-syarikat swasta serta badan-badan bukan kerajaan yang berkaitan dengan bidang kesihatan.

Konsep insurans kesihatan kebangsaan yang dicadangkan adalah berdasarkan kepada subsidi silang di mana golongan sihat akan membantu golongan yang sakit, golongan bekerja membantu golongan yang tidak bekerja, golongan kaya membantu yang miskin, yang muda membantu yang tua dan sebagainya. Ia adalah berdasarkan kepada skim yang berasaskan risiko masyarakat atau komuniti *rated*. Dengan ini insurans kesihatan kebangsaan ini akan dapat mengurangkan jurang perbezaan mendapatkan akses terhadap khidmat penjagaan kesihatan antara rakyat jelata daripada pelbagai lapisan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini mekanisme pembiayaan kesihatan yang akan diperkenalkan nanti adalah meliputi semua peringkat usia daripada segenap golongan masyarakat tanpa had umur tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pelbagai cadangan, teguran dan saranan kepada Kementerian Kesihatan sepanjang sesi perbahasan Usul Menjunjung Kasih ke atas Titah Diraja ini berlangsung. Sesungguhnya segala cadangan, teguran dan saranan ini akan diambil perhatian serta tindakan akan diambil oleh pihak kementerian bagi memastikan kementerian ini dapat menjalankan fungsinya dengan cekap dan berkesan. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat di atas jawapan. Silakan Kementerian Belia dan Sukan.

**11.40 pagi.**

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Ong Tee Keat]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, teguran dan cadangan yang membina ke arah memantapkan lagi peranan dan tanggungjawab Kementerian Belia dan Sukan dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja pada 3 hingga 9 Mei baru-baru ini dalam sesi sidang Parlimen Dewan Negara, saya menyimpulkan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat kepada tiga bidang utama yang menjadi teras kepada skop Kementerian Belia dan Sukan.

Bidang-bidang yang saya maksudkan itu adalah pembangunan belia, pembangunan sukan dan pembangunan Rakan Muda. Bagi bidang pembangunan belia, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Hamzah bin Zainudin mencadangkan supaya Kementerian Belia dan Sukan dapat mengalihkan perhatian golongan belia yang lebih mementingkan hiburan seperti lumba haram kepada aktiviti-aktiviti yang lebih sihat serta aktiviti-aktiviti anjuran kompleks-kompleks sukan.

Yang Berhormat juga mencadangkan supaya lumba haram ini dapat dialihkan ke trek lumba yang sewajarnya. Pihak kementerian sememangnya memberi perhatian yang berat dalam memastikan golongan belia dapat dialihkan minat mereka daripada mementingkan hiburan yang tidak sihat seperti lumba haram kepada aktiviti-aktiviti yang

lebih berfaedah dan bermanfaat. Seperti mana yang telah disarankan oleh Yang Berhormat yang berkenaan, pihak kementerian sememangnya ada menyediakan kompleks-kompleks sukan dan kemudahan-kemudahan sukan berserta dengan aktiviti sukan yang tersusun sepanjang tahun untuk membolehkan golongan belia memperoleh manfaat daripada program-program tersebut.

Kementerian akan sentiasa berusaha melalui pelbagai pendekatan yang melibatkan promosi serta galakan supaya program sukan ini bukan sahaja dapat disalurkan maklumatnya kepada kumpulan-kumpulan sasarannya iaitu golongan belia, malahan juga dapat menarik minat kaum belia untuk menyertai program-program yang dimaksudkan. Melalui kaedah ini, Tuan Yang di-Pertua, banyak elemen positif seperti pembinaan sahsiah, jati diri dan moral dapat dipupuk di kalangan belia yang menyertai program-program berkenaan.

Bagi menangani masalah golongan belia dari terjebak dan terlibat dalam aktiviti lumba haram, kementerian telah mengambil daya usaha untuk membina litar *motor cross* di kawasan-kawasan yang sesuai di luar bandar termasuk kawasan-kawasan FELDA. Dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian juga turut memberi kerjasama dan sokongan kepada syarikat-syarikat tertentu untuk menaja perlumbaan yang digalakkan seperti perlumbaan *cup prix* di seluruh negara.

Melalui pendekatan sedemikian rupa, pihak kementerian berharap bukan sahaja dapat menarik minat belia dalam sukan lumba motor malahan bakat-bakat yang terpendam di kalangan belia dan remaja dapat dicungkil dan diketengahkan ke peringkat yang lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir mencadang serta membangkitkan beberapa isu seperti berikut:

- (i) beliau mencadangkan supaya Kementerian Belia dan Sukan bertanggungjawab dalam menyelesaikan isu penglibatan belia dalam penyalahgunaan dadah;
- (ii) beliau juga berharap agar kementerian dapat mengkaji semula supaya kuasa memberi bantuan kewangan dapat diperuntukkan kepada jabatan di peringkat negeri dan daerah bagi mengurangkan kerenah birokrasi;

- (iii) di samping itu beliau juga mencadangkan agar Tabung Ekonomi Belia diaktifkan semula; dan
- (iv) mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana menjalankan Program Khidmat Sosial Negara. Program ini adalah perlu bagi mengelak gejala sosial daripada terus berlaku di kalangan pelajar yang menunggu keputusan SPM.

Yang Berhormat yang berkenaan juga menyatakan bahawa kita tidak boleh terlalu bergantung kepada PLKN yang hanya melibatkan segelintir golongan pelajar sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan-soalan ataupun pandangan-pandangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Musa tadi, Kementerian Belia dan Sukan sememangnya menyedari dan mengambil berat akan permasalahan negara iaitu penglibatan belia dalam penyalahgunaan dadah. Usaha menentang penyalahgunaan dadah habis-habisan juga adalah tanggungjawab semua pihak, bukan sahaja terhad kepada Kementerian Belia dan Sukan. Pada pihak kementerian kita, sesungguhnya ada menubuhkan satu Skwad Belia Benci Dadah yang baru-baru ini tersiar juga dalam akhbar tempatan.

Ahli-ahli skuad yang diberi latihan dan pendedahan, *exposure*, dengan izin, terhadap bahaya penyalahgunaan dadah melalui Perkhemahan Perdana Belia Benci Dadah. Selain daripada elemen kepimpinan dan disiplin, elemen ataupun unsur kesedaran menentang penyalahgunaan dadah juga diterapkan kepada peserta-peserta yang mengambil kursus selama tiga hari dua malam. Skwad ini akan menjalankan aktiviti-aktivitinya di lokasi-lokasi yang dikenal pasti sebagai lokasi berisiko tinggi.

Skuad ini juga sentiasa bersedia membantu agensi-agensinya yang berkaitan seperti ADK dan PEMADAM. Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian juga dengan kerjasama Majlis Belia Malaysia telah pun menyediakan aktiviti susulan kepada golongan belia di peringkat negeri seperti aktiviti Ekspedisi 4x4. Pasukan-pasukan yang terlibat dalam aktiviti ini dijangka akan mengedarkan risalah, menjalankan sesi kaunseling dan ceramah untuk menyedarkan masyarakat tentang bahaya gejala dadah.

Sementara itu di peringkat akar umbi pula, ada dilaksanakan program-program sukan..

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

**Datuk Ong Tee Keat:** Sila.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Datuk Yaakob.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana memberi laluan. Saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat daripada angka Agensi Dadah Kebangsaan, sehingga hari ini anggaran yang melibatkan penyalahgunaan dadah di negara kita hampir 1 juta, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan daripada penagih dadah yang didaftarkan hari ini berjumlah 260,00 orang dan mengikut *estimate* penambahan setiap tahun dianggarkan 4,300 orang. Jadi apakah sasaran matlamat kerajaan untuk mencapai sifar penagih dadah pada tahun 2015 akan dicapai kerana kita hanya tinggal 10 tahun lagi dengan berdasarkan desakan dan tambahan penagih-penagih dadah yang tidak dapat dikawal hari ini, adakah dengan strategi yang ada hari ini, dengan perancangan yang ada hari ini sasaran kerajaan 2015 akan menjadi realiti. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Khususnya masalah di kalangan belia, itu maksud Yang Berhormat?

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Kalau ikut perangkaan daripada 260,00 orang lebih, jumlah umur yang terlibat dengan dadah adalah 80% di kalangan bawah 40 tahun iaitu kalangan belia. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila, Yang Berhormat.

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Sesungguhnya soal penyalahgunaan dadah ini cukup rumit dan kompleks dan ianya tidak kenal jantina dan juga umur. Walaupun demikian, apa yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat Senator itu memang benar, ianya banyak melibatkan kaum belia. Walaupun demikian, suka saya memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa soal penyalahgunaan dadah ini sesungguhnya perlu ditangani dan tengah ditangani secara bersepadu, bukan sahaja oleh sesebuah kementerian sahaja ataupun sesebuah agensi kerajaan sahaja, malahan ianya sekarang ini juga boleh dibahagikan kepada beberapa aspek dari segi usaha kita.

Umpamanya Kementerian Belia dan Sukan, setahu saya setakat ini dan selama ini usaha Kementerian Belia dan Sukan banyak menjurus ke arah *preventive* ataupun

pengecahan sedangkan usaha untuk mengenakan tindakan penguatkuasaan misalnya itu di luar bidang kuasa Kementerian Belia dan Sukan. Apa yang saya sebutkan tadi itu, sebenarnya cuma merupakan sebahagian daripada usaha pihak Kementerian Belia dan Sukan yang berupa *preventive*. Jadi kiranya disoal tentang apa tindakan yang akan dikenakan kepada mereka yang sudah pun terjebak ataupun mereka yang sudah pun terjat dalam penyalahgunaan dadah itu mungkin kita memang memerlukan bantuan dari agensi yang lain. Itu pun ada juga usaha yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya balik kepada jawapan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila teruskan Yang Berhormat.

**Datuk Ong Tee Keat:** Sementara itu, di peringkat akar umbi pula, ada dilaksanakan program-program sukan serta kemasyarakatan bagi golongan belia menjalani gaya hidup sihat dan pada masa yang sama mereka menyampaikan mesej Belia Benci Dadah. Perincian aktiviti di peringkat akar umbi ini yang dijangka akan digerakkan bermula pada bulan Jun hingga Oktober tahun ini adalah seperti berikut;

- (i) usaha menganjurkan ceramah-ceramah kepada pelajar-pelajar sekolah di peringkat sekolah menengah;
- (ii) menjalankan program khidmat masyarakat iaitu program Sehari Bersama Masyarakat Setempat, dan
- (iii) menganjurkan pertandingan futsal bersempena Belia Benci Dadah bagi menarik minat golongan belia menyertai aktiviti sukan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, setakat ini perlawanan Futsal Belia Benci Dadah ini telah pun bermula dan tengah berlangsung dan ia telah pun berjaya menarik minat ramai remaja yang menyertainya.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini juga menyambut baik cadangan Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir dan akan sentiasa berfikiran terbuka terhadap pandangan dan cadangan yang diberikan ke arah membantu mengupayakan aktiviti belia dan sukan di peringkat negeri dan daerah. Penelitian mengenai cadangan ini akan dilakukan dari semasa ke semasa.

Di samping itu, kementerian telah mencadangkan kepada Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri supaya Skim Tabung Ekonomi Belia (STEB) dibuka semula dalam masa yang terdekat. Pada dasarnya, Unit Perancang Ekonomi di bawah

Jabatan Perdana Menteri telah bersetuju dan akan mengemukakan cadangan tersebut kepada kabinet untuk kelulusan nanti.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ingin juga ambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir kerana menyambut baik cadangan melaksanakan semula Program Khidmat Sosial Negara kepada lepasan SPM yang tidak berpeluang menyertai Program Khidmat Negara. Program yang sedang dirangka oleh kementerian ini akan memberi tumpuan kepada aspek penting pembangunan sikap seperti pemupukan semangat patriotisme, kenegaraan dan kesukarelaan ataupun *volunteerism*, dengan izin, melalui penglibatan mereka dalam aktiviti khidmat komuniti. Perancangan program ini sedang berada dalam peringkat akhir dan dijangka akan dapat dimulakan pelaksanaannya sebelum akhir tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datin Paduka Jaya Partiban meminta penjelasan dari pihak Kementerian Belia dan Sukan mengenai ketiadaan program khas untuk golongan belia kaum India bermasalah. Beliau juga bertanyakan apakah usaha-usaha yang telah diambil oleh pihak Kementerian Belia dan Sukan untuk menarik golongan pekerja yang bermasalah bagi menyertai program yang dianjurkan oleh kementerian. Ini adalah kerana biasanya hanya golongan belia yang bertanggungjawab sahaja yang menghadiri program yang dianjurkan.

Untuk makluman Yang Berhormat Datin Paduka Jaya Partiban, Kementerian Belia dan Sukan telah merancang dan melaksanakan program pembangunan belia tidak menetapkan program-program khusus mengikut kaum kerana penyertaan dalam semua program adalah terbuka kepada semua kaum, kepada mana-mana warganegara Malaysia yang berumur di antara 15 hingga 40 tahun. Tiada program khusus yang disediakan untuk belia India yang bermasalah kerana semua program yang dilaksanakan oleh Kementerian Belia dan Sukan adalah lebih berbentuk pencegahan dan bukannya berbentuk pemulihan yang melibatkan penguatkuasaan undang-undang, itu pun saya telah jelaskan tadi Tuan Yang di-Pertua. Walau bagaimanapun pihak kementerian turut memberikan kerjasama dan bantuan kewangan kepada persatuan-persatuan dan NGO kaum India seperti Kelab Belia Tamil dan Majlis Belia Hindu untuk

melaksanakan program-program seperti motivasi pendidikan, seminar, pengurusan dan konvensyen kebangsaan tahunan belia India.

Tuan Yang di-Pertua, untuk bidang pembangunan sukan pula, Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir mencadangkan agar Kementerian Belia dan Sukan memberi tumpuan kepada kawasan luar bandar dalam mencari bakat atau atlet di luar bandar. Mengenai cadangan Yang Berhormat itu, kementerian ini memang sedar tentang atlet-atlet yang berbakat bukan sahaja terdapat di bandar-bandar tetapi juga di kawasan luar bandar. Oleh kerana program mengenal pasti bakat merupakan satu program yang penting, maka kementerian telah mengarahkan Majlis Sukan Negara (MSN) untuk menubuhkan sebuah unit yang khusus untuk melaksanakan program-program mengenal pasti bakat ataupun dalam bahasa Inggeris, *Talent Identification Program* (TID). Program ini telah dimulakan beberapa tahun yang lalu, ia melibatkan murid-murid sekolah rendah dan menengah rendah termasuk dari kalangan sekolah-sekolah di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam program ini, calon-calon yang layak akan dipertimbangkan untuk meneruskan persekolahan mereka di Sekolah Sukan Bukit Jalil dan Sekolah Sukan Bandar Penawar. Pencungkilan bakat di bawah program ini memberi tumpuan kepada sukan lumba basikal, gimnastik, artistik, *equestrian*, gimrama, menembak, angkat berat, terjun, lawan pedang dan sepak takraw. Satu lagi cara atau kaedah mengenal pasti bakat sukan adalah melalui proses pemilihan di peringkat akar umbi. Di bawah kaedah ini, atlet-atlet remaja yang berbakat akan dikenal pasti melalui potensi atau bakat yang mereka tunjukkan dalam pertandingan-pertandingan di peringkat kampung, mukim dan daerah.

**Datuk Jins Shamsudin:** Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, mohon laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Datuk Jins Shamsudin.

**Datuk Jins Shamsudin:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Adakah kementerian Yang Berhormat diberi maklum berhubung dengan satu rancangan perkampungan belia di negeri Perak yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Perak? Ini mungkin akan membawa belia-belia dapat menghindarkan diri dari terlibat dalam gejala-gejala sosial dan adakah peruntukan khusus dalam tujuan-tujuan yang demikian? Terima kasih.

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab Yang Berhormat Senator Datuk Jins Shamsudin, suka saya maklumkan Dewan yang mulia ini bahawa selama ini penyelarasan dari segi usaha oleh Kerajaan Pusat khususnya Kementerian Belia dan Sukan dengan kementerian yang lain ataupun kerajaan negeri ataupun agensi kerajaan di peringkat akar umbi, itu tetap wujud. Dalam hubungan ini, suka saya menjelaskan bahawa pemberian peruntukan biasanya kena juga diselaraskan oleh agensi-agensi kerajaan yang terlibat dengan kementerian saya dan bukannya semua program yang bersabit dengan belia akan dibiayai kosnya bulat-bulat oleh Kementerian Belia dan Sukan.

Ada kalanya ianya dibiayai oleh kerajaan negeri dan ada kalanya ianya hanya dapat sebahagian bantuan dalam bentuk subsidi dari Kementerian Belia dan Sukan. Saya balik kepada jawapan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Kaedah mencari bakat ini akan diperluaskan untuk meliputi lebih banyak jenis sukan, khususnya sukan-sukan teras prestasi tinggi. Di samping itu, Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim mencadangkan supaya Malaysia mengambil pemain-pemain import dari luar negara. Contohnya, dari Amerika Selatan seperti yang dibuat oleh Singapura dan Jepun bagi memajukan sukan bola sepak kerana baru-baru ini rangking Malaysia telah pun jatuh terus. Itu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim. Mengenai cadangan Yang Berhormat, sememangnya pada masa kini pun, terdapat ramai pemain import dari luar negara yang bermain mewakili pasukan-pasukan negeri ataupun kelab tertentu dalam liga bola sepak di negara kita.

Beberapa orang daripada mereka adalah terdiri daripada pemain yang termasyhur dari negara-negara Amerika Selatan. Walau bagaimanapun, pemilihan pemain-pemain tersebut adalah terpulang dan tertakluk kepada kemampuan pasukan negeri ataupun kelab-kelab sukan, kelab-kelab bola sepak yang berkenaan untuk menggaji pemain-pemain asing itu.

Tuan Yang di-Pertua, untuk pembangunan Rakan Muda, Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir mencadangkan agar penggerak dan juga pembantu penggerak Rakan Muda diambil bekerja secara kontrak dan bukannya secara khidmat singkat atas sumbangan mereka menggerakkan belia di peringkat daerah. Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, dalam konteks memperkukuhkan peranan

penggerak dan pembantu penggerak Rakan Muda di peringkat akar umbi, Kementerian Belia dan Sukan sememangnya berhasrat untuk menaikkan taraf perjawatan penggerak dan pembantu penggerak Rakan Muda daripada skim pekerja khidmat singkat kepada skim kontrak.

Walau bagaimanapun, kewujudan sesuatu perjawatan di bawah skim kontrak adalah di luar bidang kuasa Kementerian Belia dan Sukan. Oleh itu, kementerian ini sentiasa berusaha untuk mendapatkan kelulusan Kerajaan Pusat bagi menaikkan taraf perjawatan tersebut daripada skim pekerja khidmat singkat kepada skim kontrak. Justeru itu, Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 1 Disember tahun sudah telah memutuskan supaya memilih sebuah daerah di setiap negeri bagi memulakan pelaksanaan projek perintis penggerak Rakan Muda yang mana melibatkan seramai 86 orang penggerak dan pembantu penggerak Rakan Muda yang telah dilantik secara kontrak.

Dalam hubungan ini Tuan Yang di-Pertua, sukacita dimaklumkan bahawa Perbendaharaan telah memberi kelulusan untuk mewujudkan 43 jawatan gred S22 dan 43, jawatan gred S17 secara kontrak di kawasan Parlimen di setiap negeri di seluruh negara. Keputusan ini sudah pun berkuat kuasa mulai 1 Mei ini. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, yang telah menunjukkan keprihatinan dalam aspek memperkasakan belia dan sukan negara, malah saya sanjung tinggi dan saya mengucapkan ribuan terima kasih.....

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Mohon laluan Yang Berhormat.

**Datuk Ong Tee Keat:** Sila.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan sikit sahaja. Saya ucapkan tahniah kepada Kementerian Belia dan Sukan, nampak program-program yang begitu baik sekalilah untuk membela nasib belia dan juga sukan daerah. Tetapi saya hendak tanya satu soalan. Adakah kuasa masih lagi dikekalkan iaitu kepada pejabat-pejabat belia negeri iaitu RM10,000 ke bawah, mereka boleh bergerak ataupun kementerian telah pun mengambil alih kuasa ini? Terima kasih.

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Yang Berhormat Senator Dato' Musa, suka saya menjelaskan serba sedikit tentang pemberian kuasa memberi peruntukan yang dibangkitkan tadi. Selama ini, memang di peringkat

negeri dan peringkat daerah, pengarah yang berkenaan biasanya diberi kuasa untuk meluluskan jumlah peruntukan yang tertentu, khususnya jumlah yang kecil di bawah paras RM10,000. Tetapi, baru-baru ini dengan adanya pelbagai langkah yang baru, rombakan dan sebagainya, kemungkinan terdapat perubahan yang tertentu dan ini pun belum lagi dimuktamadkan.

Jadi, untuk maklumat Yang Berhormat Dato' Senator, sabarlah buat ketika ini dan saya memang berharap dan saya sendiri mengambil maklum, mengambil berat juga tentang kemusykilan ataupun apa yang disuarakan oleh kakitangan kita di peringkat akar umbi dan saya akan bawa perkara ini untuk perbincangan di peringkat kementerian nanti.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini juga amat mengalu-alukan pandangan dan pendapat yang membina daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam memartabatkan pembangunan belia dan sukan negara. Dengan kata-kata ini, Tuan Yang di-Pertua, saya memohon maaf sekiranya terdapat yang tercicir dari perhatian saya. Sekiranya ada lagi pandangan yang ingin diketengahkan kepada pihak kementerian, saya tetap mengalu-alukannya, khususnya secara bertulis dan pihak kementerian tetap akan melayan dengan sepenuh perhatian. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat di atas jawapan yang diberi. Dan, akhir sekali Jabatan Perdana Menteri yang merupakan kementerian yang bertanggungjawab akan menggulung bagi perbahasan Titah Diraja. Silakan.

**12.07 tgh.**

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, yang mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih ke Atas Titah Diraja dan menyentuh perkara-perkara berkaitan agama Islam. Sesungguhnya Jabatan Perdana Menteri menghargai pandangan, teguran, saranan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat telah memberi pandangan mengenai isu sijil dan produk halal. Yang Berhormat Dato' Hamzah bin Zainudin menyarankan supaya JAKIM menggunakan ICT dalam proses pengeluaran dan pemantauan sijil halal. JAKIM sememangnya menggunakan teknologi terkini dalam

proses pengeluaran dan pemantauan sijil halal. Umpamanya, dalam proses pengeluaran sijil, JAKIM menggunakan sistem permohonan dan pemrosesan sijil halal secara *on line* yang dikenali sebagai E-Halal. Begitu juga dalam kuota halal yang merupakan *directory* syarikat yang telah memperoleh sijil halal JAKIM, ia juga telah dibangunkan. Dan juga bagi tujuan pemantauan, sijil halal JAKIM dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan terkini yang hanya boleh dikesan oleh pegawai penguat kuasa JAKIM.

Begitu juga JAKIM sedang dalam proses terakhir mengenal pasti sistem yang sesuai termasuk penggunaan *bar code* bagi menjamin keselamatan logo dan mengelakkan penipuan. Untuk kemudahan pengguna membuat semakan dan aduan, khidmat sistem pesanan ringkas atau SMS juga akan diperkenalkan. Perkhidmatan ini dijangka akan dapat dimanfaatkan oleh pengguna menjelang bulan Ogos 2005. Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae pula menggesa supaya permohonan mendapatkan sijil halal diproses secara lebih teliti. Sesungguhnya permohonan mendapatkan sijil halal telah dilaksanakan dengan teliti, yang merangkumi aspek syariat dan keselamatan makanan. Penelitian permohonan sijil halal dilaksanakan oleh pegawai hal-ehwal Islam dan teknologi makanan, yang antara lain aspek yang ditekankan ialah ramuan dan pembekal, peralatan, pemrosesan dan pengangkutan dan pembungkusan dan pelabelan.

Setiap permohonan dikehendaki menepati standard Malaysian MS 1500 hingga 2004 dalam Manual Prosedur Persijilan Halal Malaysia. Berhubung dengan cadangan supaya diwujudkan sebuah pasar raya yang berkonsepkan Islam, kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan pasar raya sebagaimana yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat. Namun, kerajaan amat menggalakkan. Jika ada pihak swasta yang berminat untuk menubuhkan pasar raya berkenaan, untuk makluman Yang Berhormat, beberapa pasar raya sedia ada seperti *Giant* mewajibkan produk makanan dan penggunaan orang Islam yang dipasarkan di pasar raya mereka, mempunyai sijil hala yang sah.

Mengenai jumlah industri atau kilang yang terlibat dengan pengeluaran produk halal yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah Syed Zain, dimaklumkan bahawa jumlah sebenar industri atau kilang tersebut tidak dapat dipastikan

kerana undang-undang sedia ada tidak mewajibkan mereka yang mengeluarkan produk halal berdaftar dengan JAKIM tetapi sehingga Disember 2004, 2,474 buah syarikat pengeluaran produk halal telah berdaftar dengan JAKIM dan Jabatan Agama Islam Negeri.

Persoalan sejauh mana produk halal yang dieksport oleh pengusaha-pengusaha di negara ini benar-benar halal, sukacita dimaklumkan produk halal yang dieksport dan mendapat sijil halal JAKIM dipastikan bukan sahaja menepati kehendak syarak malah selamat digunakan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Hamzah bin Zanudin menyarankan supaya buku Islam Hadhari Satu Penjelasan disebarikan secara meluas kepada orang ramai. Dimaklumkan bahawa JAKIM telah mencetak buku tersebut sebanyak 110,000 naskhah buku bersaiz saku dalam bahasa Malaysia sebanyak 20,000 naskhah dan dalam bahasa Inggeris sebanyak 10,000 naskhah yang menjadikan keseluruhan jumlahnya ialah 140,000 naskhah.

Buku-buku ini disebarikan ke kementerian-kementerian, jabatan-jabatan kerajaan, perpustakaan, pejabat agama Islam seluruh negara dan juga kepada orang ramai. Sebaran kepada orang ramai dibuat dalam pelbagai bentuk melalui majlis-majlis pelancaran di peringkat persekutuan dan negeri, di seminar, kursus-kursus serta pameran perkampungan Islam Hadhari. Edaran ini dibuat supaya pendekatan Islam Hadhari akan dapat difahami oleh segenap masyarakat dan JAKIM akan meneruskan usaha ini sepanjang tahun sehinggalah masyarakat dapat memahami hasrat kerajaan bagi membangunkan sebuah masyarakat yang bertamadun.

Konsep Islam Hadhari yang dikatakan masih kabur telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Rashid Ngah. Sukacita dijelaskan bahawa Islam Hadhari adalah satu pendekatan menjadikan umat Islam Malaysia sebagai masyarakat yang bertamadun. Ia bukan agama baru atau mazhab baru, penjelasan mengenainya telah pun dibuat beberapa kali oleh Perdana Menteri sendiri. Sepatutnya tidak ada sebarang keraguan di kalangan masyarakat kerana segala program akan memberi faedah kepada semua yang beragama Islam ataupun tidak.

Yang Berhormat Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff pula mempersoalkan mengapa tidak ada prinsip mencegah kemungkaran dalam Islam Hadhari. Ditegaskan bahawa

ketiadaan prinsip kemungkaran dalam senarai Islam Hadhari bukanlah bererti kerajaan mengetepikan peranan dalam pencegahan kemungkaran. Kerana aspek pencegahan telah dilaksanakan melalui penguatkuasaan undang-undang yang telah diputuskan oleh Parlimen atau Dewan Undangan Negeri. Tindakan berterusan telah, sedang dan akan diambil berdasarkan undang-undang sedia ada.

Yang Berhormat Siti Zailah juga mempersoalkan tindakan kerajaan memecat pegawai-pegawai kerana ingin mencegah kemungkaran. Sukacita kita nyatakan, tidak ada pegawai yang dipecat kerana menjalankan tugas membanteras maksiat sebaliknya sebahagian daripada mereka telah dinaikkan pangkat contohnya pegawai penguat kuasa JAWI dinaikkan pangkat dari S41 ke S44.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu saja perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai isu-isu berkaitan dengan agama Islam yang sempat dijawab.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Minta laluan.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Puan Siti Zailah.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih Yang Berhormat kerana telah memberikan penjelasan. Saya masih tidak jelas berkenaan dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat tentang penguatkuasaan dalam mencegah mungkar sebab kita lihat baru-baru ini program hiburan artis daripada barat dan program hiburan artis daripada Indonesia yang jelas lucah masih dibenarkan oleh kerajaan pada hari ini. Jadi di mana sebenarnya kedudukan halal dan haramnya yang ia dimaksudkan dalam mencegah mungkar di sini? Terima kasih.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat, jadi kalau kita lihat kepada prinsip-prinsip Islam Hadhari yang ada. Antaranya yang pertama ialah keimanan dan ketakwaan kepada Ilahi. Saya rasa Yang Berhormat juga faham bila kita sebut ketakwaan atau konsep takwa kepada Allah SWT bermakna seseorang itu harus mempunyai satu kuasa dalaman dalam dirinya untuk mencegah dirinya sendiri daripada turut serta dalam perkara-perkara kemungkaran, bukanlah bererti langsung tidak boleh diadakan tapi saya rasa konsep keimanan dan ketakwaan itu lebih kepada bagaimana

kita menjaga persoalan dalaman diri kita untuk mengelakkan dari turut serta dalam perkara-perkara yang dikategorikan sebagai maksiat.

Jadi saya rasa Tuan Yang di-Pertua, itu saja perkara yang dibangkitkan mengenai isu yang berkaitan agama dan sekiranya ada perkara-perkara yang tidak sempat dijawab, perkara tersebut akan dicatat dan akan diambil tindakan sewajarnya oleh Jabatan Perdana Menteri. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Menteri untuk aspek-aspek yang lain.

**12.15 tgh.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Ya, terima kasih banyakkah Setiausaha Parlimen dalam hal ehwal agama dan saya harap hal-hal lain saya akan cuba untuk menjawab semua.

Isu-isu berkaitan pembangunan sosial ekonomi banyak dibangkit oleh Ahli Yang Berhormat dalam perbahasan ini. Yang Berhormat Datin Paduka Jaya Partiban, Yang Berhormat Datuk Hajah Azizah Abd. Samad menyarankan supaya garis kemiskinan dikaji semula. Kerajaan sememangnya sedang mengkaji semula pengukuran pendapatan garis kemiskinan bagi mencerminkan keperluan yang lebih tepat setiap isi rumah berdasarkan ciri-ciri demografi. Angka ini diambil bukan bermakna garis kemiskinan yang diguna pakai sekarang tidak relevan lagi tetapi bagi mendapatkan ukuran yang lebih tepat selaras dengan kemajuan yang dialami oleh rakyat.

Garis kemiskinan yang diguna pakai sekarang mengambil kira keperluan minimum makanan dan bukan makanan bagi setiap isi rumah. Di samping itu, faktor harga juga diambil kira dalam menentukan garis kemiskinan. Namun begitu bagi memperkemas lagi garis kemiskinan yang diguna pakai sekarang, kerajaan sedang mengkaji semula pendapatan garis kemiskinan supaya lebih tepat dan kemas kini dengan mengambil kira faktor-faktor tambahan seperti saiz isi rumah, ciri-ciri demografi kawasan bandar dan luar bandar selaras dengan kos sara hidup sebenar bagi setiap isi rumah.

Mengenai usaha kerajaan memastikan ekuiti kaum India meningkat kepada 3% menjelang tahun 2010, sememangnya diakui bahawa pegangan ekuiti kaum India tidak berubah pada 1.5% dari tahun 2000 sehingga tahun 2002. Namun demikian pemilikan

modal saham kaum India sebenarnya telah meningkat dari RM5.1 bilion pada tahun 2000 kepada RM5.9 bilion pada tahun 2002. Ingin dijelaskan bahawa pelbagai program dilaksanakan untuk memberi peluang kepada semua kaum termasuk kaum India meningkatkan pendidikan dan penyertaan mereka dalam ekonomi negara umumnya dalam sektor korporat khususnya melalui pelaksanaan program-program seperti berikut:

- (i) peluang memiliki kepentingan dalam sektor korporat melalui penyertaan dalam skim-skim saham amanah seperti Saham Amanah Wawasan 2020 dan Amanah Saham Malaysia di samping tabung-tabung amanah yang diuruskan oleh pihak swasta.
- (ii) pemilikan ekuiti melalui program penswastaan.
- (iii) latihan pengurusan dan latihan keusahawanan.
- (iv) bantuan kewangan termasuk Skim Kredit Mikro bagi usahawan dan bakal-bakal usahawan.
- (v) peluang perniagaan termasuk industri kecil dan sederhana.
- (vi) program latihan kemahiran di pusat giat Mara yang selama ini hanya melatih pelajar bumiputera telah dibuka kepada remaja India disertai di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.

Sehingga Jun 2004, seramai 141 orang remaja India telah menyertai di mana dari jumlah tersebut seramai 82 orang pelajar telah pun menamatkan pengajian. Manakala seramai 181 orang pelajar telah mengikuti latihan bagi pengambilan bulan Julai 2004 menjadikan jumlah keseluruhannya seramai 322 orang. Usaha untuk meningkat penyertaan kaum India dan kaum-kaum minoriti lain dalam sektor ekonomi akan diberi perhatian dalam perancangan dasar dan strategi di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan.

Isu pembangunan tidak seimbang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Agnes Shim Tshin Nyuk dan beberapa ahli yang lain. Dimaklumkan bahawa kekangan utama yang menyebabkan berlakunya pembangunan yang tidak seimbang antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak ialah kekurangan infrastruktur akibat daripada kawasan yang luas dan penempatan penduduk yang berselerak. Keadaan ini

menyebabkan kos pembangunan yang tinggi dan tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan usaha akan diteruskan bagi merapatkan jurang pembangunan yang wujud di antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak. Saranan Yang Berhormat Dato' Sri Empiang Jabu supaya penilaian dibuat ke atas projek-projek pembangunan yang dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelapan sebenarnya telah pun diambil kira semasa penyediaan RMK-9. Dalam penyediaan RMK-9, Unit Perancangan Ekonomi telah menubuhkan beberapa kumpulan perancangan antara agensi yang terdiri daripada agensi-agensi pusat iaitu Unit Perancangan Ekonomi, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri iaitu ICU dan Kementerian Kewangan serta kementerian atau agensi yang berkaitan.

Penubuhan IAVG ini bertujuan untuk menilaikan prestasi pelaksanaan projek-projek RMK8, daripada penilaian ini dapat dikenal pasti isu-isu dan masalah pelaksanaan projek serta dapat diketahui sejauh manakah projek berkenaan dapat memberi manfaat kepada golongan sasaran.

Selain itu IAVG juga mengenal pasti langkah-langkah yang perlu diambil bagi mengatasi masalah isu dan masalah yang timbul. Hasil penilaian tersebut akan digunakan sebagai input kepada perancangan projek-projek pembangunan RMK-9 supaya keberkesanan projek dapat dipertingkatkan bagi memastikan golongan sasaran mendapat faedah yang optimum.

Berhubung pemantauan pelaksanaan projek-projek pembangunan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi dimaklumkan bahawa sistem pemantauan Projek II atau pun SPP II telah digunakan sejak tahun 2001 oleh kementerian, jabatan dan agensi bagi memantau pelaksanaan projek-projek pembangunan RMK-8. Seterusnya maklumat prestasi pelaksanaan projek serta isu pelaksanaan daripada SPP II telah digunakan dalam penyediaan laporan prestasi pelaksanaan projek-projek RMK-8 kepada Mesyuarat Majlis Tindakan Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Juga laporan berkenaan turut di bentang dan dibincangkan di mesyuarat-mesyuarat utama kerajaan seperti Mesyuarat Ketua-ketua Setiausaha Kementerian, Ketua-ketua Perkhidmatan, Mesyuarat Ketua-ketua Jabatan Persekutuan, Mesyuarat Perhubungan Antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, Mesyuarat Eksekutif,

Ketua Eksekutif Badan-badan Berkanun Persekutuan dan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tindakan Negara yang dipengerusikan oleh Yang Berbahagian Tan Sri Ketua Setiausaha Negara.

Dalam masa yang sama latihan penggunaan SPP II ini diberikan secara berterusan kepada pegawai-pegawai baru kementerian, jabatan dan agensi bagi memantapkan penggunaan SPP II di peringkat kementerian, jabatan dan agensi. Bagi mengatasi masalah projek-projek sakit dan yang terbengkalai kementerian-kementerian telah menubuhkan Jawatankuasa Penyelamat dan Penyiap Projek Sakit yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian masing-masing. Jawatan kuasa ini diberi di beri tanggungjawab untuk mengkaji setiap kes projek sakit yang terbengkalai untuk memutuskan tindakan yang bersesuaian bagi mengatasi masalah berbangkit supaya projek tersebut dapat diteruskan pelaksanaannya dan disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan.

Yang Berhormat Datin Paduka Jaya Partiban pula mencadangkan supaya menubuhkan *external monitoring system* bagi membantu ICU, Jabatan Perdana Menteri dalam pemantauan pelaksanaan projek. Dimaklumkan bahawa SPP II adalah sebuah projek di bawah Aplikasi Perdana Kerajaan Elektronik yang telah digunakan oleh kementerian pada tahun 2001 bagi memantau projek pembangunan RMK-8. SPP II merupakan sistem secara *on line* dan terancang di kalangan negara-negara membangun di rantau ini. Pegawai-pegawai negara asing yang telah melihat SPP II mengiktiraf sistem ini sebagai sistem yang berkesan dan boleh diguna pakai di semua peringkat. SPP II juga mampu menjana laporan prestasi pelaksanaan secara berkala seperti laporan bulanan, suku tahunan dan tahunan.

Sehingga 30 April 2005 sebanyak 80,224 buah projek pembangunan RMK-8 yang dilaksanakan oleh kementerian, jabatan dan agensi telah direkodkan di dalam SPP II dan dikemaskinikan oleh kementerian, jabatan dan agensi dari masa ke semasa. Berasaskan penggunaan SPP II oleh kementerian, jabatan dan agensi, SPP II sebenarnya merupakan satu sistem pemantauan *external* yang diterima pakai sepenuhnya oleh kementerian, jabatan dan agensi. Di samping itu ICU, Jabatan Perdana Menteri sedang membangunkan sistem pemantauan *impact out come project*

pembangunan bagi mendapatkan maklum balas daripada rakyat untuk memastikan keberkesanan sesuatu program ataupun projek itu.

Mengenai cadangan supaya ditubuhkan sebuah Jawatan kuasa yang terdiri daripada Ahli-ahli Dewan Negara bagi mendapatkan maklum balas rakyat. Sesungguhnya Jawatan kuasa yang sedia ada di bawah Arahan 1 Tahun 2004 sudah memadai untuk mendapatkan maklum balas daripada rakyat terhadap pelaksanaan program-program pembangunan. Selain daripada laporan-laporan prestasi, isu dan masalah pelaksanaan projek pembangunan dibentangkan dalam mesyuarat-mesyuarat berkala yang mana jawatan kuasa-jawatan kuasa itu juga dianggotai oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, ICU, Jabatan Perdana Menteri bersedia membentangkan laporan-laporan berkenaan melalui saluran-saluran tertentu.

Yang Berhormat Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee meminta penjelasan mengenai pelaburan Petronas di luar negara. Sehingga kini Petronas telah membuat pelaburan di 35 buah negara khususnya di benua Afrika dan Asia seperti di Afrika Selatan, Sudan, Mesir, Iran, Chad, Cameroon, Indonesia, Myanmar, Pakistan, Thailand dan Vietnam. Pelaburan ini melihat kedua-dua sektor iaitu *up stream* dan *down stream*. Hasil pelaburan Petronas di luar negara dalam bentuk perolehan telah meningkat sebanyak 37% iaitu dari RM24.9 bilion pada tahun kewangan 2002 dan 2003 kepada RM34.1 bilion pada tahun kewangan 2003 dan 2004. Dari jumlah ini hampir separuh perolehan ini dari pelaburan luar negara disumbangkan oleh pelbagai operasi Petronas di Benua Afrika iaitu RM16.8 bilion pada tahun kewangan 2003 dan 2004.

Mengenai pelepasan jawatan oleh kakitangan Petronas sama ada dari kalangan profesional ataupun sebaliknya seperti yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dimaklumkan keadaan tersebut berlaku disebabkan oleh faktor permintaan dan penawaran pasaran sumber manusia di dalam mahupun di luar negara seperti tawaran gaji yang lebih lumayan dan seumpamanya.

**Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Yang Berhormat minta laluan.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Sila.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila Datuk Syed Ali.

**Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ketika perbahasan, saya ada meminta daripada 30 buah lebih negara dua dunia yang telah Petronas melabur, berapakah buah negara yang memberi keuntungan? Kalau boleh dapat dimaklumkan di Dewan ini. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak mempunyai maklumat yang ada di sini, namun apa yang disebut di sini ialah negara di mana kita telah melabur dan mendapat hasil. Ada lagi yang masih orang kata *just station period* iaitu pelaburan kita itu akan memakan masa sedikit barulah kita nampak keuntungannya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Belum balik modal lagi.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Belum balik modal. Tuan Yang di-Pertua, saya boleh memberi jaminan di sini iaitu bahawa Petronas terdiri daripada orang-orang yang berprofesional yang melabur dan tahu apa yang dilakukan dan sedar tentang tanggungjawab betapa khazanah negara itu menjadi amanah kepada mereka supaya ia tidak dibazirkan dengan sewenang-wenangnya. Terima kasih.

Yang Berhormat Datuk Agnes Shim Tshin Nyuk pula meminta supaya keuntungan yang diperolehi oleh Petronas diagih-agihkan kepada negeri-negeri termasuk Sabah dan Sarawak. Dimaklumkan bahawa Petronas adalah sebuah syarikat yang diperbadankan menurut Akta Syarikat 1965. Sebagai sebuah syarikat Petronas dikehendaki membayar cukai korporat di atas keuntungan yang diraih kepada Kerajaan Persekutuan seperti mana yang dilakukan oleh syarikat-syarikat lain yang ditubuhkan di Malaysia. Jadi tidak berbangkit boleh dilakukan di mana Petronas menentukan sebahagian keuntungannya itu dihalakan kepada Sabah dan Sarawak sebab ia sebuah syarikat yang membayar cukai di peringkat Persekutuan.

Petronas juga diamanahkan untuk menguruskan sumber petroleum di Malaysia sebagai mana yang termaktub di bawah Akta Pembangunan Petroleum 1974. Oleh yang demikian Petronas turut mengurus pembayaran perolehan dalam urusan niaga petroleum dalam negara seperti *royalty*, cukai petroleum, dividen dan *duty export* kepada Kerajaan Persekutuan. Agihan pendapatan ke negeri-negeri adalah dalam bentuk projek-projek pembangunan oleh kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datin Paduka Jaya Patiban juga meminta penjelasan mengenai penglibatan kaum yang tidak seimbang dalam perkhidmatan awam. Dimaklumkan bahawa bilangan calon yang berjaya dipilih dan dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam adalah bergantung kepada perkara-perkara berikut:

- (i) Bilangan Permohonan - Perangkaan tahun 2002, 2003 dan 2004 menunjukkan jumlah permohonan dari kalangan kaum bukan Melayu khususnya Cina dan India adalah kecil. Sebagai contoh bagi tahun 2004 SPA menerima 403,631 permohonan dengan kaum Melayu 316,563 permohonan iaitu 78.43% permohonan itu datang daripada orang Melayu. Manakala kaum Cina cuma ada 8,067 permohonan iaitu 2%, kaum India 9,562 permohonan iaitu 2.37% dan lain-lain kaum 69,439 permohonan iaitu 17.2%.

Walau bagaimanapun, dari segi lantikan terdapat sedikit peningkatan bagi kaum bukan Melayu dalam tahun 2004 jika dibandingkan dengan tahun-tahun sebelumnya. Dalam tahun 2004 jumlah lantikan kaum bukan Melayu telah meningkat kepada 20.04 peratus berbanding dengan 19.44 peratus dalam tahun 2003. Ini bermakna walaupun jumlah permohonan kaum bukan Melayu adalah kecil tetapi jumlah yang dilantik adalah besar berdasarkan peratusan permohonan mereka.

Kedua, bilangan yang melepasi syarat tapisan tambahan, kesemua pemohon perlu melalui syarat dan proses tapisan yang sama tanpa mengira kaum kerana asas pemilihan yang digunakan oleh SPA ialah merit. Beberapa kelonggaran ada diberikan tetapi kepada kolompok masyarakat yang daif sahaja seperti Orang Asli - Tuan Osman bin Bungsu tidak ada ya? Orang Asli kita bagi kelonggaran, orang kurang upaya (OKU) dan mereka yang termasuk dalam kategori penduduk termiskin. Namun, sebagai sebuah agensi yang prihatin, SPA akan mengambil langkah yang sesuai dengan fungsi dan bidang kuasanya untuk membantu kerajaan mengurangkan masalah ketidakseimbangan kaum dalam perkhidmatan awam. Langkah yang telah, sedang dan akan diambil ialah:-

- (i) mempromosi dan menyebarkan maklumat secara berkala mengenai peluang pekerjaan yang ditawarkan oleh SPA kepada

- orang ramai serta syarat memohon melalui media cetak akhbar dan media elektronik seperti RTM dan TV3;
- (ii) kita juga akan mengadakan sesi dialog antara pengerusi dan ahli SPA bersama media untuk menyampaikan maklumat yang betul mengenai peluang pekerjaan yang terdapat di bawah bidang kuasa SPA;
  - (iii) program hari SPA bersama pelanggan yang diadakan pada hari Sabtu terakhir setiap bulan. Melalui program ini SPA menjemput pelajar-pelajar sekolah, guru-guru kaunseling dan pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi awam (IPTA) terutamanya kaum bukan Melayu. Program ini diadakan di ibu pejabat SPA di Putrajaya dan juga di bandar-bandar utama di luar Putrajaya.
  - (iv) menyertai program hari kerjaya di institut pengajian tinggi awam dan swasta dengan mengadakan sesi taklimat kerjaya, penjualan borang SPA8 dan permohonan secara *online*.
  - (v) menyiarkan iklan di dalam akhbar pelbagai bahasa seperti Bahasa Cina, Tamil dan akhbar-akhbar tempatan di Sabah dan Sarawak.

Usaha di atas setakat ini belum lagi mendatangkan hasil yang memuaskan, perlu diingatkan bahawa jumlah pemohon yang ditawarkan jawatan pada setiap tahun oleh SPA tidak sampai 10 peratus daripada jumlah permohonan keseluruhannya. Ini bermakna peluang pekerjaan dalam sektor awam yang berada di bawah bidang kuasa SPA adalah amat terhad sekali. Walau bagaimanapun, sebagai sebuah agensi yang berkecuali sifatnya adalah kurang sesuai bagi SPA melibatkan diri dalam aktiviti mempromosi untuk menggalakkan kaum tertentu memohon dan menyertai perkhidmatan awam. Usaha ini lebih sesuai dilaksanakan oleh agensi atau organisasi lain.

Tuan Yang di-Pertua kerajaan sentiasa memberi penekanan kepada kerjasama erat antara sektor awam dan swasta dalam proses pembangunan negara. Dalam hal ini perkhidmatan awam bertindak sebagai fasilitator untuk memudahkan aktiviti sektor swasta sebagaimana saranan Yang Berhormat Dato' Hamzah Zainudin. Pelbagai saluran dan mekanisme telah disediakan bagi memudahkan pihak swasta berurusan dengan sektor awam - Klinik Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 9/1991, Panduan

Mengenai Pelaksanaan Dasar Persyarikatan Malaysia menggariskan beberapa langkah yang boleh dilaksanakan oleh agensi kerajaan untuk meningkatkan kerjasama dengan sektor swasta. Ini termasuk penubuhan panel perundingan dan majlis dialog antara sektor awam dan sektor swasta.

Di peringkat Pusat panel perundingan tertinggi adalah Jawatankuasa Persyarikatan Malaysia peringkat pegawai yang dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Tan Sri Ketua Setiausaha Negara, ahli-ahli jawatankuasanya terdiri daripada wakil agensi-agensi kerajaan yang banyak berurusan dengan pihak swasta dan wakil sektor swasta. Antaranya termasuk dewan-dewan perniagaan dan perindustrian, persekutuan pekilang-pekilang Malaysia, pertubuhan-pertubuhan industri utama dan badan-badan bukan kerajaan.

Tumpuan utama jawatankuasa ini adalah untuk membantu sektor swasta mengatasi halangan-halangan yang dihadapi ketika berurusan dengan agensi-agensi kerajaan. Kerajaan juga telah menubuhkan Jawatankuasa Kecil Persyarikatan Malaysia untuk menangani secara halus isu-isu sistem penyampaian perkhidmatan yang menjadi penghalang kepada kelicinan aktiviti sektor swasta. Tumpuan utama jawatankuasa ini ialah untuk meningkatkan sistem dan prosedur kerja serta menambah baik undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan penyampaian perkhidmatan agensi-agensi kerajaan di semua peringkat pentadbiran iaitu di peringkat Persekutuan, negeri, daerah serta pihak berkuasa tempatan.

Di peringkat agensi pula pelbagai langkah turut dilaksanakan untuk memudahkan aktiviti sektor swasta. MIDA umpamanya telah menyediakan perkhidmatan *hand holding* untuk membantu pelabur-pelabur mendapatkan semua kelulusan yang perlu bagi sesuatu projek sehingga projek itu sedia untuk beroperasi. Bagi maksud ini MIDA telah melantik pegawai projek khas untuk melaksanakan tugas *hand holding*. MIDA juga telah menubuhkan pusat serenti *one-stop agency*, *one-stop center* yang menyediakan khidmat nasihat dan pelbagai jenis maklumat kepada pelabur-pelabur mengenai hal-hal yang berkaitan dengan pelaburan, perdagangan, kewangan dan produktiviti dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan yang berkaitan.

Agensi kerajaan turut digalakkan mengadakan majlis dialog dengan sektor swasta bertujuan memberi peluang kepada sektor swasta mengemukakan isu dan

masalah yang dihadapi ketika berurusan dengan agensi berkenaan serta mencari jalan penyelesaian. Contoh agensi yang mengadakan majlis dialog tahunan ialah Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri, Kementerian Kewangan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, dan Kementerian Perumahan Dan Kajian Tempatan.

Hari bertemu pelanggan juga merupakan aktiviti bulanan agensi-agensi sektor awam yang memberi peluang kepada pelanggan daripada sektor swasta untuk bersua muka dengan pegawai-pegawai awam dan mendapatkan bantuan, maklumat atau bimbingan terhadap masalah-masalah yang mereka hadapi. Secara keseluruhannya sektor awam telah menyediakan pelbagai saluran dan mekanisme di bawah Dasar Persyarikatan Malaysia dalam memainkan peranan sebagai fasilitator kepada aktiviti-aktiviti sektor swasta.

Berhubung pelaksanaan pertunjuk prestasi utama jabatan-jabatan kerajaan seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng, sukacita dimaklumkan bahawa KPI dan pengukuran prestasi telah dilaksanakan secara perintis di enam agensi iaitu Jabatan Imigresen Malaysia Johor Bahru, Jabatan Pendaftaran Negara Pulau Pinang, Ibu Pejabat Polis Daerah Shah Alam, Hospital Kota Bharu, Pejabat Daerah dan Tanah Petaling dan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah. Agensi-agensi ini melaksanakan pengukuran prestasi berpandukan garis panduan yang disediakan. Kerajaan telah melancarkan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2/2005 bertajuk Garis Panduan Bagi Mewujudkan Petunjuk Prestasi Utama dan Melaksanakan Pengukur Prestasi di Agensi Kerajaan pada 5 Mei 2005. Semua agensi kerajaan telah diarah untuk melaksanakan pengukuran prestasi di agensi masing-masing berasaskan PKPA ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Hajah Azizah Abd. Samad memberi saranan kerajaan amat prihatin dan menghargai sumbangan khidmat bakti yang telah diberikan oleh semua anggota perkhidmatan awam. Selaras dengan itu kerajaan sentiasa mengkaji dari semasa ke semasa kedudukan gaji elaun yang diterima oleh anggota perkhidmatan awam supaya dapat diseimbangkan dengan taraf hidup semasa bagi memastikan mereka dan keluarga menikmati kehidupan yang berkualiti. Bagi

tempoh antara tahun 1992 hingga 2005 kerajaan telah melaksanakan lima kali pelarasan gaji iaitu seperti berikut:-

- (i) tahun 1992 - pelaksanaan sistem saraan baru dengan peningkatan gaji antara 8 hingga 10 peratus;
- (ii) tahun 1995 - pelarasan saraan bagi anggota perkhidmatan awam dengan peningkatan RM150 bagi kumpulan pengurusan tertinggi, RM90 bagi kumpulan pengurusan profesional dan RM60 bagi kumpulan sokongan;
- (iii) tahun 2000 - pula pelarasan gaji anggota perhidmatan awam sebanyak 10 peratus;
- (iv) tahun 2002 - pelarasan gaji anggota perkhidmatan awam sebanyak 10 peratus;
- (v) tahun 2002 - lagi pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia dengan kadar peningkatan seperti berikut:-
  - (a) RM110 bagi kumpulan pengurusan tinggi;
  - (b) RM65 bagi kumpulan pengurusan dan profesional;
  - (c) RM15 bagi kumpulan sokongan.

Semakan pelarasan gaji yang dilaksanakan bagi anggota perkhidmatan awam ialah tidak dikaitkan dengan perilaku rasuah.

Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir minta kerajaan mengkaji semula kemudahan-kemudahan yang dinikmati oleh anggota-anggota perkhidmatan awam yang dilantik secara kontrak. Dimaklumkan pelantikan secara kontrak dalam perkhidmatan awam bertujuan untuk mendapatkan perkhidmatan seseorang bagi melaksanakan tugas tertentu dalam tempoh masa yang terhad. Oleh itu, kemudahan cuti, cuti bersalin dan elaun yang layak diberi kepada anggota lantikan kontrak tidak sewajarnya 100% sama seperti yang dinikmati oleh anggota lantikan tetap. Umumnya kemudahan elaun yang diberikan kepada anggota kontrak, dalam pekeliling Perkhidmatan Bil 2/2003 ialah ditetapkan setelah mengambil kira taraf jawatan, bentuk tugas dan tempoh perkhidmatan anggota berkenaan.

Walau bagaimanapun, kerajaan sentiasa bersikap terbuka untuk mengkaji perkara tersebut dengan mengambil kira kepentingan perkhidmatan awam dan kedudukan kewangan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan amat berterima kasih di atas keprihatinan dan sokongan ahli-ahli Yang Berhormat terhadap usaha-usaha pembanteras amalan rasuah di negara ini. Sebagaimana saranan Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng, kerajaan tidak kompromi dalam isu yang membabitkan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan. Tindakan tegas akan diambil termasuk mengheret ke mahkamah mereka yang melakukan kesalahan tersebut, usaha kerajaan membanteras jenayah rasuah menggunakan strategi serampang tiga mata iaitu strategi yang melibatkan siasatan dan pendakwaan, kes-kes rasuah di mahkamah serta tindakan taat tertib ke atas anggota yang didapati melanggar peraturan tata tertib perkhidmatan awam.

Kedua, strategi pencegahan yang meliputi penambahbaikan dalam amalan sistem prosedur kerja bagi menutup ruang dan peluang rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan. Strategi ini melibatkan aktiviti-aktiviti pendidikan dan penerangan yang bertujuan menyedarkan anggota perkhidmatan awam, mengenai implikasi buruk jenayah rasuah.

Seterusnya memantapkan integriti dalam pelaksanaan tugas. Fokus dan tumpuan aktiviti diberikan kepada agensi-agensi yang banyak berurusan dengan orang ramai dan berisiko tinggi dan serampang yang ketiga strategi pentadbiran di mana beberapa siri arahan dan pekeliling dikeluarkan dari semasa ke semasa bertujuan mempertingkatkan kecekapan, ketelusan dan integriti dalam jentera pentadbiran kerajaan. Kerajaan mempunyai keyakinan segala usaha yang dilaksanakan termasuk dengan pengenalan Pelan Integriti Nasional - PIN dan pewujudan institut...

**Dato' Dr. S. Vijayaratnam:** Tuan Yang di-Pertua....

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya habiskan sekejap. ...dan pewujudan Institut Integriti Malaysia - IIM bukan sahaja akan memperbaiki indeks persepsi rasuah, bahkan memastikan usaha mewujudkan *corrupt free society* dengan izin terlaksana.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dato' Dr. S. Vijayaratnam.

**Dato' Dr. S. Vijayarajam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Dato' Seri Menteri. Adakah ditimbang oleh pihak kerajaan menubuhkan satu suruhanjaya bebas dengan kuasa-kuasa menyiasat dan mendakwa kes-kes rasuah iaitu suruhanjaya mencegah rasuah seperti kita ada Suruhanjaya Polis, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia, terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, jawapannya tidak, kerana kita merasakan itu bahawa sebenarnya rasuah dalam negara kita ini tidaklah seperti apa yang dikatakan. Ia lebih merupakan persepsi sahaja. Sebab itu dia bukan berada dalam keadaan yang merunsingkan, maka oleh kerana itu, tidak perlu diadakan suruhanjaya sebagaimana yang kita ada untuk Polis yang telah disebut oleh Yang Berhormat sebentar tadi.

Yang Berhormat Datin Chong Set Mui berharap kerajaan tidak berpuas hati dengan kedudukan *corruption perception index*. Saya hendak sebut di sini CPI ini *Corruption Perception Index*. Persepsi, bukan benda yang benar. Jadi dia menyatakan itu bahawa sama ada kita puas hati, sudah tentu kita tidak puas hati. Kerajaan menyedari indeks-indeks berkaitan rasuah yang dibuat oleh badan-badan bukan kerajaan di luar negara seperti *Transparency International* dan *Political Economy, Race Consultancy Perk* sedikit sebanyak menjejaskan iklim pelaburan dalam negara ini walaupun ia berdasarkan persepsi dan andaian pelabur-pelabur asing semata-mata dan bukannya berdasarkan realiti dan keadaan sebenar tahap rasuah di negara ini.

Justeru itu, melalui tekad 2008, PIN sasarkan untuk memperbaiki kedudukan Malaysia dalam CPI dari skor 5.2 dalam tahun 2003 sekurang-kurangnya skor 6.5 menjelang tahun 2008. lagi tinggi lagi baik skor dia. Tetapi CPI lagi rendah lagi baik. Jadi, dia orang pun tidak betul juga. Jadi ini confuse orang. Ada satu indeks itu lagi rendah lagi bagus *point*, yang ini pula lagi tinggi lagi bagus. Jadi ini dia sendiri pun sama dia pun tidak betul juga. Jadi ini persepsi. Jadi kita jangan terlalu meletakkan perhatian kepada persepsi kerana seperti saya sebut sebentar tadi, dia persepsi. Jadi, persepsi ini berdasarkan kepada orang bercakap, seperti Yang Berhormat Senator bercakap. Yang Berhormat Senator kena jaga sedikit, sebab kita senator. Jadi apa yang kita cakap itu akan dianggap sebagai betul.

Begitu juga saya hendak sebut macam sini ada Dato' Megat Najumuddin, dia Presiden Institut Tadbir Urus Korporat Malaysia, dia kata menurut pemerhatian beliau, katanya amalan rasuah itu bukan sahaja serius di kalangan institusi swasta di negara ini, tetapi turut membabitkan sektor dan kakitangan kerajaan. Dia kata amalan itu bukan sahaja serius, itu mengikut pemerhatian dia. Pemerhatian dia ini dia buat siasatan ataupun dia suka bercakap. Jadi benda-benda macam inilah. Apabila CPI dengar, dia dengar CPI ini duduk di Berlin tidak silap, mana saya tidak tahu duduk di Amerika kah? Dia dengar sahaja. Dia bukan datang ke negara kita untuk menyiasat. Tetapi dia dengar, dia dengar Senator bercakap. Dia dengar Presiden Institut Tadbir Urus Korporat bercakap. Bercakap tetapi tidak buat penyiasatan. Pemerhatian dia. Pemerhatian dia, dia duduk di rumah pun dia bangun pagi, hari ini rasa banyak rasuah. Itu sahaja. Dia tidak buat siasatan. Selepas itu dia dengar orang bercakap.

Yang di New York, dia dengar, ini persepsi orang ramai, tidak semesti betul. Apabila persepsi orang ramai, lagi banyak persepsi macam itu, maka lagilah kita punya kedudukan itu rendah. Ini masalah kita. Jadi kita boleh bantu sesama kita, kalau kita semua bercakap tentang perkara yang benar sahaja. Sebagai contoh saya hendak bagi tahu. Kerajaan cukup komited untuk memerangi rasuah *without fear or favour*. Rekod, ini bukan cakap-cakap. Rekod menunjukkan bahawa sejak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menerajui negara, banyak kes lama yang melibatkan kepentingan awam dan individu ternama telah diselesaikan dan didakwa di mahkamah.

Antara kes-kes tersebut yang telah dituduh sepanjang tahun 2004, ini di dituduh adalah seperti berikut. Yang Berbahagia Eric Chia, dia disiasat tahun 1996, kita dakwa tahun 2004. Yang Berbahagia Tan Sri Kasitah Gadam. Ini Menteri, sebab itu Senator Siti Zailah tanya, saya tanya Menteri mana. Ini Menteri, tetapi kelakuan yang dibuat itu didapati salah waktu dia bukan Menteri. Tetapi walaupun dia sudah jadi Menteri, didapati telah melakukan kesalahan, dia disiasat 1999 dan dakwa tahun lepas.

Yang Berbahagia Datuk Mohd. Sarip Jajang, Bekas Exco Selangor, siasat 1999 dakwa 2004, En. Baharuddin bin Ahmad, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kangar, Senator Wan Nordin, En. Baharuddin bin Ahmad, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kangar siasat 2000 dakwa 2004, Abdul Jalil bin Yakob, Bekas Pengurus Besar Pembangunan BBNP Sekuriti Sdn. Bhd siasat tahun 2000 dakwa 2004, Datuk Azman

Mahalat, bekas Exco Perak, siasat 2001 dakwa 2004, En. Shaharuddin bekas Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Nasional Berhad siasat 2001 dakwa 2004. Zaki Fadzir bin Maon, Pengurus Besar Guthrie Furniture siasat 2001 dakwa 2004. Dato' Omar Haji Osman, bekas Exco Pahang siasat 2004 dakwa 2004.

Yang Berbahagia Dato' Haji Ibrahim bin Mat Nasir, 2002 siasat, 2004 dakwa; Yang Berbahagia Dato' Sabri Salleh, Dekan Fakulti UiTM, siasat 2002; Encik Mohd Apani Muhamad, ini bekas Ahli Parlimen Pas di Jeli ini, siasat 2003, sekarang dakwa 2004 dan seorang lagi ini Parti Keadilan yang sudah nyawa-nyawa ikan, tinggal seorang sahaja dalam Dewan Rakyat sekarang ini, dahulu siasat 2003 dan kita dakwa pada 2004.

Pendakwaan individu-individu tersebut sama ada ahli politik, pegawai tinggi kerajaan atau pegawai kanan sektor swasta jelas menunjukkan bahawa kerajaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak bertolak ansur ke atas individu-individu yang melakukan jenayah rasuah. Berapa orang exco, bekas exco.....

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Yang Berhormat, minta laluan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Okey, Yang Berhormat.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Daripada jawapan Yang Berhormat berikan tadi, saya tidak terdengar nama Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz disebut, bermakna ternyata Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz difitnahkan. Bolehkah saya memohon Yang Berhormat Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff menarik balik tuduhan terhadap Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz dan meminta maaf di dalam Dewa ini. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya hendak datang ke situ tetapi selepas ini Yang Berhormat boleh *intervene* balikkah. Saya akan sampai ke situ, kita selesai ikut kita punya apa yang telah ditentukan. Perangkaan tahun 2004 juga menunjukkan 103 tangkapan dibuat berhubung dengan cubaan menyogok anggota perkhidmatan awam berbanding dengan 50 tangkapan pada tahun 2003, banyak itu. Tahun 2003, 50; tahun 2004, 103 ada naik 53, peningkatan 23 tangkapan atau 106%, ini merupakan satu *indicator* bahawa tahap integriti anggota perkhidmatan awam telah semakin baik.

Jika tahap ini diteruskan sudah pasti sektor swasta dan orang awam tidak akan berani memberi apa-apa suapan kepada anggota-anggota perkhidmatan awam kerana dikhuatiri mereka pula akan ditangkap dan dituduh memberi rasuah.

Berkenaan dengan kenyataan khusus, tuduhan khusus yang dibuat oleh Yang Berhormat Senator Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff berkenaan dengan Menteri MITI. Saya ingin menyatakan mengenai kes rasuah yang dikatakan melibatkan Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, dimaklumkan bahawa BPR telah menjalankan siasatan terhadap dakwaan rasuah ke atas Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Kertas-kertas terhadap siasatan kes berkenaan telah dirujuk ke Jabatan Peguam Negara untuk tindakan selanjutnya sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah Seksyen 26(1) Akta Pencegah Rasuah iaitu suatu pendakwaan di bawah akta ini tidak boleh dibawa kecuali oleh atau dengan persetujuan pendakwa raya.

Jadi, sistemnya begini, Yang Berhormat, mula-mula orang buat aduan, saya pun orang kata rasuah juga, Yusof Lahir kata saya rasuah, jadi buat laporan dahulu kemudian BPR siasat. Kita punya undang-undang, sistemnya penyiasat, pendakwa dan hakim tidak boleh satu orang, yang menyiasat satu, yang mendakwa satu, yang menghukum satu sebab itu orang selalu kata, *you cannot be the investigator and the prosecutor and the same time the judge*, tidak boleh sebab itu.....

**Timbalan Yang di-Pertua: Supaya** tidak dia bias.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** *Bias!* Yang Berhormat *egineer* atau *lawyer* ini? Terima kasih. Jadi, kita kena pisah. Kena pisah di antara yang menyiasat tidak boleh mendakwa, yang mendakwa tidak boleh menghakim. BPR ia menyiasat, bila ia siasat ia kena serah kes ini kepada AG dan AG akan melihat kepada hasil penyiasatan untuk membuat keputusan sama ada didakwa atau pun tidak.

Apabila kes Menteri MITI ini, apabila dia dibawa kepada pihak Peguam Negara, Peguam Negara telah mendapati bahawa tidak ada kes, bila tidak ada kes tidak perlu dibawa ke mahkamah. Jadi, itu sebenarnya dan kes itu telah pun ditutup pada tahun 1996, sembilan tahun dahulu sebelum Yang Berhormat jadi Senator.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Terima kasih, Yang Berhormat di atas penjelasan. Saya ingin penjelasan kenapa atas sebab apa BPR menyiasat kes itu. Saya ingin penjelasan.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** BPR menyiasat kerana ada aduan daripada orang ramai. Saya pun Yang Berhormat, waktu jadi Menteri Pembangunan Usahawan, satu orang, Yusof Lahir ini dia buat laporan kepada BPR tentang saya, kononnya memberi 6 ribu permit kepada satu orang individu menerusi 19 syarikat.

Jadi, BPR dia tidak boleh tolak ke tepi, dia kena siasat, bila dia siasat, dia tidak buat keputusan. Dia siasat hasil siasatan beri kepada AG dan AG tengok tidak ada kes. Saya tidak ada kes sebab itu jadi Menteri hari ini *[Ketawa]* Bukan jadi Menteri sahaja jawab ACA lagi tetapi itu sistem kita, bebas dan kita tidak boleh ambil, macam saya, saya tidak akan ambil tindakan kepada Yusof Lahir sebab kalau saya ambil tindakan ini bermakna kita menakutkan orang ramai untuk memberi laporan. Jadi, sebab itu pada saya laporan telah dibuat kemudian ACA menyiasat dan AG telah pun membuat kenyataan dalam surat khabar walaupun keluar kecil mengatakan saya .....

**Tuan Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Yang Berhormat minta laluan.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya tidak bersalah, tidak ada kes. Sila.

**Tuan Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih, Yang Berhormat. Saya ingin membawa satu kisah bahawa Aisyah, isteri Rasullah pernah berjumpa Rasullah, dia beritahu, *"Ya! Rasullah, ada orang pendek ingin berjumpa kamu"*. Rasullah menjawab, *"Aisyah, kamu mengumpat"*. Aisyah berkata, *"Ya! Rasullah aku bercakap benar kerana memang dia pendek."* Rasullah menjawab, *"Kerana benarlah kamu dikatakan mengumpat. Kalau tidak benar kamu dikatakan fitnah."*

Oleh kerana sudah ada keputusan bahawa BPR sudah pun menutup kes ini dan tuduhan itu tidak benar, dianggap sebagai fitnah. Saya juga mengharapkan supaya Yang Berhormat Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff menarik balik tuduhan tersebut. Terima kasih. *[Tepuk]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Sebenarnya Yang Berhormat, saya dengar cerita lebih daripada itu, kalau tidak betullah, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim tolong betulkan saya .....*[Sambil memandang ke arah Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]*

Saya ada baca, saya tidak belajar saya baca, saya suka baca hadis. Ada satu hadis menceritakan ada satu orang lelaki sebenarnya bertemu dengan Rasulullah mengatakan dia telah pun melakukan satu jenayah. Tidak tahu bunuh ke apa, saya tidak tahulah, dia mengaku sendiri maknanya benda itu betul. Zina, apa Rasulullah kata, "*Pergi balik dululah*". Itu orang yang melakukan kesalah cerita kepada Rasulullah bahawa dia telah melakukan perbuatan itu, tetapi Rasulullah kata apa, "*Pergi balik dahulu.*" Dia tidak ambil tindakan terus tetapi nampaknya PAS ini benda-benda yang dengar-dengar pun sudah jadi macam benda betul.

Kita jangan pilih sesuatu cerita, saya kagum dengan Senator Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff, sebenarnya dia berucap saya dengar. Saya dengar ucapan dia, dia bangkit apa hadis itu, bangkit hadis ini, betullah itu tetapi hadis yang mengata tentang jangan fitnah orang dia tidak bangkit. Cerita Rasulullah tentang yang mengaku berzina ini, Rasulullah suruh balik dahulu, inikan pula Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz tidak lakukan pun perbuatan ini tetapi Yang Berhormat bangkitkan dalam Dewan yang mulia yang tertinggi dalam negara kita, itu tidak betul itu. Jadi, saya tidak tahulah, Yang Berhormat. Sila.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sekiranya perkara itu tidak betul, saya sanggup tarik balik, tidak salah. Cumanya saya hendak nyatakan di sini, kenapa laporan BPR, laporan-laporan berkaitan dengan rasuah tidak dibentangkan di Parlimen, inilah persoalannya. Ia menyebabkan kita tidak boleh melihat yang mana yang betul yang mana yang salah.

Kes ini yang saya tahu berlaku telah lama tetapi apabila rakyat tidak didedahkan, diberi laporan dalam Dewan menyebabkan kita tidak ada makluman yang sebenar dan saya sebut ini, saya bukan menuduh, saya mengatakan ada dikatakan bahawa melibatkan menteri-menteri. Cuma Yang Berhormat Menteri minta, saya sebutkan dalam Dewan, saya kata, saya tidak ada bukti sebab saya bukan orang yang membuat penyiasatan tetapi saya serah kepada pihak kementerian dan saya telah tegaskan dalam perbahasan bahawa sekiranya perkara ini tidak betul saya sanggup menerimanya, maknanya mengakui bahawa perkara itu tidak betul, ini hanya sebagai permintaan, penjelasan daripada pihak kerajaan.

Sekarang perkara itu tidak merupakan satu sebaran fitnah sebagaimana Yang Berhormat pun pernah mengatakan macam-macam perkara pada kami tetapi bukan satu perkara yang sebenar. Wallahualam, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sebelum itu, Yang Berhormat.....

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, tidak bangkitlah soal Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz atau apa sebab kalau sebut menteri pun, menteri itu bukan binatang manusia juga. Saya pun manusia juga. Jadi, jangan apabila saya tanya iaitu bahawa siapa dia, sebab saya tanya kerana saya hendak tahu.

Yang Berhormat tidak bolehlah bagi alasan kata saya sebut namanya kerana menteri tanya tetapi kalau Yang Berhormat tidak sebut nama pun sebut menteri-menteri itu pun manusia juga. Fitnah juga terhadap saya, lagi teruk terhadap saya, terhadap ramai lagi menteri yang lain, satu pandangan yang serong akan dihalakan kepada kami menteri kerana tidak sebut nama. Yang sebaik-baiknya daripada mula lagi jangan sebut, benda yang tidak tahu jangan cakap. Saya hendak ulangi yang saya beritahu kepada orang ramai, kalau kita tidak tahu jangan cakap, biarlah orang kata kita bodoh daripada kita buka mulut langsung orang kata memang sah kita ini bodoh.....

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Yang Berhormat. *[Ketawa]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Sebab itu kita kena berhati-hati kerana bila kita tidak tahu sebenarnya Rasulullah hendak mengajar kita, benda yang hak, betul berlaku pun dia kata, "*Jangan, pergi balik dahulu.*" Apatah lagi benda yang tidak berlaku, yang kita tidak tahu. Sepatutnya jangan tanya langsung sebab tidak tahu, tidak usah. Apa orang cakap, biarlah, orang cakap macam-macam, mulut tempayan boleh ditutup, mulut manusia hendak tutup macam mana.

Kalau begitu saya akan dengar kata, "*Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff macam ini dia*". Takkan saya hendak cakap pada dia. "*Yang Berhormat Senator Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff macam ini*", saya dengar orang bercakap, tidak patutlah. Orang bercakap kepada kita, kita tidak tahu duduk diam sebab itu kita digalakkan untuk jangan bercakap banyak, duduk diam lagi baik, lebih baik. Lepas ini duduk diam jangan cakap apa-apa sebab setiap kali kita buka mulut benda tidak betul kita melakukan fitnah kepada orang lain. Ya, Yang Berhormat silakan.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sekira negara kita mengamalkan prinsip ketelusan dan demokrasi maknanya di dalam Dewan ini kita sebagai rakyat, saya mewakili suara rakyat kita berhak bertanya sesuatu yang tidak jelas. Apa yang saya tanya ialah sesuatu yang tidak jelas. Sekiranya soalan itu tidak boleh ditanya macam mana kita hendak melahirkan sesuatu prinsip keadilan dan demokrasi.

Sekarangnya, sebab saya melihat, mungkin Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada kerajaan tidak berani menyentuh isu-isu berkaitan dengan peribadi menteri ataupun peribadi orang yang memerintah, mungkin kami yang pembangkang ini, kami rasa kami maknanya kalau kami tidak sentuh mungkin orang-orang yang ada kepentingan dalam keadaan tidak berani hendak sentuh. Jadi sebab itulah saya cuba untuk meminta penjelasan daripada kerajaan kedudukan yang sebenarnya, itu sahaja. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat sebelum daripada itu....

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Perkara yang....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sebelum daripada itu Yang Berhormat, cuma kerana masa sudah cukup dan saya terpaksa tangguhkan Dewan ini ke pukul 2.30 petang...

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Sekejap, saya hendak menjawab sekejap.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila, sila.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Petang karang sudah hilang stimkan. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Okey, silakan, silakan.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Stim kena jawab. Yang Berhormat, benda yang betul berlaku, wajib tanya dalam Dewan ini. Kalau benda yang dengar-dengar sahaja jangan tanya sebab Yang Berhormat akan terlibat dalam menyebarkan fitnah menerusi perkara yang hanya kononnya bertanya. *[Tepuk]*

Saya hendak beritahu kalau benda betul tanya tetapi kalau benda dengar-dengar, jangan tanya sebab kita akan terlibat dalam menyebarkan fitnah orang lain. Selepas itu, laporan semua ini, berkenaan dengan apa ini, kita tidak boleh bawa ke Dewan. Yang Berhormat sudah terima sudah buku-buku, kalau kita hendak bawa

semua dengan siasatan yang dilakukan oleh BPR kepada kita, saya ingat meja-meja ini penuh ini [*Menunjuk ke arah meja di dalam Dewan Negara*] tidak mungkin boleh buat.

Kita ada tugas kita, tugas siasatan rasuah bagi pada BPR, tugas mendakwa bagi pada AG, tugas menghukum bagi kepada hakim, barulah adil. Kita, apa kerja kita, kerja kita adalah untuk bercakap benar, bertanya benar dan cuba menyelesaikan apa juga masalah yang dihadapi oleh kita tetapi jangan sekali-kali kita menabur fitnah di dalam Dewan yang tertinggi di dalam negara kita. Terima kasih, selepas ini saya sambung. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

***Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang***

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**Tuan Yang di-Pertua:** Dijemput Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri menyambung penggulungan dan jawapan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi berbalik kepada kes siasatan BPR terhadap Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan ianya telah ditutup setelah pendakwa raya mendapati tiada keterangan yang mencukupi untuk meneruskan pendakwaan terhadap kes berkenaan. Dakwaan sesuatu kes akan dibuat hanya apabila Peguam Negara berpuas hati terhadap bukti dan keterangan yang mencukupi untuk berbuat demikian dan kuasa Peguam Negara untuk mendakwa atau tidak sesuatu kes itu termaktub di bawah artikel 145 (3) Perlembagaan Persekutuan yang berbunyi: "*Peguam Negara adalah mempunyai kuasa dan kuasa itu hendaklah dijalankan menurut budi-bicaranya bagi membawa dan menjalankan atau memberhentikan apa-apa pembicaraan mengenai sesuatu kesalahan, selain daripada perbicaraan di hadapan mahkamah syariah, mahkamah bumiputera ataupun mahkamah tentera.*"

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya BPR juga, Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi dan Yang Berhormat Puan Siti Zailah binti Mohd Yusof membangkitkan Indeks Persepsi Rasuah. Dijelaskan bahawa CPI dikeluarkan oleh *Transparency International*, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan yang berpangkalan di Berlin, German.

Penilaian CPI bagi Malaysia pada tahun 2003, betul macam mana Yang Berhormat sebut ialah di tangga 37 dan pada tahun 2004 ia di tangga 39, tetapi perlu saya jelaskan di sini iaitu bahawa ia tidak merupakan penurunan kerana pada tahun 2003 menduduki tempat 37 daripada 133 negara yang diambil kira untuk CPI ini. Tetapi pada tahun 2004 negara yang terlibat ialah 145 negara bermakna ada 12 lagi negara baru yang dimasukkan di bawah CPI ini dan kita turun ke tangga 39 disabitkan oleh kerana ada 2 negara baru yang mendahului kita bukan kerana dia lebih bersih atau apa tetapi oleh kerana mungkin negara itu kecil seperti yang pulau-pulau di Pasifik, perdagangan pun tidak ada, kekayaan pun tidak ada, jadi ia juga diambil kira, jadi ia dilepaskanlah. Jadi bermakna jatuh itu bukan kerana kita lebih teruk tetapi jatuh kerana negara yang diambil kira telah bertambah daripada 133 kepada 145, itu sahaja, bukan ada tanda-tanda menunjukkan bahawa rasuah bertambah kuat lagi di negara kita.

Kajian yang dibuat adalah berdasarkan pengumpulan kajian-kajian oleh pelbagai pihak terutamanya berdasarkan soal selidik yang dijalankan ke atas ahli-ahli perniagaan luar negara. CPI hanya mengkhususkan kepada isu persepsi iaitu tahap rasuah sesebuah negara, pihak Transparency International sendiri mengakui bahawa terdapat unsur-unsur bias dalam kajian yang dilakukan. Oleh kerana itu kerajaan melalui Institut Integriti Nasional yang mengikut acuan negara Malaysia sendiri merupakan satu indeks komposit yang merangkumi 6 indeks termasuklah indeks tahap rasuah iaitu penggubalan indeks rasuah, penggubalan indeks tadbir urus korporat, penggubalan indeks keluarga dan komuniti, penggubalan indeks penyampaian khidmat awam, penggubalan indeks kualiti hidup dan penggubalan indeks budi bahasa. Jadi kita sudah masuk penggubalan indeks rasuah yang kita punya sendiri.

Indeks Integriti Nasional bakal dikeluarkan oleh IIN pada bulan November 2005. Indeks ini tidak berkait secara langsung dengan CPI memandangkan kriteria dan komponen kajian dijalankan adalah agak berbeza, dengan CPI tahap rasuah di sebuah negara dibuat berdasarkan *score* daripada 10 mata bagi negara yang paling minimum tahap rasuahnya dan satu menunjukkan tahap rasuah yang sangat buruk dalam sesebuah negara. Walau bagaimana pun CPI yang dikeluarkan secara tahunan oleh Transparency International akan terus ditelitikan oleh IIN dan kerajaan sebagai antara mekanisme memperlihatkan sejauh mana persepsi masyarakat antarabangsa terhadap

Malaysia dan lain-lain negara. Dengan pemantauan dan penilaian terhadap CPI kerajaan akan terus melakukan pelbagai usaha agar *score* yang diperoleh oleh negara meningkat dan sekali gus memperbaiki kedudukan negara dalam senarai yang dikeluarkan.

Kerajaan meminta kerjasama semua pihak termasuk pembangkang agar tidak mengambil kesempatan dengan menjadikan isu rasuah sebagai isu politik. Apabila bangunan Parlimen bocor, laporan kepada BPR dibuat dan dijadikan modal politik untuk meraih sokongan. Itu Ipoh Timurlah itu. Dia tidak ada dalam Dewan Negara ini. Tetapi kalau ada dalam Dewan Negara ini pun saya akan bercakap juga.

Kalau hendak buat aduan kepada mana-mana kes rasuah sekali pun mereka dialu-alukan dan tiada siapa yang akan menghalang tetapi janganlah di canang-canang seolah-olah amalan rasuah berlaku sehingga siasatan diselesaikan. Tindakan sebegini akan memberikan tanggapan yang buruk kepada individu dan pihak terbabit. Ini yang saya katakan tadi media dan *public consecution* dengan izin...

**Tuan Ismail bin Kasim:** Pohon laluan Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Sedangkan kita perlu mengamalkan *innocent until proven guilty* sebab kalau kita besar-besarkan benda ini kita akan dengan izin Tuan Yang di-Pertua, di *persecute in the mass media*, tidak adil. Sebab itu kita kata jangan bangkit sehinggalah dia didakwa di mahkamah. Kalau tidak nanti ia akan berlaku tidak adil kepada orang yang disiasat itu. Silakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Ismail bin Kasim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Seri Menteri. Apa yang dibuat oleh kerajaan sekarang ini jelas menunjukkan bahawa kita tidak pernah memilih bulu, di mana kita lihat golongan yang berprofil tinggi pun telah dihadapkan walaupun melibatkan kes-kes yang lama. Jadi saya ingin penjelasan Yang Berhormat Dato' Seri iaitu berhubung dengan pertuduhan yang kita buat, yang dibawa ke mahkamah dan hakim belum lagi memutuskan sama ada individu yang terlibat itu bersalah ataupun tidak tetapi hukuman yang dibuat di media massa seolah-olah individu berkenaan telah pun bersalah dan masyarakat telah menghukumnya yang melibatkan keluarganya, keturunannya, saudaranya, adik-beradiknya berada dalam keadaan yang cukup terseksa dalam

keadaan ini. Jadi kita minta walaupun perkara ini untuk dijadikan pengajaran boleh atau tidak ianya tidak dihukum sebelum mahkamah menghukumnya, apa pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Inilah masalah yang kita hadapi dalam masyarakat kita khususnya kalau ianya diapi-apikan oleh pihak pembangkang untuk mendapat *political milage* dengan izin, apatah lagi kalau berlaku kepada seorang pemimpin maka belum pun lagi dia dihukum, malah bukan sahaja dibawa ke mahkamah sebelum dibawa ke mahkamah lagi pun baru disiasat telah ditulis seolah-olah dan diapi-apikan oleh pihak tertentu seolah-olah dia sudah bersalah.

Ini cukup tidak adil, cukup tidak adil kepada orang yang disiasat kerana kita mengamalkan prinsip undang-undang iaitu kita adalah tidak bersalah hingga didapati bersalah. Yang ini kita kena pastikan dan kita minta kepada pihak pembangkang, tidak usahlah mengapi-apikan perkara ini kerana kita sesama Islam, kalau bukan sesama Islam, sesama manusia pun kalau kita mengaibkan seseorang itu, itu merupakan satu perkara yang berat dosanya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya pula sebab dari sudut institusi ini, institusi ini ialah institusi demokrasi dan negara ini adalah negara yang menjalankan pemerintahan demokrasi. Saya khuatir apakah bermakna, apakah akan jadi kalau demokrasi kita dicorakkan oleh prasangka dan bukan oleh fakta?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya setuju dengan Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku di setengah negara kerana persepsi sahaja, bukan perkara yang benar, boleh meruntuhkan sebuah kerajaan. Kerana kalau pihak pembangkang mengapi-apikan satu perkara yang tidak dilakukan oleh kerajaan itu dan kalau rakyat percaya, apa berlaku dalam pilihan raya ialah kerajaan itu akan runtuh. Jadi itu sudah tentu, itu...

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Duduk dahulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Hendak soal, tak ada masalah. Jadi itulah sebabnya kita mesti bijak menggunakan demokrasi kerana kita semua mengagungkan demokrasi. Oleh sebab itu, kita juga kena bijak mengamalkan

demokrasi. Jangan menghasut rakyat tentang perkara yang tidak baik untuk menjatuhkan sebuah kerajaan yang adil. Jadi itulah saya harap supaya sebagai pembangkang kita menjadi pembangkang yang membangun, sama-sama membantu, membina negara kita. Apabila datang pilihan raya, itu terpulunglah kepada rakyat kerana itulah demokrasi. Tapi saya percayalah kita mesti cakap benda yang benar sebab saya percaya kalau kita meruntuhkan sesuatu kerajaan berdasarkan kepada penipuan, saya rasa itu tidak lama dan memang tidak digalakkan oleh agama kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Hassan Shukri.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Saya ingin mendapat penjelasan, walaupun Yang Berhormat Menteri menyebut berkali-kali tentang pembangkang tapi beliau ada menyebut tentang peranan akhbar. Saya melihat misalnya pembongkaran mengenai ataupun berita mengenai Parlimen ini bukan surat khabar pembangkang yang menyiarkannya tapi surat khabar-surat khabar yang barang kali Yang Berhormat pun tahu. Jadi pembangkang dia tidak ada surat khabar, kalau ada pun sebulan dua kali, lambat. Yang ini yang cepat, yang saya baca ini.

Jadi bagaimana perkara yang seperti ini boleh dilemparkan secara melulu kepada pembangkang sahaja. Jadi saya haraplah Yang Berhormat Menteri apabila membuat tuduhan-tuduhan juga jangan menimbulkan fitnah kerana isu tadi fitnah, fitnah, fitnah. Jadi begitu juga saya harap Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, akhbar melaporkan apa yang berlaku di mahkamah. Apabila kes itu dibawa ke mahkamah maka tidak ada *blackout* lagi sebab penghakiman perbicaraan itu bagi kes rasuah dibuat bukan di kamera, tetapi *in open court*. *In open court* maknanya surat khabar boleh lapor, saya cakap tentang mengapi-api, yang kita bukan nak fitnah kerana kita dengar ucapan yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin pembangkang waktu dia ceramah di mana-mana. Kita ada *tape*, kita dengar semua, tak akan saya nak bercakap benda yang tidak benar dalam Dewan yang mulia ini, takut Yang Berhormat cakap tak benar ini.

Saya cakap benar, kita dengar surat khabar *Harakah*, macam-macam fitnah yang dibuat terhadap saya, letak gambar saya pakai lebai dengan gambar saya atas pentas dengan seorang penyanyi. Saya pergi kutip duit tapi mereka fitnahkan saya kepada

peribadi saya, itulah surat khabar parti pembangkang, tak akan itu tidak betul lagi. Saya minta Yang Berhormat bawa keluar surat khabar *Harakah*, itu fitnah terhadap peribadi saya, jadi tak akan Yang Berhormat boleh nafi, ini benda betul.

Jadi saya cakap di sini bahawa jangan mengapi-apikan soal perkara seperti ini, memfitnah pemimpin dengan perkara yang tidak betul. Macam buat kepada saya di akhbar *Harakah*, tak akan Yang Berhormat nak nafikan, yang keluar dalam *Harakah* tentang gambar saya atas pentas.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** [*Bercakap tanpa pembesar suara*] ....berita mengenai Parlimen yang dikeluarkan di dalam surat-surat khabar bukan milik pembangkang, jadi saya minta pandangan Yang Berhormat. Ini bawa jauh-jauh, itu kita boleh bincang di luarlah. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Bila terkena diri sendiri, dia takutlah. Saya cakap tentang fitnah dan kita bincang benda tadi berkenaan dengan laporan rasuah, siapa cakap tentang laporan Parlimen, kita cakap tentang rasuah. Kita tidak cakap tentang laporan Parlimen, yang dibincangkan ialah berkenaan akhbar dengan laporan rasuah. Apa bangkit Parlimen pula ini? Saya pun hairan juga, tidak ada bincang Parlimen di sini, semua bincang tentang rasuah. Jadi sebab itu, kalau saya kata itu bahawa pihak pembangkang mengapi-apikan, itu memang betul kerana kata macam dalam soal Menteri, Rafidah, perkara ini telah pun ditanya oleh Wakil Rakyat bagi Kubang Kerian pada tahun 2000, Tuan Hussam bin Musa dan telah pun dijawab iaitu bahawa tidak ada kes.

Tapi bangkit lagi, bermakna mereka hendak menghidupkan satu perkara supaya diapi-apikan dalam pemikiran rakyat bahawa ini rasuah dan BPR tidak buat kerja. Kita tidak boleh macam tu., Kalau BPR sudah buat kerja, sudah ambil keputusan, tahun 2000 lagi dah dan tutup pada tahun 1996 lagi dah, beberapa kes menteri ni. Jadi jangan dok bangkit lagi, bila bangkit sahlah apa yang saya katakan iaitu bahawa memang kerja pembangkang ini dia nak mengapi-apikan supaya rakyat benci kepada kerajaan, seolah-olah seluruh kerajaan ini semuanya rasuah. Tapi ingat Tuan Yang di-Pertua, kita boleh cakap tapi Tuhan menentukan. Tahun 1999, betul mereka dapat 47 kerusi tapi Tuhan ada, mari tahun 2004 lingkup habis tinggal 19 saja, itu pun PAS tinggal 7 saja saya

hendak beritahu. Itulah hukumnya kepada mereka yang memfitnahkan kerajaan yang bersungguh-sungguh berusaha untuk menghapuskan rasuah di negara kita.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Saya terpanggil juga untuk menyentuh soal rasuah dan fitnah dan saya juga dibekalkan dengan buku yang dikarangkan oleh Abdul Hadi Awang. Saya sempat membaca, Tuan Yang di-Pertua, di antara kolum dan isi-isi kandungan antara lainnya “UMNO mencipta penyelewengan”. Dan juga dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dalam buku ini saya nak kaitkan dengan fitnah. “Yang jelas Islam Hadhari adalah di antara perkara yang boleh dimasukkan ke dalam perbuatan bidaah yang boleh menyesatkan.” Jadi UMNO tidak pernah untuk membangkitkan soal-soal sebagaimana yang boleh dikaitkan dengan fitnah.

Saya ingin menyokong pandangan Yang Berhormat Menteri tadi dan saya rasa sedih, bersimpati kepada ahli-ahli PAS umpamanya sahabat saya, hampir tiga tahun duduk jiran tetapi pandangan-pandangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Siti Zailah, kadang-kadang saya rasa sungguh kasihan kepada beliau. Kenapakah mempunyai inti pati, inti sari perasaan sedemikian rupa yang boleh menjurus ke arah memfitnah seseorang. Dan saya juga lihat banyak perkara telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat, maaf Yang Berhormat dengan izin, ini sekadar untuk kita berbahas Tuan Yang di-Pertua, Perkara 18 kes ikan yu yang dibangkitkan berulang kali yang dikatakan tidak pernah diambil tindakan oleh pihak kerajaan.

Perkara ini telah pun dijawab berkali-kali di dalam Dewan, sebagaimana Yang Berhormat Menteri sebut tadi banyak perkara yang telah diselesaikan tapi diulang-ulang kerana tidak mempunyai isu, jadi menjurus ke arah memfitnah. Dan saya juga ingin menyentuh tentang soal SAR, Sekolah Agama Rakyat juga dibangkitkan berkali-kali. Dan yang terbuktinya Sekolah Agama Rakyat, kasihan anak-anak kecil di peringkat tadika telah diracuni pemikiran mereka, telah dihasut pemikiran anak-anak untuk membenci pemimpin dan adakah fitnah-fitnah ini yang dilemparkan oleh pemimpin-pemimpin, tidak termasuk Yang Berhormat Ustaz Hassan Shukri, saya *respect* dia kerana pandangan-pandangan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya harap Yang Berhormat tidak terlupa bukan giliran Yang Berhormat membuat ucapan. *[Ketawa]*

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Hendak minta pandangan Yang Berhormat Menteri, apakah telah sampai masanya memfitnah mengikut al-Quran yang selalu dikaitkan oleh pihak parti pembangkang yang menjurus kepada amar makruf nahi mungkar, selalu mereka mengaitkan fitnah ayat firman Allah dalam al-Quran, ayat 191 surah al-Baqarah, *“Fitnah itu lebih kejam daripada pembunuhan”*. Adakah sudah sampai masanya, Yang Berhormat Menteri, fitnah itu boleh kita cuba cari jalan untuk dikaitkan tindakan undang-undang boleh diambil kepada mereka yang memfitnah, terutamanya buku ini. *[Menunjukkan sebuah buku]*

Buku ini sebenarnya memang melontarkan satu fitnah yang amat besar kepada kerajaan dan saya minta pihak kerajaan fikir cara bagaimana dari segi fitnah boleh kita kaitkan untuk ambil tindakan undang-undang. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kiat teruskan lakukan apa yang kita fikirkan baik untuk masyarakat dan negara kita. Kita tidak boleh diganggu kita punya konsentrasi oleh buku-buku fitnah seperti ini. Walaupun saya kalau ikut dari segi hati, memang marahlah tetapi kita berpegang iaitu bahawa Allah S.W.T. Maha Berkuasa dan hakim yang paling adil.

Saya teringat macam kes ini, sebenarnya tidak perlu kita ambil tindakan sebab Tuhan akan ambil tindakan. Macam kes saya, bubuh saya pakai lebai, selepas itu atas pentas di Sandakan. Mohamad Sabu pakai lebai juga, ditangkap khalwat tetapi itu tidak masuk dalam Harakah pasal orang dia. Jadi, kepada saya, tidak perlu bimbang, kita serah kepada Tuhan. Malah dengan keluarnya gambar itu, sebelum pilihan raya, majoriti saya bertambah 6,000 daripada 3,000. Jadi, orang tidak percaya kepada Harakah.

Sebab itu saya ingat lebih baiklah kita biar pembangkang, PAS ini terus memfitnah dan menipu sehinggakan akhirnya mereka juga percaya dengan fitnah dan penipuan dia. Pihak kita berpegang bahawa iaitu Allah S.W.T Maha Adil dan akan memberikan hukumannya, tidak payah tunggu di akhirat, tetapi di dunia. Pada kita, saya berasa kita terus dengan apa yang kita lakukan. Saya percaya iaitu bahawa rakyat tahu siapa yang intan, siapa yang kaca.

Sebab itu pilihan raya baru-baru ini kita menang banyak. Saya pun tunggu juga di Padang Rengas, harap-harap kawasan baru, marilah PAS lawan saya, tetapi tidak

mari, mari KeADILan. Saya tunggu juga PAS mari sebab saya ingat kalau PAS mari, majoriti saya 7,000, Tuan Yang di-Pertua, sebab KeADILan ini sudah tentu PAS sokong dia. Jadi, orang Melayu yang tidak suka kepada UMNO, atas pagar, sokong KeADILan ini, Cina pun sokong juga tetapi kalau PAS lawan di situ, saya percaya 7,000 majoriti.

Sebab itu saya ingat kita tidak payahlah ambil tindakan sebab kita tahu bahawa apa yang kita buat ini adalah betul, biarlah Tuhan menentukan siapa yang betul, siapa yang tidak betul.

**Tuan Ismail bin Kasim:** Mohon laluan.

**Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** [*Bangun*]

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Buku ini pun orang tidak baca sebenarnya. [*Ketawa*] Orang tidak baca tetapi biar dia seronok dengan fitnah dan penipuan dia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang mana Yang Berhormat hendak beri laluan?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Bagi kepada Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim.

**Tuan Ismail bin Kasim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Seri yang dikasihi. Pertama sekali saya kurang berpuas hati dengan kenyataan Yang Berhormat Puan Siti Zailah pagi tadi berhubung dengan-.dia tidak menyebut tetapi lebih kurang di kalangan penyokong-penyokong kerajaan ini dianggap ada sindrom bisu yang mana kita tidak berani menyuarakan kebenaran.

Jadi pada saya, yang di Dewan yang mulia ini telah membuktikan, cuba kita lihat dalam *Hansard* kita dalam tiap-tiap mesyuarat, Yang Berhormat Dato' Seri Nazri sendiri, malah Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua sendiri memberi galakan kepada kita, kalau ada kepincangan atau kelemahan yang menegur kerajaan secara terbuka ialah di pihak kami. Makna kata dalam keadaan sekarang kerajaan tidak pernah menyatakan bahawa kalau yang tidak elok duduk diam, senyap. Bermakna tidak ada sindrom bisu di kalangan penyokong-penyokong kerajaan.

Yang ini saya tidak puas hati dari pagi tadi tetapi kerana kesuntukan masa saya tidak dapat memberi penjelasan. Jadi, saya minta penjelasan Yang Berhormat berhubung perkara ini.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak melihat iaitu apabila pihak Senator kerajaan tidak membangkitkan isu itu bahawa mereka takut. Mereka tidak membangkitkan isu itu kerana mereka tidak mahu berbohong dalam Dewan Rakyat, itu sebenarnya. Sebab yang dia bangkit ialah perkara yang fitnah. Jadi BN tidak mahu fitnah, sebab itu dia tidak bangkit benda itu. Jadi, Yang Berhormat jangan bimbang dengan tidak membangkitnya perkara itu bukan bermakna Senator Barisan Nasional takut tetapi Senator Barisan Nasional tidak mahu membangkitkan perkara yang merupakan fitnah dan penipuan. *[Tepuk]* Itu yang sebenarnya.

Cuma yang berani menipu dan memfitnah dalam Dewan, itu pihak merekalah, bukan pihak kita. Jadi jangan bimbanglah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Hakikatnya, Yang Berhormat...

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** ....bagi Senator-Senator, kerajaan suka pun penggalnya tiga tahun, kerajaan benci pun, penggalnya tiga tahun juga.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi, tidak ada untung atau rugi.

**Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya, memang betul, Yang Berhormat tidak ada untung, tidak ada rugi sebab macam mana pun, tiga tahun, tiga tahun juga. Tetapi Yang Berhormat ini saya hendak cadangkan supaya bagi Speaker tidak usah tahan ikut *term*. Bagi dia selagi dia hidup jadi Speaker. *[Ketawa]* Itu yang saya hendak cadangkanlah. Apa pasal hendak ikut enam tahun, enam tahun pula? Gambar Speaker Dewan Negara ini sudah panjang sebab dok main tiga tahun, tiga tahun dan saya tengok daripada prestasi Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua cukup bagus sekali. *[Tepuk]* Saya hendak mencadangkan sebagai Menteri yang menjaga Parlimen, kalau Yang di-Pertua di Dewan Rakyat itu tidak perlu menjadi Ahli Dewan Rakyat, mengapa pula Dewan Negara mesti disyaratkan menjadi Ahli Dewan Negara baru boleh jadi Speaker. Saya hendak pembaharuanlah itu. Sila, Datuk.

**Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Seri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat tentang pembohongan yang nyata pada hari

semalam dalam BBC ada *Heart Talk*, yang mana bekas Timbalan Perdana Menteri, Anwar Ibrahim telah ditemu ramah oleh BBC, yang mana beliau telah menuduh Tun Dr. Mahathir memiliki banyak saham dalam TV3, 70%.

Jadi, kita semua tahu bahawa rakyat tidak tahu bahawa Anwar Ibrahim ini dia buat komen, rakyat tidak tahu, tetapi dia telah bercakap dan kita tahu ketika Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar semasa menjadi Timbalan Perdana Menteri, beliaulah yang menguasai media-media ini dan telah menyogok ketua-ketua editor sehingga hari ini mereka menjadi jutawan. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini? Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bimbang tentang perkara itu sebab dalam negara kita ini rakyat semua tahu yang baik itu Barisan Nasional, yang tidak baik itu pembangkang sebab rakyat yang pilih. Jadi, waktu Anwar Ibrahim, dia baik dia kawan kita. Bila dia tidak baik, dia kawan pembangkang, semua orang tahu. Jadi, tidak perlulah kita hendak perjelaskan kerana yang baik itu, Insya-Allah, Barisan Nasional, yang tidak baik itu pembangkanglah. Tetapi hari ini Anwar Ibrahim itu berkawan dengan siapa? Pembangkang. Tidak baiklah jawabnya itu. Jadi, tidak perlulah kita ambil berat sangat tentang apa yang telah diwawancara dalam *Heart Talk* itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak teruskan. Sebaliknya sekiranya pendakwaan tidak dibuat ke atas individu-individu tertentu dan kerajaan, pihak pembangkang menyatakan kerajaan melindungi mereka sedangkan hakikatnya tidak ada bukti atau kesalahan dilakukan, bahkan terdapat juga ahli-ahli politik pembangkang yang kita tidak dakwa di mahkamah, ada! Perkara-perkara sebeginilah yang akan mempengaruhi persepsi pelabur-pelabur kerana mereka mendapatkan cerita dan bukannya berita atau fakta hasil daripada isu-isu rasuah yang dipolitikkan.

PLC dan laporan ASEAN Intelligent Issue 531 tahun 1999 pernah merumuskan kesan isu-isu rasuah yang dipolitikkan, dengan izin, *the fact that the subject is being discussed with such intensity maybe more reflection of the current political situation and evidence of any worsening of the level of the corruption*. Itu bila politik itu kuat, cakaplah tentang rasuah tetapi dia bukan bukti yang menunjukkan rasuah itu berlaku. "By the standard of the region, dengan izin, *the incidence of corruption may not be a specially*

*high in Malaysia, tidak mungkin tinggi, and the countries legal system provide an avenue for victims to defend themselves and seek the dress. Corruption does exist in the country.* Mana-mana pun ada.

*However and precisely because it is such a politicize issue, one has to tread very gingerly when discussing it.* Jadi, dia kata oleh kerana ini menjadi isu politik, kena berhati-hatilah dengan apa tanggapan atau persepsi yang dibuat oleh pihak-pihak tertentu. Jadi, selain daripada itu, pohon kerjasama semua pihak termasuklah daripada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya tidak mengeluarkan kenyataan masalah rasuah supaya tidak semakin berleluasa di negara ini.

**Dato' Dr. S. Vijayarajam:** Minta laluan, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Sekejap ya. Kenyataan-kenyataan sebegini terutamanya apabila kerap kali dinyatakan dan diulang-ulang seolah-olah mengesahkan kenyataan pihak-pihak lain di luar Dewan tentang betapa teruknya jenayah rasuah dalam negara. Kita akui jenayah rasuah masih wujud akan tetapi tidak seburuk yang digambarkan hasil dari pelbagai tindakan dan usaha yang telah dibuat oleh kerajaan untuk menanganinya. Oleh yang demikian, tidak timbul persoalan mengapa negara Singapura yang tidak mengamalkan Islam Hadhari mempunyai kedudukan yang lebih baik dari Malaysia dalam CPI kerana isu-isu tersebut tidak terlalu dipolitikkan di sana. Sila.

**Dato' Dr. S. Vijayarajam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Mengikut majalah yang dikeluarkan oleh *Transparency International* yang ada di sini, nampaknya taraf rasuah lebih tinggi ataupun paling tinggi di negara-negara miskin, tidak berapa sedap saya sebut nama negara-negara yang terlibat dan taraf rasuah yang paling rendah ialah di negara-negara yang kaya macam Finland, Denmark, Singapura dan lain-lain. Nampaknya kalau dicakap dalam bahasa Inggeris, *corruption is inversely proportional to the wealth of the nation*. Saya percaya, jika negara Malaysia ini menjadi lebih maju, lebih kaya, pendapatan orang awam pun naik, GDP pun naik, maka rasuah akan turun secara automatik. Ini termasuk, jika gaji untuk pihak pentadbiran awam dinaikkan, ini pun boleh ada kesan yang positif untuk taraf rasuah. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Apa Yang Berhormat sebutkan itu ada betul dan ada yang tidak betul. Tetapi dari segi kita lihat CPI, memang betul. Kalau negara itu kaya, kurang dia punya *corruption*. Tetapi sebenarnya bukan tentang kekayaan, orang miskin pun tidak semestinya lebih terbuka kepada rasuah sebab pepatah Melayu kata, lagi besar periuk, lagi besar keraknya. Bermakna, lagi kita bayar gaji dia, lagi besar dia punya kehendak, dia punya nafsu, lagi dia hendak rasuah. Tidak semestinya kalau negara itu kaya, rasuah tidak ada dan tidak semestinya kalau negara itu miskin, rasuah itu berleluasa, tidak semestinya kerana kepada orang miskin yang hidup dengan keadaan yang dia miskin, dia tidak fikir tentang ada kereta. Nafsunya sedikit mengikut itu. Jadi, mungkin tidak boleh kita buat secara *simplistic*, kalau negara kaya, kurang rasuah, negara miskin banyak hutang, saya fikir itu tidak. Saya rasa itu adalah berada kepada budaya dengan cara hidup orang itu yang memang benci kepada rasuah.

Macam di Amerika Syarikat, sebenarnya di sana bukan tidak berlaku rasuah, politik wang sebagai contoh, dihalalkan. Siapa yang hendak jadi Presiden diberikan RM36 juta untuk belanja pertandingan Presiden, kita tidak ada, di sana *provided for*. Jadi, sebab itu kalau hendak ikut dari segi rasuah, memang rasuah kerana RM36 juta boleh dibelanjakan oleh calon Presiden untuk kempen dia. Itu dihalalkan, begitu juga macam iklan, orang boleh bayar, orang boleh *contribute*, dihalalkan. Jadi, benda ini kalau dihalalkan, tidak jadi rasuah tetapi kepada saya, saya tengok itu politik wang. Jadi, sebenarnya kadang-kadang undang-undang yang ada itu boleh menjadikan perkara yang sepatutnya dianggap sebagai rasuah, boleh dilihat tidak sebagai rasuah. Jadi sebab itu kepada saya, saya rasa Yang Berhormat cakap itu ada betulnya dan secara kebetulan kita tentang memang *under* CPI, negara kaya kurang rasuah, negara miskin banyak rasuah tetapi kalau kita lihat secara mikro di bawah, saya rasa negara kaya itu lebih besar nafsunya, lebih terbuka kepada rasuah sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, ditegaskan dalam apa bentuk sekalipun, rasuah tetap satu jenayah dan diharamkan oleh Islam. Sekiranya dinamakan tahi rasuah sekalipun, mereka yang tidak berintegriti tetap akan melakukannya sebab dia tahu itu bukan tahi, itu duit. Panggillah bapa rasuah atau tahi rasuah, apa nama sekalipun, kalau dia memang hendak kepada duit, dia akan ambil, dia tidak kira sebab dia tahu walaupun

perkataan tadi itu tidak akan menghalang dia daripada membuat perkara itu. Jadi sebagaimana yang dinyatakan sebentar tadi, program pendidikan dan penerangan akan diteruskan dan dipertingkatkan untuk memberi kesedaran kepada semua pihak. Pendekatan ini lebih berkesan daripada menukar nama baru kepada rasuah sebagaimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Puan Siti Zailah Mohd Yusoff semalam.

Cadangan supaya laporan terperinci Status Amaran Rasuah di negara ini dibentangkan di Parlimen dijelaskan bahawa BPR tidak membentangkan laporan tahunan kepada Parlimen kerana badan tersebut tidak dikehendaki untuk berbuat demikian memandangkan tiada peruntukan yang memerlukan BPR mengemukakan laporan tahunan kepada Parlimen sebagaimana laporan Ketua Audit Negara yang dibentangkan setiap tahun.

Di samping itu juga, sebagaimana Ahli-Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Seksyen 21(4) Akta Pencegahan Rasuah 1997 yang telah dikuatkuasakan mulai 8 Januari 1998 menyatakan, sesuatu aduan yang dibuat di bawah Subseksyen 1, aduan hendaklah dirahsiakan dan tidak boleh didedahkan oleh mana-mana orang kepada mana-mana orang selain pegawai-pegawai, badan dan pendakwa raya, maknanya Parlimen pun tidak boleh sehinggalah orang tertuduh dipertuduhkan di mahkamah atas satu kesalahan di bawah akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang berbangkit daripada aduan itu, kita yang buat undang-undang ini, jadi kita tidak benarkan mengeluarkan maklumat sehinggalah orang itu dituduh di mahkamah then it is okay, tidak ada masalah sebab di mahkamah *open court*, semua orang akan tahu. Jadi, aduan tidak boleh kerana ini akan melakukan suasana yang tidak adil kepada orang yang diadu itu. Oleh sebab terdapat peruntukan undang-undang yang menghalang pendedahan dibuat terhadap mana-mana kes yang masih dalam siasatan, maka BPR tidak boleh membentangkan kes-kes berkenaan walaupun di Parlimen kerana ia mungkin akan mengehadkan keupayaan BPR untuk membuat penyiasatan yang seadilnya.

Tuan Yang di-Pertua, Tuan Lee Sing Chooi menyarankan supaya Badan Pencegah Rasuah menyegerakan siasatan dan pendakwaan ke atas kes-kes rasuah. BPR sememangnya sentiasa berusaha untuk mempercepatkan siasatan kes rasuah.

Kelewatan dalam menyelesaikan kes-kes siasatan ada kalanya tidak dapat dielakkan sekiranya saksi-saksi tidak dapat dikesan atau tidak mahu memberikan kerjasama, *complexity* sesuatu kes yang melibatkan dokumen-dokumen yang banyak atau kepakaran teknikal ataupun keterangan yang perlu diperolehi dari luar negara seperti kes Perwaja – Eric Chia. Tambahan pula, siasatan kes-kes rasuah perlu dijalankan dengan berhati-hati dan tanpa diketahui umum agar tidak menjejaskan individu yang disiasat bagi mengelakkan media *and public prosecution*, dengan izin.

BPR sentiasa berusaha meningkatkan pengetahuan dan kepakaran pegawai-pegawai dalam bidang-bidang teknikal yang khusus seperti forensik perakaunan, forensik kejuruteraan dan forensik komputer untuk memudahkan mereka menjalankan siasatan dan mengesan kesalahan seterusnya menghasilkan kertas-kertas siasatan yang berkualiti untuk tujuan pendakwaan. Ini berkenaan dengan lewat, saya hendak tunjukkan di sini bahawa sebenarnya bukan salah BPR.

Tuan Yang di-Pertua, ini kenyataan akhbar Pengarah BPR Negeri Sembilan. Pada 9 Mei iaitu tiga hari yang lepas, pada jam 1 tengah hari, bertempat di Hotel Glory Beach Resort, Port Dickson, pegawai BPR telah menangkap Peter Yan Amoss sebaik sahaja beliau menyerahkan wang tunai sebanyak RM20 ribu kepada pegawai jabatan laut yang bertugas di Jabatan Marin Wilayah Tengah Port Dickson atas kesalahan cuba merasuah seorang pegawai kerajaan Malaysia - itu 9 hari bulan. Pada 11 Mei, Peter Yan Amoss telah dituduh, dua hari sahaja, bila bukti semua cukup, dalam masa dua hari telah dituduh di hadapan Yang Arif – Tuan Zainal Abidin bin Kamarudin, hakim Mahkamah Seksyen Seremban pada 11 hari bulan. 9 hari bulan tangkap, bukti ada, 11 hari bulan dibawa ke mahkamah oleh kerana Orang Kena Tuduh itu tidak mengaku salah, minta perbicaraan, maka mahkamah telah menentukan iaitu tarikh perbicaraan ialah pada 25 dan 26 Julai 2005. Jadi tidak betullah kalau hendak kata BPR tidak buat kerja, dua hari sahaja, ada bukti terus pergi mahkamah. Tetapi yang masalahnya bukti tidak ada, itu yang masalahnya.

Jadi saya hendak menafikan iaitu bahawa kenyataan yang mengatakan BPR tidak buat kerja dia, lewat-lewatkan itu adalah tidak benar. Seberapa boleh, pihak BPR akan mengambil tindakan yang secepatnya.

Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayarajam menyatakan kekurangan pegawai BPR telah melengahkan proses pendakwaan sesuatu kes. Ya, kerajaan menyedari keperluan memperkasakan keanggotaan di BPR untuk meningkatkan keberkesanan usaha pembanteras rasuah dalam negara.

Untuk itu, pada tahun 2003 kerajaan telah bersetuju untuk mempertingkatkan keupayaan keanggotaan BPR dengan meluluskan 109 jawatan baru bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional di samping menambah 9 buah pejabat cawangan baru. Baru-baru ini Jabatan Perkhidmatan Awam telah menyokong pertambahan 420 jawatan bagi Kumpulan Sokongan yang telah dikemukakan kepada pihak Kementerian Kewangan untuk pertimbangan. BPR hanya bertindak menjalankan siasatan. Proses pendakwaan dan perbicaraan di mahkamah dikendalikan oleh pihak lain dan sebarang kelengahan adalah di luar bidang kuasa BPR, macam tadilah, yang saya sebut sebentar tadi.

Mengenai tindakan yang diambil oleh BPR, saya hendak habis ini Yang Berhormat, rasuah sahaja, selepas itu habis dah. Mengenai tindakan yang diambil oleh BPR apabila menerima rasuah, BPR akan meneliti dan menapis setiap aduan dan maklumat yang diterima. Kertas siasatan atau siasatan terbuka akan dijalankan terhadap aduan yang mempunyai asas untuk penyiasatan di bawah Akta Pencegah Rasuah. Maklumat-maklumat yang tidak berkaitan atau mengandungi kesalahan di luar BPR 1997 akan dirujuk kepada jabatan-jabatan lain seperti Polis Diraja Malaysia, Biro Pengaduan Awam atau pihak berkuasa tempatan untuk diambil tindakan.

Berhubung dengan mekanisme membanteras rasuah, dimaklumkan bahawa mekanisme terbaik untuk merealisasikan hasrat Perdana Menteri membanteras jenayah rasuah dan meningkatkan integriti anggota perkhidmatan awam adalah melalui arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri 1/1998 mengenai gerakan pemantapan keutuhan sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan Malaysia iaitu penubuhan Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan yang telah dilancarkan oleh Perdana Menteri pada 8 Januari 1998.

JKP ditubuhkan di semua jabatan kerajaan di peringkat Persekutuan, negeri dan daerah. Kerajaan mendapati mekanisme ini telah dapat meningkatkan kesedaran perkhidmatan awam mengenai kepentingan integriti, *accountability* dan ketelusan dalam

urusan pentadbiran. Di samping itu, usaha meningkatkan mutu perkhidmatan dengan memperbaiki sistem penyampaian perkhidmatan awam dan mengurangkan kerenah birokrasi akan menyumbang ke arah perkhidmatan awam yang cemerlang. Di sektor swasta pula pada tahun 2002, telah diperkenalkan rukun niaga Malaysia yang merupakan kod etika perniagaan yang berasaskan kepada nilai-nilai agama, falsafah dan budaya rakyat di negara ini. Ianya merupakan usaha Majlis Penasihat Pengguna Negara, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna untuk menyemarakkan disiplin diri atau *self regulation* dengan izin di kalangan masyarakat peniaga di negara ini.

Di samping itu, bagi memastikan sektor swasta mengamalkan tadbir urus terbaik dan turut bersama-sama memerangi rasuah, beberapa *regulatory bodies* dengan izin, seperti Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti dan Bank Negara Malaysia telah sedia wujud bagi memantau usaha-usaha berkenaan.

Yang akhir sekali, Yang Berhormat Datuk Jins Shamsudin mencadangkan supaya pendekatan secara rohani bagi membendung gejala rasuah. Sebenarnya saranan Yang Berhormat ini telah diambil kira dalam program-program pendidikan masyarakat yang dilaksanakan oleh BPR dan telah sentiasa dipertingkatkan dari masa ke semasa.

Program-program tersebut menganjurkan amalan nilai murni dan etika yang berlandaskan ajaran agama bagi mengelakkan mereka terlibat dengan jenayah rasuah. Di samping itu, BPR turut menjemput dan menggunakan individu-individu yang merupakan *key communicator* dengan izin untuk menghebah dan menyampaikan mesej anti rasuah mengikut agama masing-masing dengan lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada isu-isu tambahan yang diberi kepada saya, saya akan sampaikan secara bertulis kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya rasa itulah sahaja perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan dijawab oleh Jabatan Perdana Menteri .....

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** .....yang sempat saya menjawab dan mana-mana perkara yang tidak sempat dijawab, insya-Allah perkara tersebut saya

akan sampaikan dengan jawapan yang bertulis. Sebelum saya akhir, minta Yang Berhormat Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Terima kasih. Izinkan saya Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Saya amat tertarik dengan laporan Yang Berhormat Datuk Seri mengatakan pihak BPR telah menjalankan tugas mereka dengan baik. Saya ucapkan syabas dan tahniah. Tetapi sebaliknya saya terkilan. Saya terkilan di dalam ucapan bahas Yang Berhormat Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff yang tidak berhenti-beberapa kali mengatakan seorang BPR yang telah melaporkan kepada beliau tentang kes Datuk Seri Rafidah Aziz sedangkan hari ini kita tahu kes Datuk Seri Rafidah adalah fitnah. Tetapi untuk menaikkan imej BPR supaya tidak kata pepatah, “dek kerana nila setitik, rosak susu sebelanga”, bolehkah Yang Berhormat Puan Siti Zailah memberitahu Dewan yang mulia ini, siapakah pengarah BPR yang memberitahu laporan yang tidak benar itu atau adakah ini fitnah juga? Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat tidak apalah sebab *floor* ini *floor* saya, ini bukan *floor* Puan Siti Zailah. Namun, saya ingin mengatakan iaitu bahawa di sini tidak ada berlaku apa-apa kesalahan.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat kerana akur kepada Peraturan Mesyuarat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ia tidak melakukan apa-apa kesalahan kerana dia menjawab pertanyaan saya, sebab saya dalam soal BPR ini, saya hendak jawab dengan tepat. Kalau dia main rambang sahaja iaitu bahawa menteri rasuah, jadi sukar untuk saya menjawab di Dewan ini. Sebab itu saya minta kepada dia, menteri mana? Dia cuma jawab respons kepada saya. Saya ingat saya berhaklah untuk menyatakan bahawa tidak perlulah dia untuk minta maaf. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. [*Tepuk*] Orang lain jawab, tidak ada tepukan pun.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul Menjunjung Kasih Atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong oleh Yang Berhormat Dato' Hamzah bin Zainudin itu, hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui

Disetujui,

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatunya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Kedua Parlimen Kesebelas”.

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG KAWALAN PERTUKARAN**

#### **WANG (PINDAAN) 2005**

##### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**3.17 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk membentangkan Rang Undang-undang Kawalan Pertukaran Wang (Pindaan) 2005. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, dasar kawalan pertukaran asing di Malaysia adalah bertujuan memantau kehadiran pembayaran dan penerimaan dana serta menggalakkan penggunaan sumber kewangan negara untuk tujuan-tujuan yang akan membawa manfaat kepada Malaysia. Bagi memastikan Bank Negara Malaysia dapat melaksanakan tugas pengawalseliaan dasar kawalan pertukaran asing di negara ini dengan lebih berkesan, pindaan-pindaan

ke atas Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 (Akta 17) perlu dibuat bagi tujuan-tujuan berikut.

- (i) untuk mengukuhkan peruntukan-peruntukan mengenai penguatkuasaan dan penyiasatan;
- (ii) untuk mencegah ketidakpatuhan terhadap akta ini dengan meningkatkan amaun kompaun bagi kesalahan-kesalahan di bawah akta ini seta meningkatkan hukuman bagi kesalahan di bawah peruntukan yang berkaitan dengan aktiviti perniagaan mata wang asing haram dan
- (iii) untuk memantau dengan lebih berkesan pengaliran dana luar jangkaan ataupun *contingent flow* dari Malaysia dengan memasukkan peruntukan baru mengenai *guarantee*.

Sehubungan dengan itu, Rang Undang-undang Kawalan Pertukaran Wang (Pindaan) 2005 adalah digubal bagi membolehkan Bank Negara Malaysia mencapai tujuan-tujuan yang disebutkan tadi.

Pada asasnya, pindaan undang-undang ini akan meluaskan bidang kuasa akta bagi merangkumi kesalahan mengenai pengiklanan aktiviti-aktiviti perniagaan mata wang asing haram dan pengawalseliaan *guarantee*.. Sebagaimana yang diketahui, kini aktiviti perniagaan mata wang asing haram semakin bertambah dan mengakibatkan ramai orang awam yang terpedaya dengan aktiviti sedemikian kehilangan wang mereka. Aktiviti ini juga bukan aktiviti yang bermanfaat kepada ekonomi negara. Salah satu langkah pencegahan yang diambil oleh Bank Negara Malaysia adalah dengan menghalang aktiviti pengiklanan, aktiviti-aktiviti haram tersebut serta meningkatkan hukuman bagi peruntukan yang berkaitan dengan aktiviti tersebut. Peruntukan *guarantee* pula dimasukkan bagi mengawal pengaliran dana luar jangkaan dari Malaysia.

Ini boleh membantu Bank Negara Malaysia membuat pengiraan jangkaan pengaliran dana luar jangkaan dengan lebih berkesan. Tindakan segera perlu diambil melalui pindaan undang-undang ini untuk mengemaskinikan beberapa peruntukan asal akta ini bagi meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan undang-undang. Dalam hal

ini, saya memohon keizinan Tuan Yang di-Pertua untuk membentangkan Rang Undang-undang Kawalan Pertukaran Wang (Pindaan) 2005.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mengandungi lima fasal untuk membolehkan penguatkuasaan undang-undang yang dicadangkan terutamanya berkaitan kesalahan pengendalian atau penyertaan dalam aktiviti-aktiviti perniagaan mata wang asing secara haram di Malaysia agar ianya dapat dikawal selia dengan lebih berkesan. Secara terperinci, fasal-fasal yang dicadangkan di dalam Rang undang-undang Akta Kawalan Pertukaran Wang (Pindaan) 2005 adalah seperti berikut:-

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh kuat kuasa akta yang dicadangkan.

- (a) Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 4(1) Akta bagi melarang seseorang di dalam Malaysia daripada melakukan apa-apa perbuatan persediaan untuk membeli, meminjam, menjual atau memberi pinjaman apa-apa emas atau mata wang asing kecuali dengan kebenaran pengawal pertukaran wang asing mengawal atau jika dia merupakan seorang peniaga yang diberi kuasa. Berikutan daripada pindaan kepada seksyen 4(1) Akta 17, pindaan berbangkit juga dibuat ke atas seksyen 4(3) Akta 17.

Ini adalah untuk mencegah aktiviti-aktiviti perniagaan mata wang asing haram yang memperdayakan orang awam.

- (b) Fasal 3 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 4A dalam Akta 17 bagi melarang seseorang daripada mengiklankan aktiviti pembelian, peminjaman, penjualan atau pemberian pinjaman apa-apa emas atau mata wang asing kecuali dengan kebenaran pengawal atau jika dia merupakan seorang peniaga mata wang yang diberi kuasa.

Peruntukan ini juga bertujuan untuk mencegah aktiviti perniagaan mata wang asing haram dan sebagai langkah untuk melindungi orang awam daripada dipengaruhi untuk menyertai aktiviti sedemikian.

- (c) Fasal 4 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 10A dalam Akta 17 bagi mengawal pemberian atau pemerolehan gerenti. Dengan pengenalan seksyen baru ini, Bank Negara Malaysia boleh mengurus bayaran luar jangkaan dari Malaysia dengan lebih berkesan. Ia juga dapat mengurangkan kemungkinan gerenti digunakan untuk aktiviti-aktiviti pengubahan wang haram.
- (d) Fasal 5 bertujuan untuk mengukuhkan peruntukan penguatkuasaan yang sedia ada dengan membuat pindaan ke atas Jadual Kelima Akta 17 seperti berikut:-
  - (i) meminda subperenggan 1(3) dengan memasukkan perkataan *for the purpose of any pending proceedings* di akhir subperenggan tersebut. Pindaan ini bertujuan untuk membolehkan pegawai penyiasat mendapatkan maklumat atau dokumen yang berkaitan dengan suatu kesalahan di bawah Akta 17 daripada peguam dalam proses penyiasatan. Dengan pindaan ini, peruntukan mengenai komunikasi terlindung yang dahulunya mutlak akan hanya terpakai sekiranya terdapat prosiding yang masih berterusan.
  - (ii) meminda subperenggan 2(1) untuk membolehkan seseorang majistret mengeluarkan waran geledah kepada pegawai Bank Negara Malaysia yang dilantik di bawah seksyen 3(2) Akta 17. Pada masa ini, waran geledah hanya boleh dikeluarkan kepada pegawai polis.

Dengan membolehkan waran geledah dikeluarkan kepada pegawai Bank Negara Malaysia, tempoh penyiasatan dapat dipercepatkan dan kemungkinan pendedahan maklumat mengenai penyiasatan tersebut dapat dikurangkan.

- (iii) meminda subperenggan 3(1) untuk menaikkan tempoh pemegangan apa-apa barang yang disita di bawah Akta 17 daripada tiga bulan kepada 12 bulan.

Tempoh pegangan atau simpanan apa-apa barang yang disita ini perlu dinaikkan kerana tempoh tiga bulan adalah terlalu singkat untuk menyelesaikan sesuatu penyiasatan.

- (iv) meminda perenggan 7 dengan memasukkan subperenggan baru (2A) untuk memperuntukkan penalti berasingan bagi kesalahan yang dilakukan di bawah seksyen 4(1) atau (2) Akta 17.

Jika disabitkan, kesalahan di bawah subseksyen 4(1) atau (2) Akta 17 boleh membawa hukuman denda tidak melebihi RM1 juta atau penjara bagi tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali. Sebagai tambahan, mahkamah boleh membuat perintah bagi perlucuthakan apa-apa mata wang, emas atau harta yang terlibat dengan perlakuan kesalahan tersebut.

Hukuman bagi kesalahan di bawah seksyen 4(1) dan (2) dinaikkan berbanding kesalahan lain untuk tujuan mencegah aktiviti mata wang asing secara haram yang biasanya melibatkan sejumlah wang yang besar dikutip dari orang awam.

- (v) meminda subperenggan 8(1) untuk menaikkan amaun kompaun bagi kesalahan yang boleh dihukum di bawah Bahagian 11 atau menurut kuasa Bahagian III Jadual Kelima kepada Akta 17 daripada RM1,000 kepada suatu amaun yang tidak melebihi 50% daripada denda maksimum bagi kesalahan yang dilakukan.

Hukuman kompaun yang dinaikkan ini bertujuan untuk mencegah ketidakpatuhan terhadap Akta 17.

- (vi) meminda perenggan 10 untuk menggantikan perkataan “Peguam Negara atau Pengawal” dengan perkataan “Pendakwa Raya” supaya perenggan tersebut selaras dengan peruntukan Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Akta Kawalan Pertukaran Wang ataupun *Foreign Exchange Control Act* ini belum dipinda sejak tahun 1953 ya?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** [*Mengangguk*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Dan ianya dipinda supaya sesuai dengan keadaan semasa dan supaya selaras dengan kehendak Perlembagaan negara. Yang Berhormat.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah Rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Kawalan Pertukaran Wang (Pindaan) 1953 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Tuan Lee Sing Chooi.

**3.27 ptg.**

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya berbahas suatu akta meminda Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953. Dalam seksyen 4 subseksyen 1 untuk melarang seseorang mengurus *business* jual beli, meminjam mata wang asing kecuali dengan kebenaran dan juga mempunyai lesen.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perniagaan wang haram, nampaknya peniaga-peniaga yang tidak berlesen itu mempunyai daya saing yang begitu hebat sehinggakan orang ramai tertarik tanpa mengira risikonya dan terus berkunjung ke tempat itu dan membuat perniagaan yang sebegitu walaupun perniagaan itu adalah haram.

Saya ingin bertanya, apakah faktor-faktor yang menarik orang ramai pergi berurusan dengan peniaga-peniaga haram itu. Apakah kelebihan daya saing peniaga-peniaga haram itu? Macam manakah perniagaan-peniagaan berlesen itu dapat

mengambil kira faktor-faktor itu dan juga menganalisis faktor itu supaya perkhidmatan perniagaan yang berlesen itu boleh meningkat dan dapat bersaing.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga mendengar sesetengah *money changer* atau pengurup wang juga telah melakukan aktiviti yang keluar daripada apa yang sepatutnya mereka buat dan syarat-syarat yang ditetapkan untuk *money changer*. Sesetengah pengurup wang itu menjadi institusi pertukaran wang antarabangsa yang mana di sini mereka bayar duit, di sana mereka bagi duit kepada luar negara. Nampaknya bukan sahaja peniaga-peniaga haram yang dapat menjalankan urusan haram tetapi juga peniaga-peniaga yang berlesen juga menjalankan aktiviti yang haram itu. Nampaknya *business* ini sangat lumayan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak sentuh seksyen baru iaitu seksyen 10A dalam pemindaan Akta ini. Seksyen 10A yang memperuntukkan gerenti bagi mengawal pengaliran dana luar jangka dari Malaysia.

Dengan pengalaman selama ini apakah contoh-contoh pengaliran dana luar jangkaan, bolehkah kementerian bagi contoh-contoh ini dan juga sebelum pemindaan akta ini. Adakah kementerian membiarkan sahaja apa-apa pengaliran itu dilakukan atau kementerian juga mengambil langkah-langkah menguruskan dalam pencegahan aktiviti haram ini? Mungkin langkah-langkah pencegahan tidak begitu berkesan sebab itu terpaksa dipinda akta ini. Dalam jangkaan kementerian berapakah amaun pada tahun 2003 dan 2004 pengaliran dana luar jangkaan dari Malaysia. Adakah besar atau kecil amaunnya.

Satu lagi pindaan yang hendak saya bahas iaitu di jadual ke-5, bahagian 1 di subperenggan 3, menaikkan tempoh pemegangan barangan yang disita itu di Akta 17 daripada 3 bulan sampai 12 bulan. Baru-baru ini kita dengar kehilangan barangan yang disita telah berlaku dan tidak dapat dikemukakan di mahkamah dan sekarang ini telah melanjutkan pemegangan barangan yang disita itu. Apakah prosedur yang patut diperketatkan lagi dengan pemindaan akta ini supaya barang-barangan yang disita itu disimpan dengan baik supaya tidak hilang.

Tuan Yang di-Pertua, setelah krisis ekonomi yang berlaku pada tahun 1997 kerajaan telah ambil beberapa langkah untuk menangani krisis tersebut. Salah satu ialah tambatan wang ringgit dengan dolar Amerika. Baru-baru ini kedengaran bahawa

renminbi, duit negeri China mungkin dinilai semula dan kadar tambatan *renminbi* mungkin diubah. Apakah kesan perubahan tambatan *renminbi* itu kepada tambatan kita dan dolar Amerika. Apakah persediaan kerajaan kita untuk bertindak supaya kepentingan negara ini dapat dipertahankan.

Satu lagi, tindakan yang diambil semasa krisis itu adalah memberhentikan jual beli wang ringgit di negara asing. Saya hendak bertanya kepada kementerian apakah larangan jual beli wang ringgit di negara asing adalah satu sebab bawah transaksi pertukaran wang asing dengan wang ringgit Malaysia yang haram itu berlaku kerana kita telah memberhentikan transaksi itu. Maka berlakulah aktiviti jual beli yang haram.

**Tuan Ismail bin kasim:** Minta laluan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Ya.

**Tuan Ismail bin Kasim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat sahabat saya. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat dan mungkin pihak kerajaan juga. Adakah pindaan Kawalan Pertukaran Wang 2005 ini turut melibatkan kawalan ke atas aktiviti pengubahan wang haram termasuklah pembiayaan terhadap aktiviti keganasan dan termasuk inisiatif seperti penilaian bersama dan bantuan teknikal. Apa pandangan Yang Berhormat berhubung dengan perkara ini?

**Tuan Lee Sing Chooi:** Pada pandangan saya wang ringgit yang berkenaan dengan keganasan itu tidak ada satu akta. Mungkin tertakluk kepada kementerian untuk menjawab. Tentang keganasan kita sudah ada satu akta untuk mengawalinya.

Tuan Yang di-Pertua, dan adakah kerana pemberhentian transaksi wang ringgit di negara asing itu menyebabkan aktiviti pertukaran wang ringgit yang haram itu berlaku. Semasa tambatan ringgit bolehkah dikekalkan RM3.80 sen bagi USD1. Kalau kita kekalkan itu bolehkah kementerian pertimbangkan kelonggaran atas jual beli ringgit di negara asing. Kita serupa RM3.80 sen dengan *renminbi* tetapi ia boleh jual di pasaran antarabangsa. Bolehkah kita buat macam itu? Dengan kelonggaran ini maka wang ringgit boleh dibawa oleh rakyat Malaysia ke negara asing untuk ditukar di sana untuk digunakan tidak perlu menukar di Malaysia bagi menyenangkan rakyat. Ini juga memberi peluang kepada kerajaan mengumpul pengalaman yang mana kita telah berhenti dahulu. Pengalaman macam mana? Pengalaman menguruskan jual beli di

pasaran antarabangsa yang mana telah memberhentikan aktiviti itu pada tahun 90-an. Sekarang kita tidak tahu bagaimana keadaan jual beli antarabangsa dilakukan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat izinkan saya mengganggu. Pada satu ketika akta berkenaan kerana keadaan krisis ekonomi terbukti tidak mampu di bawah peruntukan-peruntukannya mengawal dan mengelakkan satu keadaan yang darurat maka kerajaan perkenalkan pertama ringgit *pegging*, kedua mengharamkan perniagaan ringgit di luar pesisir dan ketiga *dimoneytise* nota-nota 1000 ringgit dan 500 ringgit. Ini tiga langkah. Pada ketika itu tidak timbul perniagaan ringgit di luar pesisir dan kini sudah wujud balik pasaran hitam ringgit di luar negara. Apakah persoalan atau isu yang hendak ditimbulkan oleh Yang Berhormat?

**Tuan Lee Sing Chooi:** Tuan Yang di-Pertua, masalah krisis itu langkah-langkah yang diambil adalah tepat dan saya menyokong fasal pada masa itu dalam suasana krisis. Dalam suasana krisis kita kena mengambil langkah supaya kita boleh menguruskan ekonomi dan juga fiskal negara kita. Sekarang situasi sudah berubah. Kita sudah hendak sambung memasukkan arus antarabangsa dalam menguruskan pertukaran wang ringgit ini. Kebanyakan negara di dunia ini kadar wang ringgit boleh ditukar mengikut permintaan dan juga boleh didagangkan dijual beli. Sekarang ini kedua-dua itu kita tidak boleh kerana kita sudah tidak ada pengalaman untuk menguruskannya. Kita boleh secara beransur-ansur dengan setiap tambatan dikekalkan. Yang itu kita longgarkan supaya kita dapat pengalaman macam mana hendak berjual beli di pasaran antarabangsa. Ini akan menolong .....

**Dato' Omar bin Faudzar:** Yang Berhormat, minta laluan. Saya hendak tanya Yang Berhormat adakah perkara ini berlaku disebabkan tambatan ringgit Malaysia. Sekiranya ini berlaku bermakna terlalu banyak wang haram yang ada di luar negara. Apakah pandangan Yang Berhormat?

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih, saya ingat tambatan itu, okey, yang jual beli, pasal tidak boleh jual beli, dia jual beli dengan - dia tidak boleh beli dengan yang halal, dia menjalankan aktiviti yang haram, masa itu sudah ada sekatan di situ. Saya di sini juga menyeru kerajaan timbangkanlah, kalau hendak dapat itu dapat, tengoklah macam mana menteri itu dia hendak ubah atau tidak dalam situasi tetapi kelonggaran

jual beli itu boleh dilonggarkan. Inilah pandangan saya, dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya juga mohon menyokong akta-akta pindaan ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya hampir panggil Dato' Sujak tadi. *[Ketawa]* Yang Berhormat Dato' Ikhwan Salim.

**3.43 ptg.**

**Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Akta Kawalan Pertukaran Wang. Saya juga tertarik dengan apa yang Tuan Yang di-Pertua cakap tadi bahawa rang undang-undang ini tidak diubah sejak tahun 1953. Secara amnya, Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya kadar nilai wang sesebuah negara itu adalah manifestasi kekuatan ekonomi negara itu. Jadi, apa yang saya hendak cuba sampaikan pandangan saya dan juga untuk komen daripada kerajaan kita sebagai sebuah negara yang berjaya, Alhamdulillah, tetapi dari segi ekonomi memanglah kecil kalau dibandingkan dengan ekonomi-ekonomi negara-negara gergasi seperti Amerika Syarikat.

Oleh kerana itulah kita diserbu oleh penyangak seperti George Soros semasa itu dan langkah-langkah seperti yang diperkatakan tadi oleh Tuan Yang di-Pertua telah pun diperkenalkan untuk mengurangkan peluang spekulasi dalam pertukaran wang ini. Jadi, apa yang saya nampak sekarang ini mungkin kerana berita-berita angin yang menyatakan tambatan ini mungkin satu hari nanti akan diberhentikan atau diubah kerana dengan kekuatan ekonomi kita sudah ada berita-berita menyatakan mungkin RM3.20 mungkin RM3.50 dan sebagainya.

Jadi, saya hendak bagi satu contoh, kalau kita tengok seseorang itu atau sesebuah syarikat itu boleh meminjam atau membawa masuk secara haram atau tidak duit sejuta Amerika Syarikat yang kalau dibawa masuk ke dalam negara kita ini berjumlah RM3.8 juta dan katalah di depositkan di dalam bank ataupun atas alasan untuk disimpan sementara kerana untuk melabur dan sebagainya, menunggu kalau di dalam bank mungkin ada negara-negara di mana kadarnya masih lebih rendah untuk pinjaman dari kita boleh untung sedikit tetapi pula kalau dengan spekulasi mungkin, kalau tambatan ini diubah, katalah ke RM3.20 dengan tidak buat apa-apa, dia bawa balik, keluar balik ke luar negara sudah berjumlah pun RM1.19 juta Amerika Syarikat.

Ini akan menjadi satu bayaran luar jangkaan kepada kita dan bayangkan kalau ini lah pandangan-pandangan ramai ataupun perbuatan ramai syarikat atau individu yang tidak bertanggungjawab, yang mungkin boleh menyebut kepada saya *cash flow*, dengan izin, negara kita. Jadi, apa yang saya nampak memang tepat sekali kalau kita memperketatkan lagi akta kita ini supaya hanya broker-broker yang berlesen sahaja, supaya lain dapat kita memantau dengan lebih tepat duit keluar masuk dari segi duit ringgit berbanding dengan negara-negara lain. Dan juga, apa yang diperkatakan tadi oleh Ahli Yang Berhormat, memang betul kalau kata tidak boleh dijual beli luar pesisir tetapi sekarang ini saya rasa di luar-luar negara sudah boleh pula, ada yang boleh secara haram menerima ringgit dan sebagainya dan sudah tentulah mungkin ini berlaku antara lain kerana spekulasi-spekulasi mata wang.

Saya merasakan antara lain kita tidak boleh lari daripada penyangak-penyangak, Tuan Yang di-Pertua, hanya apa yang kita boleh buat kita terpaksa ketatkan supaya pemantauan kita itu lebih ketat dan dapat kita sekurang-kurangnya mendapat lebih jelas keluar masuknya duit ke negara kita. Hanya apa yang saya hendak kaitkan sedikit selain daripada ini, contoh ini adalah masalah mungkin *transfer pricing* ada kaitannya saya rasa yang mungkin berlaku untuk cara satu cara untuk mengeluarkan wang dari negara. Saya ingin bertanya pandangan kerajaan apakah perkara-perkara, langkah-langkah yang diambil untuk menentukan perkara ini dapatlah sekurang-kurangnya dikawal dengan baik.

Saya setakat itu sahaja sebenarnya hendak bercakapkan tentang contoh tadi kerana ramai juga yang berjumpa dengan saya bertanyakan hal ini kerana bimbang dengan keadaan kalau-kalaulah dengan pergerakan penambatan ini berubah mungkin kita akan membabitkan ekonomi negara kita. Jadi, dengan kata-kata itu saya ingin juga mohon menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Datuk hendak bangun atau?

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** Ya, boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, Yang Berhormat.

**3.36 ptg.**

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya juga ruang untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Akta Kawalan Pertukaran Wang Asing 1953 Pindaan 2005. Pertama, izinkan saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian Kewangan kerana dapat mengemukakan rang undang-undang seperti mana yang telah disebutkan oleh Tuan Yang di-Pertua bahawa akta ini belum dipinda sejak tahun 1953 lagi, bermakna tujuan pertama ianya dipinda.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Mungkin akta ini lebih tua daripada Yang Berhormat, ya atau tidak?

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** *[Ketawa]* Mungkin saya lebih tua lagi. Seperti mana yang saya sebutkan tadi dan apa yang telah dikemukakan oleh Tuan Yang di-Pertua mengingatkan kepada Dewan yang mulia ini bahawasanya pindaan tidak dibuat sejak tahun 1953 lagi. Jadi, bermakna hari ini pindaan ini dibentangkan dan dikemukakan kepada kita satu pindaan supaya ianya relevan dan selaras dengan Perlembagaan Persekutuan kita. Secara umumnya, ketika negara mengalami kemelesetan ekonomi pada tahun 1997, yang lalu pertumbuhan keluaran dalam negara kasar ataupun KDNK masih kekal tinggi pada tahap 7.5 peratus kerana masalah yang berlaku hanyalah terhad kepada separuh penggal kedua tahun berkenaan sahaja.

Kini, Malaysia telah berjaya pulih dengan sepenuhnya dan lebih memberangsangkan lagi ianya pulih dengan cepat dan kukuh dan langkah untuk melaksanakan kawalan tukaran asing yang berpilih sedikit sebanyak mampu menyelamatkan ekonomi negara pada ketika itu dan sesungguhnya kejayaan Malaysia mengatasi kegawatan ekonomi tersebut telah membuka mata para pakar ekonomi dunia sekali gus meletakkan Malaysia setaraf dengan negara-negara yang lain. Sehubungan dengan itu, setiap pembaharuan yang diterapkan di dalam akta ini mempunyai nilai-nilai tersendiri dan memerlukan pertimbangan yang sewajarnya daripada kita semua.

Saya juga ingin bertanyakan apabila Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua menyebut tadi, kita sekarang sedar bahawa wang Malaysia dipeg dengan wang Amerika dalam tahun 3.8. Dan peniaga-peniaga sekarang ini begitu selesa, kalau dahulu mereka

risau hendak masukkan barangan ataupun hendak menempah barang dari luar negara khususnya daripada Amerika, kalau wang ini tidak dipeg, mereka tidak tahu dan mereka tidak akan dapat menetapkan harga nilai kontrak ataupun jumlah yang akan dikenakan kepada mereka yang berminat kepada produk mereka. Tetapi hari ini kita nampak begitu selesa, maknanya mereka tahu bahawasanya jumlah yang dipohon sekian, maka darab sahaja dengan 3.8, mereka akan tentukan jumlah kontrak. Dan keselesaan ini seolah-olah terapung dan kita takut kalau-kalau bila masanya peg ini dibuka, mungkin dia juga akan membuat satu situasi yang mungkin tidak begitu tenang. Walau bagaimanapun dalam keadaan sekarang, saya juga sependapat dengan Tuan Yang di-Pertua, bahawasanya dalam keadaan wang kita tidak dapat diniagakan di luar negara ataupun di luar persisiran.

Kita nampak bahawasanya wang Malaysia terutamanya di negara jiran mudah dapat kita buat pertukaran. Baru-baru ini saya ke Jakarta dan pada ketika itu, saya risau mungkin saya tidak dapat tukar wang Malaysia, tetapi secara kebetulan ada pula cara untuk menukarnya. Jadi, saya rasa di negara-negara persempadanan dengan negara kita, memanglah pertukaran wang secara haram ini berlaku. Jadi saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian, adakah dengan Akta Kawalan Pertukaran Wang tahun 1953 Pindaan 2005 ini, mampu untuk mengawal berlakunya pertukaran secara haram wang Malaysia di luar negara khususnya di persisiran.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pindaan yang terlibat dalam akta ini, saya juga ingin membincangkan tentang perkara fasal 2, Subseksyen 4(1) Akta 17 berkenaan dengan pindaan yang melarang seorang di Malaysia selain peniaga yang mendapat kebenaran daripada, kalau dahulunya Peguam Negara ataupun pengawal, sekarang ditukar kepada pendakwa raya, melakukan urusan pembelian, pinjaman, penjualan, sebarang emas ataupun mata wang, seperti yang kita semua tahu, ini syarikat tukar wang semakin bertambah dan tumbuh seperti cendawan.

Pertumbuhan syarikat-syarikat berkenaan berkait rapat dengan kemasukan wang asing di negara kita yang mana perlu menukar wang negara asal mereka dengan mata wang negara ini. Berhubung dengan ini, kegiatan tukar wang asing ini perlulah mengikut prosedur agar keluaran mata wang negara kita ke negara lain, tidak dilakukan sewenang-wenangnya. Pada pendapat saya, larangan ini ada baiknya kerana

perubahan, ia berupaya untuk menyekat pengaliran keluaran mata wang negara tanpa pengawasan pihak yang terbabit. Jadi, sekiranya ini berlaku, sudah tentu nilai mata wang negara akan jatuh dan sekali gus memberi kesan yang tidak baik kepada ekonomi negara. Justeru itu, larangan ini harus diperluaskan agar perbuatan tersebut tidak dilakukan dengan sewenang-wenangnya. Larangan tersebut juga berhubung rapat dengan perbuatan peniaga-peniaga yang tidak sah yang mengeluarkan iklan dengan tujuan mempromosikan perniagaan pinjaman, jualan dan pembelian emas dan mata wang asing.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang ingin saya sentuh ialah perkara yang ada kaitannya dengan fasal 4 yang bertujuan untuk memasukkan seksyen baru, iaitu 10A ke dalam akta 17 dengan larangan bagi pemastautin Malaysia memberi *guarantee* terhadap hutang pemastautin Malaysia yang membuat bayaran kepada seseorang yang bukan bermastautin kecuali dengan kebenaran Peguam negara. Umumnya apabila ringgit Malaysia dijual oleh seseorang pemastautin Malaysia kepada seseorang bukan pemastautin yang lain, apa yang berlaku ialah pemilik ringgit itu berpindah daripada akaun penjual kepada akaun pembeli berkenaan di bank tempatan dan bank asing. Tiada tunai yang bertukar tangan secara fizikal. Hanya nilainya sahaja yang berubah di dalam buku bank di antara kedua-duanya apabila seorang peniaga mata wang meminjam ringgit kepada perkara yang sama turut berlaku. Justeru itu, adalah perlu bagi kita mengambil tindakan sewajarnya bagi melindungi nilai mata wang negara. Tuan

Yang di-Pertua, perkara ketiga yang ingin saya sentuh ialah berkenaan dengan pengukuhan peruntukan penguatkuasaan terhadap beberapa isu yang telah ditimbulkan di dalam Rang Undang-undang ini.

Antara pindaan yang dicadangkan adalah berkaitan dengan memberi kuasa kepada Majistret untuk mengeluarkan waran geledah kepada seseorang pegawai bank Malaysia yang dilantik yang mana sebelum ini waran tersebut hanya boleh dikeluarkan kepada pegawai polis sahaja. Secara rasionalnya perkara ini memang patut diadakan kerana senario masa kini memperlihatkan begitu banyak penyelewengan berlaku di kalangan pegawai-pegawai bank. Sedangkan apa yang kita tahu golongan ini memang memegang tanggungjawab terhadap amanah yang diberikan oleh orang ramai. Sepatutnya kepercayaan dan keyakinan yang diberikan itu dipergunakan dengan

sepenuhnya dan bukan mengetepikan kejujuran dalam melaksanakan tugas yang diberikan. Justeru itu dengan adanya pertukaran tersebut, penyelesaian terhadap setiap kes yang melibatkan pegawai bank akan dapat diatasi dengan segera. Ini juga bertujuan agar pembuat pecah amanah di kalangan pegawai-pegawai bank akan dapat dihapuskan dan sekali gus menyekat perbuatan tersebut daripada berleluasa di kalangan pegawai-pegawai yang lain.

Pindaan seterusnya yang dicadangkan adalah menaikkan tempoh pemegangan barang-barang yang disita daripada 3 bulan kepada 12 bulan iaitu seperti yang terkandung dalam fasal 5 Subseksyen 3(1) di bawah Akta 17. Pada pendapat saya, kenaikan tempoh memegang barang yang disita memang sesuai dinaikkan kerana dalam tempoh berkenaan urusan penyerahan barangan yang disita dapat dilakukan dengan lebih sistematik dan lebih teratur dengan adanya senarai barang yang disita tersebut, pemilik barangan tadi dapat mengenal pasti barangan mereka dengan mudah dan cepat. Selain itu, dalam tempoh masa yang diberikan ini pemilik barang tadi dapat menuntut barangan tersebut sekurang-kurangnya sebelum kehilangan ataupun pelucutan hak keluaran oleh pihak yang terbabit. Seterusnya ialah..

**Tuan Yang di-Pertua:** Bolehkah Yang Berhormat mengakhiri ucapan sebelum saya turun pada pukul empat,

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** Ya, boleh. Sedikit sahaja lagi Yang Berhormat. Terima kasih, seterusnya pemberian kuasa kepada mahkamah untuk mengeluarkan perintah terhadap pelucutan terhadap mata wang emas ataupun harta kepada individu yang melakukan kesalahan. Sebenarnya boleh dipertimbangkan dan memerlukan idea yang bernas daripada semua ahli Dewan yang mulia ini. Pada saya cadangan ini adalah lebih baik dan memandangkan boleh diterima pakai di dalam sistem perundangan negara kita, apatah lagi apabila ia melibatkan kesalahan yang besar sehingga menjejaskan nama negara di mata dunia.

Cadangan untuk menaikkan amaun kompaun bagi kesalahan yang boleh dihukum daripada RM1000 kepada satu amaun yang tidak melebihi 50% daripada denda maksimum bagi kesalahan yang dilakukan juga, bagi saya boleh dibincangkan dan diperhalusi rasionalnya, apa yang nyata kenaikan kompaun tersebut sebenarnya

mempunyai tujuan yang baik, iaitu memberikan kesedaran kepada awam agar tidak melakukan kesalahan-kesalahan yang berkaitan.

Selain itu, akta ini juga turut mencadangkan agar menggantikan perkataan 'peguam negara' ataupun 'pengawal' kepada 'pendakwa raya' dengan tujuan penyelarasan mengikut Perlembagaan Persekutuan dan penyelarasan ini bagi saya memanglah penting kerana ia nampak lebih bersistematik dan apa yang diharapkan adalah dengan penukaran perkataan tersebut, tugas-tugas yang dilaksanakan oleh seseorang pendakwa raya yang dilantik, nampak jelas dan tersusun mengikut sistem pentadbiran Perlembagaan Persekutuan.

Daripada hemat saya setiap pindaan mahupun cadangan yang diberikan di dalam Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 pindaan 2005 ini mempunyai kepentingan kepada kita sebagai rakyat Malaysia mahupun kepada sistem pentadbiran negara, maka dengan kata-kata yang sedemikian saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingin jemput Yang Berhormat untuk menjawab dan menggulung perbahasan sambil memohon maaf ahli-ahli berbangkit soal-soal dasar lebih banyak daripada soal-soal perundangan. Walau bagaimanapun terpulanglah kepada Yang Berhormat yang mana yang hendak menjawab dalam menggulung perbahasan. Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian di dalam perbahasan rang undang-undang tadi, Yang Berhormat Lee Sing Chooi, Yang Berhormat Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak, Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae dan juga dicelah oleh Yang Berhormat Dato' Omar bin Faudzar.

Tadi memanglah banyak disentuh tentang perkara-perkara lain terkeluar sedikit daripada rang undang-undang ini tetapi bagaimanapun saya cubalah menjawab sebaik mungkin.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Lee Sing Chooi membangkitkan beberapa perkara berkenaan isu-isu yang telah pun termasuk di dalam rang undang-undang ini. Tentang peniaga-peniaga wang haram ini, bagi pelabur-pelabur haram juga pada mereka peniaga-peniaga ini adalah menarik

kerana mereka menawarkan keuntungan yang amat tinggi dan memanglah kalau pelabur-pelabur haram ini pun bersifat tamak, maka mereka termakan dengan janji-janji oleh pihak peniaga haram ini, maka mereka melabur, janji yang tinggi yang boleh mendapat kekayaan yang cepat, maka mereka melabur.

Padahal apa yang telah berlaku dan akan berlaku ialah bahawa pada peringkat awal sahaja mendapat keuntungan yang lebih, akhirnya peniaga ini akan mengatakan ini tidak untung, maka mereka akan minta lagi tambahan pelaburan, tambah, kemudian minta tambah lagi akhirnya yang rugi ialah pelabur itu sendiri, ini telah pun berlaku. Kita berharap mereka-mereka yang terlibat dengan pelaburan haram ini patut mengambil iktibar dalam perkara ini, jangan bila ada perasaan tamak dia cuba mendapatkan keuntungan yang segera, maka itu akan berlaku akhirnya mereka mendapat kerugian.

Tentang pengurup wang Tuan Yang di-Pertua, memang ini berlaku, *in returns* makna penghantaran balik wang daripada pekerja-pekerja asing yang terdapat di Malaysia sama ada di Indonesia, di Nepal, di India mana-mana pun mereka lebih suka kepada pengurup wang, bayar kepada pengurup wang dan dalam masa satu jam keluarga mereka di negeri-negeri masing-masing mendapat wang itu. Ini risikonya tinggi dan kemungkinan sebab dia tidak ada *guaranty* mendapat wang itu kemungkinan kalau pengurup wang ini tidak lurus, maka kemungkinan wang yang dihantar tadi akan hilang.

Sebenarnya memang kerajaan telah pun melantik beberapa bank komersial untuk menguruskan penghantaran wang ini tetapi mereka lebih suka kepada pengurup wang kerana lebih cepat, kalau melalui proses bank biasa memang lambat - melalui BSN, Pejabat Pos dan bank-bank lain memang lambat untuk mendapatkan wang di negeri masing-masing sebab itu pengurup wang masih menjadi tumpuan oleh pekerja-pekerja asing yang hendak hantar balik wang ke negara masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, tentang *guaranty* yang telah pun dimasukkan dalam rang undang-undang ini, Yang Berhormat Lee Sing Chooi bertanya apakah contoh dana luar jangka. Tuan Yang di-Pertua, di bawah pengawal masih boleh mengawal *guaranty* dengan mengawal pembayaran bawah *guaranty*. Satu prosedur telah diadakan untuk *guaranty* perlu didaftar dengan Bank Negara.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah keluar untuk *guaranty* tidak membimbangkan, saya tidak ada angka yang tepat tetapi tidak membimbangkan kalau ikut apa yang diberi pada

saya. Walau bagaimanapun kedudukan tentang *guaranty* ini akan digunakan dengan berhemat dan berwaspada supaya *guaranty* bagi transaksi-transaksi komersial dan perniagaan yang sah tidak akan terjejas. Oleh yang demikian pengawal diberi kuasa untuk memberi kebenaran khusus bagi apa-apa transaksi yang sah dan dengan *guaranty*.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Lee Sing Chooi juga bertanya adakah pindaan ini berkaitan dengan pengubahan wang haram, yang ini yang telah saya jawab tadi. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dibuat ini tidak berkaitan dengan pengubahan wang haram atau aktiviti pembiayaan penganas kerana perkara tersebut terletak di bawah akta lain iaitu Akta Pengubahan Wang Haram 2001. Walau bagaimanapun salah satu objektif memasukkan peruntukan *guaranty* di bawah pindaan ini adalah untuk mencegah *guaranty* yang berkaitan dengan aktiviti tidak sah atau pembayaran *guaranty* yang bertujuan yang haram.

Tuan Yang di-Pertua satu lagi perkara berkenaan dengan tindakan ke atas pengurup wang yang menjalankan aktiviti penghantaran wang keluar negara, ini kalau ikut peraturan mestilah mendapatkan bukti penghantar dan bukti menerima di sebelah sana, maknanya kalau dihantar di sini mungkin mudah mendapatkan bukti tetapi hendak dapatkan bukti di sebelah sana menjadikan bukti untuk di caj di mahkamah ini agak sulit. Oleh sebab itu setakat ini belum ada lagi pengurup wang yang dikenakan tindakan mahkamah, belum ada lagilah, saya harap mungkin ada pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, jawapan datang tidak mengikut aturan, jadi saya pun jawab tidak ikut aturan juga.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Asalkan soalan itu dijawab.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae tentang isu mudah mendapat pertukaran wang di negara asing, adakah dengan akta mampu untuk mengawal pertukaran secara haram di negara jiran. Ini tentang wang kata beliau pernah, saya pun juga mengalami yang sama di negara jiran boleh tukar duit Ringgit Malaysia dengan duit negara yang berjiran.

Di bawah akta hanya bank-bank komersial dibenarkan untuk berniaga dalam mata wang asing di Malaysia. Buat masa ini di bawah akta sedia ada seseorang

hanyalah boleh membawa sehingga RM1000 keluar secara tunai dan bagi seorang pemastautin dan juga bukan bermastautin.

Tuan Yang di-Pertua, tentang krisis tambatan mata wang renminbi negara China, adakah ada kena mengena dengan tambatan Ringgit Malaysia ini, sebenarnya renminbi di negeri China memang pada satu peringkat bercadang untuk menilaikan semula renminbi mereka, itu pun di atas tekanan pihak asing, pihak lain tetapi bagi Malaysia seperti yang telah kita dengar pengumuman daripada kerajaan memang setakat ini kita tidak ada bercadang untuk menilaikan semula wang ringgit kita kerana keadaan sekarang wang ringgit kita yang dipeg dengan *US Dollar* pada kadar RM3.80 adalah sebenarnya memberi manfaat yang banyak kepada negara kita.

Sejak tahun 1998 dahulu sehingga sekarang negara kita telah maju dan kita tidak tertekan dengan pelbagai pengganas kewangan, hari ini keadaan kewangan kita adalah stabil dan rezeki perniagaan pun Tuan Yang di-Pertua, peniaga-peniaga yang datang ke Malaysia mereka boleh merancang kewangan mereka dengan baik kerana tidak akan berlaku perubahan nilai. Jadi mereka boleh rancang sama ada setahun, lima tahun, sepuluh tahun sebenarnya mereka boleh rancang kerana ini mereka tidak akan terlibat dengan pertukaran nilai, maka dari segi kewangan mereka tidak akan mengalami apa-apa kerugian oleh kerana pertukaran nilai mata wang kita. Oleh sebab itu pihak kerajaan tidak bercadang untuk hendak merubah setakat ini nilai tukaran kita dengan *US Dollar* atau mana-mana mata wang.

Tuan Yang di-Pertua, memang pernah tadi disebut bahawa akta ini tidak pernah ditukar dan tidak pernah diubah sejak tahun 1953. Memanglah ia adalah satu-satunya akta dan sudah sampai masanya sekarang perlu diubah maka sebab itulah kita datang ke Dewan ini untuk dipinda dan memberi kuasa kepada Bank Negara untuk mengambil langkah dalam sistem-sistem pentadbiran supaya mempertingkatkan lagi dan memperkemaskan lagi urusan kewangan negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, Datuk Dayang Mahani rata-rata memberi sokongan penuh kepada pindaan Rang Undang-Undang ini dan saya berterima kasih kepada beliau kerana telah pun memberi sokongan yang tinggi kepada perubahan akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang telah dibangkitkan tentang rasional meningkatkan tempoh simpanan barang rampasan ialah kerana tempoh yang sedia ada

adalah terlalu singkat dan bagi menyelesaikan siasatan. Tambahan pula siasatan kesalahan itu di bawah akta ini adalah kompleks dan memerlukan kuasa yang lebih panjang untuk melengkapkan penyiasatan Bank Negara terhadap kes serta tersebut. Bank Negara Malaysia memang mempunyai prosedur tertentu untuk memastikan sebarang bukti disimpan di tempat yang selamat dan tidak tercemar. Selepas penyiasatan, barang-barang yang disita akan dipulangkan kalau tidak ada kesalahan dan kalau didakwa dan dia akan menjadi bahan bukti di mahkamah Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingat itu sahaja Tuan Yang di-Pertua yang telah dibangkitkan oleh ahli-ahli Yang Berhormat dan saya mengucapkan sekali lagi dan terima kasih kepada semua yang telah mengambil bahagian dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah pun memberi ruang kepada saya untuk membawa Rang Undang-Undang ini, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat di atas jawapan yang telah diberikan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagai diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-Undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal-fasal 1 hingga 5** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang .

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG KESALAHAN-KESALAHAN  
PENERBANGAN (PINDAAN) 2005**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**4.16 ptg.**

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu akta untuk meminda Akta Kesalahan-Kesalahan Penerbangan 1984 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Kesalahan-Kesalahan Penerbangan 1984, perlu dipinda bagi maksud menyesuaikan bagi keadaan dan perkembangan ini berlaku pada masa sekarang, Akta 307 mula berkuat kuasa pada 3 Jun 1985. Cadangan untuk meminda Akta 307 adalah untuk membolehkan Malaysia menyertai Protocol For The Suspension Of Unlawful Act Of Violence And Airport Serving International Aviation, Supplementary To The Convention For The Suppression Of Unlawful Act Against The Safety Of Civil Aviation dengan Izin atau ringkasnya Montreal Protocol 1988, yang merupakan satu protokol penting untuk menangani masalah dan bahaya keganasan terhadap penerbangan serta lapangan terbang.

Selepas insiden 11 September 2001 di New York Amerika Syarikat serta beberapa kejadian keganasan seterusnya, keselamatan penerbangan awam menjadi satu isu yang diberi keutamaan di seluruh dunia. Di samping mengambil langkah-langkah baru untuk mempertingkatkan tahap keselamatan penerbangan dan lapangan terbang dalam aspek peralatan dan sistem, peraturan keselamatan baru yang menerapkan unsur-unsur pencegahan dalam perundangan, konvensyen dan protokol antarabangsa telah dipertingkatkan di seluruh dunia.

Selaras dengan piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah menggubal beberapa langkah untuk membanteras dan mencegah keganasan di peringkat nasional dan antarabangsa. Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah meluluskan satu resolusi yang dikenali sebagai resolusi 137 yang mengehendaki negara anggota mewujudkan struktur undang-undang nasional bagi memerangi keganasan peringkat antarabangsa dan semua negara anggota diminta memberi kerjasama sepenuhnya dalam usaha ke arah ini.

Sebagai ahli kepada International Civil Aviation Organisation (AIKO) keputusan telah dibuat supaya Malaysia meratifikasikan Montreal Protocol 1988 yang merupakan tambahan atau supplementary kepada Montreal Convention 1971.

Seperti mana kita sedia maklum adalah telah menjadi dasar negara untuk menangani kegiatan jenayah antarabangsa khususnya jenayah keganasan melalui kerjasama antarabangsa. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk memaklumkan bahawa Malaysia telah pun menjadi ahli kepada beberapa konvensyen AIKO berkaitan dengan pembanterasan dan pencegahan keganasan antarabangsa iaitu dengan izin;

Convention on Offences And Certain Other Acts Committed On Board Aircraft signed in Tokyo on the 14 September 1963 ataupun digelar Tokyo Convention 1963.

- (i) Convention For The Suppression Of Unlawful Seizure of Aircraft signed in The Hague on 16th September 1970 digelar The Hague Convention 1970
- (ii) Convention For The Suppression Of Unlawful Acts Against The Safety Of Civil Aviation signed in Montreal on 23rd September 1971 ataupun digelar Montreal Convention 1971.

Ketiga-tiga konvensyen tersebut telah pun diratifikasikan dan dilaksanakan oleh kerajaan sebagai undang-undang Malaysia melalui akta 307.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan konteks ancaman keganasan yang melanda dunia masa kini dan memandangkan dia bertujuan merangkumi tindakan membanteras kegiatan jenayah ataupun keganasan terhadap penerbangan dan lapangan terbang yang sebelum ini tidak diliputi oleh konvensyen-konvensyen AIKO, langkah negara menyertai Montreal Protocol 1988 tersebut adalah merupakan perluasan skop bidang, kuasa dan tanggungjawab kerajaan bagi mencegah kegiatan-kegiatan jenayah dan keganasan terhadap penerbangan serta lapangan terbang.

Tuan Yang di-Pertua, proses meratifikasikan Montreal Protokol 1988 hanya boleh dilakukan setelah pindaan yang dicadangkan dalam rang undang-undang, ia dibentangkan, dilulus dan berkuat kuasa.

Fasal 2 Rang Undang-undang bertujuan meminda tajuk akta sedia ada untuk disesuaikan dengan pelaksanaan Montreal Protokol 1988. Rang undang-undang

tersebut adalah bertujuan untuk melaksanakan obligasi antarabangsa Malaysia sebagai negara pihak kepada Montreal Protokol 1988.

Fasal 5 Rang Undang-undang memperuntukkan Seksyen 10(A) yang baru yang menjadikan satu kesalahan bagi tindakan-tindakan keganasan terhadap mana-mana orang atau kemudahan-kemudahan di lapangan terbang atau mengganggu perkhidmatan lapangan terbang itu. Fasal 5 ini juga menjadikan satu kesalahan bagi tindakan-tindakan keganasan terhadap pesawat udara yang bukan dalam penerbangan tetapi berada di lapangan terbang antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu Fasal 6 Rang Undang-undang yang dicadangkan iaitu Seksyen 13(D) yang baru menyebut bahawa adalah menjadi satu kesalahan terhadap seseorang di Malaysia yang didapati bersubahat melakukan apa-apa kesalahan di bawah peruntukan Seksyen 10(A). Lain-lain pindaan merupakan pindaan kecil atau berbangkit daripada pindaan-pindaan utama yang dicadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang yang sedia ada berkenaan kesalahan-kesalahan yang telah saya huraikan tadi perlu diperkemaskan melalui rang undang-undang yang dicadangkan ini bagi memenuhi obligasi Malaysia terhadap Montreal Protokol 1988 dengan membuat pindaan sewajarnya terhadap Akta Kesalahan-Kesalahan Penerbangan 1984.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Kesalahan-Kesalahan Penerbangan 1984 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas. Datuk Vijyaratnam.

**4.22 ptg.**

**Dato' Dr. S. Vijyaratnam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, minta maafkah kepada sahabat saya Datuk M. Ratnam, beri laluan ya?

**Datuk M. Ratnam:** Ya, ya, ya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Nama seakan-akan sama saja.

**Dato' Dr. S. Vijayarajam:** Separuh nama sama Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih di atas peluang yang diberi untuk membahas Rang Undang-undang DR.5/2005.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam dunia zaman sekarang yang penuh dengan pelbagai ketidakpastian dan juga ancaman keganasan, keselamatan di lapangan terbang-lapangan terbang negara harus diutamakan. Keselamatan tersebut bukan sahaja untuk kepentingan rakyat kita tetapi akan memberi keyakinan dan kepercayaan kepada beribu-ribu pelancong yang masuk ke Malaysia melalui lapangan terbang kita. Saya percaya pada waktu ini tidak ada banyak kekurangan keselamatan di lapangan terbang kita terutama sekali di *airport-airport* antarabangsa KLIA, Pulau Pinang, Kuching dan juga Kota Kinabalu.

Buktinya ialah tiada apa-apa perlakuan keganasan di bangunan-bangunan *airport* tempatan. Dan juga *terrorisme* kapal terbang di udara yang puncanya atau berlepas dari lapangan terbang-lapangan terbang Malaysia setakat ini. Walau bagaimanapun, kita tidak boleh mengurangkan sistem sekuriti atau kawalan di lapangan terbang-lapangan terbang. Jika melonggarkan sedikit sahaja maka diberi ruang untuk orang-orang berniat jahat melakukan sesuatu yang dahsyat yang akan menyebabkan kematian dan kecederaan.

Namun Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh nafikan bahawa ada juga satu atau dua perkara kecil yang berlaku di KLIA dan Lapangan Terbang Pulau Pinang yang menunjukkan bahawa ada sedikit kelemahan di sistem kawalan. Ada juga kes-kes di mana orang tanpa izin dapat masuk ke zon-zon terhad seperti kawasan bagasi mendaftar masuk atau *checkin baggage area* dengan izin, tapak letak kapal terbang ataupun *apron* dengan izin, dan juga landasan menurun berlepas ataupun *runway*, dengan izin. Ada juga satu kes di mana seorang asing dapat duduk di Bangunan KLIA sebagai kediamannya untuk satu minggu sebelum ditangkap.

Tuan Yang di-Pertua, yang tenat sekali adalah perlakuan jahat di mana wayar-wayar di dalam satu kapal terbang *Airbus - Malaysia Airlines* dipotong dan satu lagi di mana peralatan-peralatan dalam kapal terbang dirosakkan oleh pihak-pihak tertentu. Ini menunjukkan bahawa ada ruang lagi untuk menguatkan taraf sistem kawalan tetapi Tuan Yang di-Pertua izinkan saya menyebut satu perkara yang boleh dikatakan mustahil walaupun kawalan dan pengawasan di lapangan terbang KLIA untuk menghadapi

perbuatan-perbuatan sengit yang serius nampaknya sistem kawalan baik tetapi perkhidmatan teksi sapu di situ sampai hari ini tidak dapat diberhentikan.

Kita dapat menewaskan harimau tetapi tikus masih hidup dan aktif. Namun, saya terus memberikan sokongan pada apa-apa pindaan yang akan mengukuhkan dan mengetatkan keselamatan di lapangan-lapangan terbang negara khasnya seksyen 10(A) yang tajuknya berbunyi, "Tindakan Keganasan Berhubung Dengan Lapangan Terbang yang Menyediakan Penerbangan Awam Antarabangsa". Dengan kata-kata itu, saya dengan sukacitanya menyokong Akta untuk meminda Akta Kesalahan- Kesalahan Penerbangan 1984. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, silakan Yang Berhormat Datuk Ratnam dan saya minta Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi untuk bersedia selepas ini.

**4.29 ptg.**

**Datuk M. Ratnam;** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk bahas satu Akta untuk meminda Akta Kesalahan- Kesalahan Penerbangan 1984.

Tuan Yang di-Pertua, mula-mulanya saya ingin menerangkan sedikit mengenai kewujudan dengan izin, *Protocol for the Suppression of Unlawful Acts or Violence at Airports - Serving International Civil Aviation Convention at Montreal on 23 September 1971 and sign at Montreal on 24 February 1988*.

Tuan Yang di-Pertua, untuk membendung aktiviti kekejaman serta tidak mengikut undang-undang dengan izin, *unlawful acts or violence* yang membawa kemudaratan atau seakan-akan kemudaratan keselamatan orang ramai di lapangan terbang antarabangsa atau yang mana membahayakan atau menjejaskan keselamatan operasi, pengoperasian lapangan terbang tersebut serta melemahkan ataupun menghilangkan keyakinan orang ramai di dunia tentang keselamatan yang ada di lapangan terbang antarabangsa yang menggugat keselamatan dan kawalan di semua negara.

Memandangkan berlakunya perlakuan sebegini yang merunsingkan masyarakat kebangsaan, dengan itu bagi tujuan menghalang perlakuan tersebut maka perlu adanya undang-undang yang dijadikan sebagai alat pengukur untuk menghukum pesalah-pesalah ini tadi. Pada 23 September 1971, negara-negara yang telah mengambil

bahagian dalam konvensyen di Montreal telah bersetuju untuk menggubal undang-undang untuk membendung kekejaman ini. Undang-undang ini telah menjadi kenyataan dan telah ditandatangani di Montreal juga pada 24 Februari 1988.

Perjanjian ini juga telah dibuat di London, Moscow, Washington dan Montreal untuk ditandatangani oleh kesemua negara yang menyertainya. Negara-negara yang telah tidak menyertai pada awalnya juga boleh menyertainya sekiranya beliau bersetuju kepada undang-undang yang telah disediakan. Yang ingin menyertai selepas menandatangani dokumen itu perlu diserahkan kepada kerajaan *Union of Soviet Socialist Republic*, dengan izin, *United Kingdom of Great Britain* dan *Northern Island* di *United States of America* ataupun dengan *International Civil Aviation Organization* yang telah diberi kuasa menyimpan dokumen itu. Ia dikenali sebagai *Designated Depository*.

Tiga puluh hari selepas 10 negara telah menandatangani perjanjian ataupun protokol itu, undang-undang ini akan mula berkuat kuasa. Negara-negara yang belum menandatangani boleh juga menandatangani protokol itu dan undang-undang di negaranya akan mula berkuat kuasa 30 hari dari tarikh menandatangani oleh negara itu. Inilah latar belakang protokol bagi pembanteras tindakan-tindakan keganasan yang menyalahi undang-undang di lapangan terbang yang menyediakan penerbangan awam antarabangsa yang dibuat di Montreal pada 24 Februari 1988.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah tepat pada masanya selepas kita semua menyedari bahawa beberapa keganasan telah berlaku di seluruh dunia. Memandangkan ini adalah perlu untuk membuat satu cadangan tambahan kepada, dengan izin, *Convention For The Suppression of Unlawful Acts Against The Safety of Civil Aviation* yang dibuat di Montreal pada 23 September 1971 untuk membincangkan tentang perlakuan-perlakuan yang melanggar undang-undang di lapangan terbang antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, huraian-huraian mengenai pindaan-pindaan yang dicadangkan telah pun diberi. Saya tidak berhajat untuk menghuraikan kesemua pindaan-pindaan yang dicadangkan. Walau bagaimanapun saya akan beri sedikit pandangan saya.

Tuan Yang di-Pertua, perenggan 2(3)(b) menjelaskan bila satu pesawat udara dianggap sebagai dalam penerbangan, ia bermula dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *bit*

*the free flight preparation of the aircraft for a flight and ends 24 hours after the aircraft lands having completed that flight and that period shall in any event include the entire period during which the aircraft is in flight.*

Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 10A yang baru ditambahkan kepada akta yang sedia ada dan tajuknya berbunyi seperti berikut, “Tindakan Keganasan Berhubung Dengan Lapangan Terbang Yang Menyediakan Penerbangan Awam Antarabangsa”. Tuan Yang di-Pertua, seksyen 10A baru yang dicadangkan itu memberikannya satu kesalahan untuk melakukan tindakan keganasan terhadap seseorang di lapangan terbang yang menyediakan penerbangan awam antarabangsa yang menyebabkan atau yang berkemungkinan menyebabkan kecederaan serius ataupun kematian ataupun memusnahkan ataupun merosakkan dengan serius kemudahan lapangan terbang itu atau pesawat udara yang tidak dalam khidmat yang berada di situ atau mengganggu perkhidmatan lapangan terbang.

Tuan Yang di-Pertua, tidak berapa lama dahulu ada juga pengkhianat negara kita sendiri telah memotong beberapa kabel ataupun wayar di dalam pesawat MAS seperti yang dikatakan oleh saudara saya, kapal terbang ini diletakkan di lapangan terbang di KLIA, Sepang. Bukan sekali kalau saya tidak salah, tetapi telah berlaku dua kali. Siasatan-siasatan oleh pihak yang berkuasa didapati bahawa pemotongan kabel ini telah dilakukan oleh pekerja-pekerja di lapangan terbang.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya *pilot* pesawat ketika itu cuai dan telah memulakan penerbangan, apa akan berlaku? Barangkali kemalangan akan berlaku dengan pesawat-pesawat yang boleh memuatkan sehingga 400 penumpang, mungkin 400 nyawa telah hilang. Ini amat serius. Imej negara juga akan terjejas bahawa tidak ada keselamatan. Pelancong-pelancong juga tidak akan datang ke negara kita, apa akan berlaku? Ini adalah satu *change reaction* dengan izin, oleh sebab tidak ada pelancong, hotel-hotel akan mengalami kerugian, mungkin pekerja-pekerja di sektor pelancongan akan hilang kerja dan seterusnya. Ini bermakna ekonomi negara juga terjejas.

Bukan itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, walaupun nampaknya keluar masuk ke dalam dan luar KLIA adalah ketat tetapi masih banyak yang tidak diingini berlaku. Satu ketika dahulu satu budak telah masuk dalam Lapangan Terbang KLIA tanpa disedari

oleh pengawal-pengawal keselamatan dan menyembunyikan dirinya dalam lubang sudut tayar depan. Apabila pesawat sampai ke Hitero, London didapati budak itu telah mati. Ada juga orang kurang siuman masuk dalam kawasan larangan dan telah tinggal beberapa hari sebelum diberkas. Orang-orang asing juga didapati masuk dalam kawasan larangan sebelum diberkas.

Tuan Yang di-Pertua, lapangan terbang adalah dikawal dengan ketat. Saya kurang faham macam mana bagasi-bagasi boleh hilang. Tahun dahulu kawan saya bawa satu kotak penuh dengan buah mangga dari negara India. Kotak ini telah masuk sebagai *unaccompanying* bagasi. Saya telah pergi ke KLIA untuk menjemput kawan untuk mengucap selamat datang tetapi kotak buah hilang. [*Ketawa*] Nilainya bukan banyak juga boleh hilang.

Apa lagi dengan bahagian kargo, barangan mahal seperti jam tangan berjenama, mikrocip dan lain-lain barang bernilai dan kurang nilai juga hilang. Apakah itu? Ini memang tidak boleh hilang semasa dalam penerbangan, ia hanya boleh hilang semasa diturunkan dari pesawat hinggalah sampai ke stor simpanan kargo. Kargo hilang dari stor kargo sebelum dituntut oleh penerimanya. Bagaimanakah ini boleh berlaku di tempat yang dikawal dengan ketat? Saya pun tidak dapat tahu apakah tindakan yang diambil di atas pegawai-pegawai yang bertanggungjawab dengan menjaga keselamatan barangan kargo.

Satu lagi ialah sindiket yang menyeludup pekerja asing keluar dari lapangan terbang apabila datang tanpa dokumen-dokumen yang sah. Sindiket itu juga mengaturkan perjalanan balik apabila orang yang seludup masuk itu ingin balik ke negara asalnya. Sekarang pula, bukan kawasan larangan di KLIA, apabila pelancong dan juga penduduk negara ini selepas pemeriksaan imigresen dan ambil bagasi keluar dari pintu keluar, ada juga orang yang dikenali sebagai ulat seperti yang disebut oleh kawan saya, teksi sapu, teksi haram – ulat, menunggu dan bertanya sama ada kita memerlukan kereta. Ulat-ulat ini adalah orang yang menjalankan teksi sapu. Apa itu teksi sapu? Teksi sapu ialah kereta yang bukan teksi tetapi kereta persendirian. Kereta-kereta ini tiada insurans yang memberi perlindungan kepada penumpang. Walaupun hal ini telah diceritakan dengan berleluasa dalam surat khabar, *The Malay Mail* dan lain-lain surat khabar, ini masih berlaku terhadap pegawai-pegawai KLIA. Ini

akan menjejaskan imej Malaysia di mata pelancong dari luar negara. Perkara ulat ini masih berlaku dan tidak dapat dihapuskan seperti yang kawan saya kata, harimau boleh mati, tikus masih hidup? *[Ketawa]* macam itulah.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita sehingga sekarang adalah selamat dari keganasan dan ancaman yang serius di sektor penerbangan berbanding banyak negara yang lain di mana pesawat-pesawat telah dirampas semasa dalam penerbangan. Perampas itu telah membuat permintaan-permintaan yang tidak adil dan tidak dapat ditunaikan. Apabila tidak ditunaikan, dengan kejam pengganas itu menembak mati penumpang-penumpang satu demi satu. Kadang kala 'drama' ini boleh diteruskan sehingga beberapa hari sebelum pesawat itu diserbu oleh komander-komander dari negara itu ataupun dari negara pakar lain. Semasa komander masuk, beberapa penumpang juga terlibat dengan tembakan *cross fire* dengan izin, dan mati.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Mohon laluan Yang Berhormat.

**Datuk M. Ratnam:** Ya.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Dato' Musa.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, tadi saya dengar Yang Berhormat kata tentang ulat-ulat ataupun teksi sapu tetapi mengapa undang-undang tidak diambil? Adakah undang-undang boleh mengambil tindakan kepada mereka ini? Yang kedua, yang menghairankan kita, pengawal-pengawal begitu ramai di situ, kenapa mereka ini tidak boleh mengambil tindakan terhadap kereta-kereta sapu ini? Terima kasih, apa pandangan Yang Berhormat?

**Datuk M. Ratnam:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Musa. Ulat-ulat ini adalah orang yang menjalankan kegiatan teksi haram. Orangnya pandai, apabila pegawai-pegawai ada meronda di situ, dia diam dan pandang sana dan sini tetapi pegawai itu bukan statik di situ. Bila pegawai itu lalu atau pergi ke mana-mana, kegiatan mereka sudah bermula. Mengenai undang-undang, saya baca dalam surat khabar, tidak ada undang-undang yang boleh mengawal mereka. Kadang kala ada mata-mata yang mengusir mereka keluar, ada juga perlawanan berlaku – tumbuk menumbuk di antara operator teksi limousin dan ulat. Dia orang banyak berani, dia ada dia punya geng. Itulah keadaan di *airport*. Mungkin Dato' Musa pun nampak di KLIA bila keluar.

Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan.....

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Datuk Yaakob.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada sahabat saya, Senator Datuk M. Ratnam. Soal teksi haram yang beroperasi bukan sahaja di lapangan terbang tetapi juga di perhentian-perhentian bas di kota-kota raya. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat kalau Yang Berhormat setuju mencadangkan agar Lapangan Terbang Antarabangsa dan semua perhentian bas yang mempunyai perkhidmatan teksi ditempatkan secara sepenuh masa oleh pegawai-pegawai JPJ ataupun Lembaga Pelesenan Kenderaan? Terima kasih.

**Datuk M. Ratnam:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Yaakob. Cadangan ataupun pandangan Datuk Yaakob adalah sesuatu yang baik, saya amat bersetuju dengan cadangan kita mengadakan teksi halal, bukan haram, teksi di Puduraya, kompleks bas, adakan ia sepenuh masa dengan pegawai JPJ. Kalau kita buat macam itu, memang teksi sapu tidak boleh pergi ke sana tetapi teksi haram di lapangan terbang tidak boleh diusir keluar sehingga kita tempatkan pegawai-pegawai yang bertanggungjawab 24 jam. Memang kita sudah ada banyak limousin dan teksi di lapangan terbang. Kadar bayaran adalah suatu perkara yang menarik orang dari menaiki teksi, kereta sapu adalah lebih murah daripada teksi yang sebenar. Jadi orang yang sudah biasa berulang alik, dia tahu teksi sapu kurang RM20, lebih murah daripada teksi yang sebenar, dia naik teksi itu. Terima kasih.....

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Mohon laluan, boleh Yang Berhormat? Laluan sedikit - ini teksi sapu, berminat. Boleh Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, sila, sila Dato' Musa.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Apa pandangan Yang Berhormat, kenapa teksi sapu ini boleh hidup di lapangan terbang padahal kita ada limousin yang begitu cantik, begitu canggih sekali, kenapa orang lebih suka naik teksi sapu ini? Teksi sapu ini berleluasa sebab ada orang mahu menaiki teksi ini. Apa pandangan Yang Berhormat? Kenapa orang lebih minat untuk naik teksi sapu? Terima kasih.

**Datuk M. Ratnam:** Terima kasih. Saya sudah memberi alasan, orang suka pilih teksi haram atau mengikut ulat ini kerana ia paling murah, RM20 lebih murah tambangnya, jadi oleh itu, mereka suka pergi. Saya sudah jawab soalan Dato'? Tuan Yang di-Pertua, boleh saya teruskan?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk...

**Datuk M. Ratnam:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya lihat Yang Berhormat dapat berbahas dengan lebih baik dan dapat menarik lebih perhatian sekiranya Yang Berhormat berbahas tanpa membaca *[Ketawa]*

**Datuk M. Ratnam:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju, saya orang politik, jadi bila saya pergi ke mana-mana mesyuarat, kita sudah biasa berucap tetapi kita perlu memberi fakta, kita tidak boleh lari ke sini sana, jadi takutlah. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila teruskan Datuk.

**Datuk M. Ratnam:** Jadi, saya rasa selesai sekiranya saya tulis dan baca. Lagi satu perkara saya ingin beritahu kepada Tuan Yang di-Pertua, semasa saya bersekolah, bahasa Melayu tidak wajib. Pada tahun 1957, bahasa Melayu tidak ada, jadi apa yang dicakap ini dari dengar, cakap, percampuran dan sebagainya. Jadi, mungkin saya punya bahasa kurang memuaskan bila berbanding dengan orang-orang lainlah, sebab itulah saya tulis dan baca.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila, sila Datuk. Kita berasa bangga di atas kebolehan Datuk berbahas sebagaimana yang Datuk bahas hari ini. *[Ketawa]*

**Datuk M. Ratnam:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kita semua ada, nampak rakaman drama-drama yang berlakulah di kaca TV. Satu kapal terbang kepunyaan Air India juga telah dirampas oleh pengganas-pengganas semasa dia ada dalam penerbangan. Kapal terbang itu telah meletup di angkasa. Semua orang dalam kapal terbang itu telah mati. *[Ketawa]*

**Seorang Ahli:** Hidup. *[Menyampuk]*

**Datuk M. Ratnam:** Hidup pula, telah mati. Sekarang India sudah tahu siapa itu penjenayah, dari mana negara itu. Tetapi negara itu ingin menyerahkan penjenayah itu kepada Negeri India untuk siasatan dan tindakan selanjutnya. Inilah banyak negeri tidak masuk dalam protokol ini. Oleh sebab dia tidak ada dalam protokol ini, dia tidak

semestinya mengikuti undang-undang yang sedia ada di negara lain. Apatah lagi, kita semua tahu dan masih ingat September 11, 2001. Pada hari itu, dunia ini telah tergugat. Amerika Syarikat yang disegani oleh seluruh dunia telah diancam oleh pengganas.

Tuan Yang di-Pertua, seluruh dunia terkejut apabila pada 11 September 2001, Amerika Syarikat telah diserang oleh pengganas. Empat pesawat kepunyaan syarikat Amerika telah dirampas dalam penerbangan oleh pengganas. Saya masih tidak dapat menghayatilah macam mana dia orang boleh rancang untuk masuk dalam lapangan terbang dan menaiki pesawat-pesawat yang sedia menerbangkan pada masa yang lebih kurang serupa dan empat kapal terbang itu telah menuju kepada New York, dua kapal terbang telah serang *Twin Tower*, satu lagi telah serang sebahagian Pentagon. Pentagon ialah ibu pejabat.....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Pertahanan.

**Datuk M. Ratnam:** Pertahanan Amerika Syarikat. Sana pun dia orang boleh pergi, hentam juga. [*Ketawa*] Lagi satu kita tidak tahu mana dia punya destinasi tetapi, saya ingat dalam kapal terbang dia orang sudah gaduh-gaduhlah, pilot dengan pengganas, sudah jatuh terhempas. Satu dunia pun hairan bagaimana empat kapal terbang dari lain-lain lapangan terbang di Amerika boleh dirampas dalam penerbangan. Bagaimana pengganas dapat masuk dengan senjata melalui beberapa rintangan, empat buah lapangan terbang pada waktu yang sama. Maruah Amerika Syarikat jatuh. Amerika yang disegani oleh seluruh dunia telah digugat. Ribuan orang Amerika dari pelbagai negara terbunuh. Yang mati itu tidak bersalah. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita.....

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

**Datuk M. Ratnam:** Sila.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator Datuk M. Ratnam. Menyentuh soal September 11, saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat Datuk, ada teori ataupun pandangan yang menyatakan sememangnya Kerajaan Amerika tahu akan perancangan pihak pengganas untuk mengadakan serangan ke atas kedua-dua bangunan. Tetapi, ada agenda tersembunyi, mereka

biarkan perkara itu berlaku semata-mata dengan harapan selepas daripada itu untuk *attack* Afghanistan dan juga Iraq. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Datuk M. Ratnam:** Terima kasih, Senator Datuk Yaakob bin Haji Mohammad. Itu satu pandangan, mungkin dari Datuklah ataupun persepsi Datuk. Mungkin dia orang ada agenda tetapi ini satu soal maruah kepada satu negara yang terkuat di dalam dunia. Semua negara pun takut sama dia. Dia boleh musnahkan mana-mana negara dengan roket-roket dia, tidak ada masalah. Jadi, dari pandangan saya, agenda yang dikata oleh Datuk itu adalah tidak tepat, itu dari pandangan sayalah.

**Datuk Omar bin Faudzar:** Yang Berhormat, minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila, Datuk Omar.

**Datuk Omar bin Faudzar:** Saya hendak tanya soalan yang sama, rakan saya bangkit tadi. September 11, apabila dia langgar bangunan itu, pada hari yang dia langgar itu, kita tengok, kalau kita tahu di bangunan itu kebanyakannya adalah orang-orang Yahudi. Jadi, pada hari itu, orang-orang Yahudi tidak ada di dalam bangunan itu. Apa pandangan Yang Berhormat? Adakah masih Yang Berhormat tidak bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Senator Datuk Yaakob tadi?

**Datuk M. Ratnam:** *[Ketawa]* Terima kasihlah Datuk Omar. Ini soal Yahudi, saya baru dengar. Sebelum ini saya tidak dengar bahawa pada hari itu orang Yahudi tidak ada pergi kerja di Twin Towerlah. Ini berita baru. Jadi, saya tidak dapat memberi apa-apa komen. Susahlah bagi saya komen kerana saya tidak tahu latar belakang. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Jawapan Yang Berhormat itu, tiada komen....

**Datuk M. Ratnam:** Seperti yang saya kata tadi, fitnah pula. *[Ketawa]* *[Dewan gamat seketika]* Saya tidak mahu fitnahlah. Jadi,.....

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Yang Berhormat, laluan Yang Berhormat, tentang keselamatan. Saya tertarik dengan 11 September ini Yang Berhormat tetapi kita banding Amerika dengan Malaysia. Yang mana Amerika ini dengan alat dia canggih itu ini, keselamatan dia memang, kalau kita dengar Amerika ini *tip-top*. Maknanya, keselamatan di Amerika kalau dibandingkan dengan Malaysia, bermakna kita Malaysia ini lebih baik dari keselamatan di Amerika. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Datuk M. Ratnam:** Saya bersetuju dengan pandangan Dato' Musa. Negara kita lebih selamat. Saya sudah kata tadi. Dalam pepatah bahasa Inggeris dia kata, *elephant also can slip*, gajah pun boleh jatuh. Jadi, kali ini Amerika adalah gajah, dia sudah jatuh. Kita lagi selamat. Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua.....

**Tuan Ismail bin Kasim:** Pohon laluan, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Ismail bin Kasim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk M. Ratnam, sahabat saya atas ulasan yang diberikan. Namun saya ingin pandangan dan pendapat Datuk. Tadi Datuk sudah beralih balik ke dalam negara kita seperti mana yang dibangkitkan oleh sahabat saya tadi Yang Berhormat Dato' Musa. Walaupun kita selamat, kerana daripada awal kita mengambil tindakan-tindakan yang tegas di peringkat akar lagi, di peringkat *rootnya* sebab kita mengesan secara terperinci dengan niat untuk melihat keamanan sejagat ataupun hak-hak asasi, hak rakyat, hak kerajaan dan semuanya kita dapat pelihara dengan saksama, ini berlaku. Sebab itulah walaupun dalam keadaan kita nampak aman, tidak ada riak, tidak ada gelombang, *wave* yang hendak kita bimbangkan pada masa ini ataupun setakat ini.

Walaupun begitu kawalan-kawalan ini kerana kita lihat kawalan-kawalan yang agak longgar di beberapa lapangan terbang antarabangsa dan lapangan terbang yang bukan antarabangsa di negara kita seperti di Alor Setar dan Kota Bharu khasnya, kita ingat untuk *local flight* kita tidak pernah mengadakan pemeriksaan yang teliti terhadap penumpang-penumpang yang masuk kerana kita bimbang bahawa kedua-dua lapangan terbang seperti Lapangan Terbang Alor Setar dan Lapangan Terbang Kota Bharu amat terdedah kepada bahaya yang cukup besar. Kalau kita tidak berjaga-jaga dan kalau kita hanya pandai bercakap setelah sesuatu perkara itu terjadi itu adalah tidak adil.

Tetapi kita ingat sekarang ini kedua-dua lapangan terbang ini sangat terdedah kepada kawasan sempadan yang boleh menyebabkan kemasukan *terrorist* ataupun aktiviti ataupun rangkaian pengganas sama ada daripada dalam negara ataupun di luar negara. Begitu juga di Lapangan terbang Antarabangsa Bayan Lepas. Saya bukan hendak ini.... Dato' Musa tetapi kita lihat selepas kita masuk untuk pemeriksaan

antarabangsa dengan domestik agak bersekali dan kita boleh pergi makan di tingkat atas dan turun ke bawah tanpa ada pemeriksaan kali kedua. Ini yang kita perlu lihat.

Sebenarnya kita sudah maklumkan kepada Kementerian Keselamatan Dalam Negeri dan kita bawa Yang Berhormat Dato' Haji Noh bin Haji Omar sendiri melawat dan melihat perkara ini. Tetapi saya ingat sampai hari ini semua perkara ini tidak diatasi lagi oleh pihak penerbangan awam, pihak-pihak keselamatan ataupun pihak-pihak yang terbabit dalam perkara ini.

Jadi Yang Berhormat, walaupun saya sudah katakan tadi riak dan gelombang belum lagi kelihatan ataupun belum berlaku di dalam negara kita tetapi pada asasnya soal berjaga-jaga dan sebab itulah akta kesalahan ini dibuat untuk memastikan bahawa tidak berlaku di negara kita. Kita berjaga-jaga daripada awal kerana kita berjaya membunuh di peringkat awal barah ataupun gejala-gejala yang boleh menyebabkan perkara ini terjadi. Apa pandangan Yang Berhormat Datuk berhubung perkara ini?

**Datuk M. Ratnam:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Yang Berhormat, sebelum jawab boleh saya sambung sedikit. Yang Berhormat jawab dua-dua soalan sekali.

**Datuk M. Ratnam:** Bolehlah. Siapa-siapa pun boleh.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Baik terima kasih.

**Datuk M. Ratnam:** *[Ketawa]* Saya tidak ada halangan.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Saya setuju dengan akan saya tadi. Bukan kata di Pulau Pinang, kita lihat di KLIA kalau kita masuk tempat keselamatan, kita ambil penerbangan dalam negeri. Kita masuk sahaja sudah ada pemeriksaan dilakukan tapi kalau kita pergi ke lapangan terbang antarabangsa ia sampai di akhir itu baru dia buat pemeriksaan. Maknanya kalau orang dok masuk dalam itu dia hendak bawa bom pun bolehlah.

Tapi alhamdulillah keselamatan kita ini daripada awal tidak tahulah lebih baik daripada Amerika tapi inilah keselamatan yang patut kementerian ambil perhatian. Pemeriksaan di lapangan terbang antarabangsa juga mesti dibuat macam mana yang dibuat untuk lapangan terbang dalam negeri. Terima kasih.

**Datuk M. Ratnam:** Saya ucapkan terima kasih kepada kedua-dua Yang Berhormat. Saya amat bersetuju apa yang dikatakan oleh saudara saya dan Dato' Musa

juga. Saya harap pegawai dari kementerian ini akan ambil perhatian dengan perkara-perkara ini dan mungkin boleh ambil tindakan yang sewajarnya di atas perkara ini.

Selepas saya dengar pandangan saudara saya, empat kapal terbang yang berlaku dengan aktiviti keganasan pada 11 September adalah *internal flight* - penerbangan dalam negeri. Jadi mungkin ada *slack* pemeriksaan tidak berapa lengkap kerana penjenayah ini telah bawa.....

**Dato' Omar bin Faudzar:** Yang Berhormat, minta laluan Yang Berhormat.

**Datuk M. Ratnam:** Minta saya jawab ini dahulu.

**Dato' Omar bin Faudzar:** Terima kasih.

**Datuk M. Ratnam:** Sebab itu penganas telah membawa senjata. Kalau dia boleh melalui had-had pemeriksaan itu dan juga boleh menaiki pesawat dan semasa dia terbang baru dia *take control*. Jadi apa yang dikatakan oleh dua saudara ini betul dan tepat. Kita perlu ketatkan lorong masuk kepada *local flight* - tempatan. Sekian, boleh saya.....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat.

**Datuk M. Ratnam:** .....teruskan?

**Dato' Omar bin Faudzar:** [*Bangun*]

**Datuk M. Ratnam:** Ya Yang Berhormat.

**Dato' Omar bin Faudzar:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat hendak teruskan tadi lepas itu Yang Berhormat berikan laluan semula. Jadi.....

**Dato' Omar bin Faudzar:** Saya tertarik dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Kasim tadi iaitu rangkaian penganas. Kalau kita tengok di *airport* Amerika Syarikat ataupun di London ataupun di mana-mana di luar negara banyak pekerja-pekerja adalah orang asing. Begitu juga di KLIA. Kalau kita kata setakat *security* yang kita hendak *check*, di dalam *toilet* yang pekerja-pekerja pencuci tandas dan sebagainya adalah orang-orang asing. Sejauh mana kita hendak pastikan bahawa orang asing ini tidak ada rangkaian dengan penganas. Mungkin orang-orang ini ada rangkaian, kita tidak tahu. Jadi apa pandangan Yang Berhormat?

**Datuk M. Ratnam:** Saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat. Pada masa ini saya juga ingin memberitahu satu *experience* saya di Paris *airport*. Saya

dan kawan saya menunggu untuk naik kapal terbang. Tiba-tiba askar datang. Dia kata *move, move, move, move, move* dan ada seorang bawa wayar dan ikat pada satu beg dan dalam beberapa minit dia letupkan beg itu. Baru saya sedar bahawa di *Airport De Gaulle* itu tidak boleh letak satu barang dan jalan-jalan mana-mana yang you suka. Beg itu kepunyaan dua orang dari negara Jepun. Baru kahwin dia datang untuk *honeymoon*. Dia punya baju semua sudah habis terbakar. Dia tidak ada apa-apa beg lagi. Lepas itu kita semua derma kepadanya untuk beli beg dan sebagainya.

Jadi tengok, betapa ketat di *airport* itu. *Airport* kita you letak beg hari ini besok pagi you datang kalau orang tidak curi masih ada di situ. Jadi di *airport* kita pun kita perlu awasi dan jaga apa beg itu. Mengapa beg itu ada di sana? Siapa tuannya? Dia *call* tiga kali, "*The owner of the bag please come in claim your bag. If you don't claim it within five minutes we are going blow open*". Dia *blow open* untuk periksa apa ada di dalam beg itu. Tengok betapa ketat mereka. Jadi kita pun kena amalkan seperti itu.

**Tuan Ismail bin Kasim:** Laluan Yang Berhormat Datuk.

**Datuk M. Ratnam:** Ya?

**Tuan Ismail bin Kasim:** Mohon laluan.

**Datuk M. Ratnam:** Oh, masih ada?

**Tuan Ismail bin Kasim:** Ya, tambahan kepada pengalaman Yang Berhormat di Paris De Gaulle. Saya amat bersetuju dan satu lagi sebagai tambahan bila Yang Berhormat menyebut pemeriksaan ketat di *airport* Paris, saya rasa ada satu benda lagi yang kita perlu buat kawalan iaitu bahan api yang berupa cenderamata seperti *lighter* ataupun pemetik api kerana saya difahamkan saya pernah membawa *lighter* yang lebih daripada 100 unit *lighter* yang saya beli untuk dibawa pulang sebagai cenderamata kepada rakan-rakan. Bagasi ini saya terus *check in* tetapi dia tidak membenarkan dan dia ambil dalam beg saya. Dia hanya benarkan dua unit sahaja sebagai cenderamata yang lain semua dirampas oleh pihak berkuasa.

Dalam hal ini semua benda-benda yang boleh menyebabkan perkara-perkara ataupun *instrument* yang boleh menyebabkan ke arah boleh mencetuskan apa-apa sahaja yang berbahaya kepada penerbangan perlu diteliti oleh pihak penerbangan awam supaya memastikan bahawa apa-apa yang boleh menyebabkan tragedi ini dapat

kita cegah di peringkat awal lagi, di peringkat permulaan. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Datuk.

**Datuk M. Ratnam:** Terima kasih. Jadi saya habiskan. Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedar betapa pentingnya adalah perlu untuk ketatkan Akta Kesalahan-kesalahan Penerbangan 1984 supaya keselamatan lapangan terbang antarabangsa termasuk kemudahan-kemudahan.....

**Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak:** Minta laluan sedikit.

**Datuk M. Ratnam:** .....setiap pesawat-pesawat.....satu saat.....dan orang ramai diberi perlindungan daripada tindakan keganasan oleh penjenayah-penjenayah dan penganas-penganas.

**Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak:** Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Datuk M. Ratnam. Saya hendak bertanya pandangan dan penjelasan Yang Berhormat Datuk M. Ratnam apabila tahap perkhidmatan di sesebuah lapangan terbang itu kurang baik seperti contoh kalau bagasi lambat dan juga tempat ketibaan itu di luar tempat orang menunggu di mana iklan haram hotel-hotel yang penuh di dewan menghalang orang untuk melihat siapa yang tiba dan sebagainya dan boleh mengakibatkan kemarahan dan sebagainya. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Datuk M. Ratnam:** Terima kasih Yang Berhormat. Biasanya yang pameran iklan itu ada tulis nama hotel kebanyakannya dan kadang kala ia ada pegang mencuba nasib untuk dapatkan orang datang menyewa hotel mereka. Itu pun satu amalan yang tidak boleh digalakkan kerana sebelah sana ada pondok di mana orang boleh *booking* hotelnya. Itu juga perlu diawasi.

Jadi dengan kata-kata ini saya menyokong kepada satu akta untuk meminda Akta Kesalahan-kesalahan Penerbangan 1984. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Tadi saya sudah sebut supaya Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi untuk bersedia tetapi saya ada permohonan di sini dari Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pengiran Haji Ahmad Raffae untuk berbahas awal. Saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi bersetuju ataupun tidak. Okey?

**Tuan Lee Sing Chooi:** Bolehkah saya bahaskan dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae:** Saya ada penerbangan tetapi tidak apalah kalau tidak dapat.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Fasal saya ada satu perkara mustahak. Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan rang undang-undang yang bernama satu Akta untuk memindahkan Akta Kesalahan-kesalahan Penerbangan 1984. Saya mengucapkan *sorry*lah kepada rakan saya kerana tidak dapat memberi peluang. Bila saya tengok pindaan akta yang di mana Protokol Montreal dimasukkan di sini saya sudah nampak ketidaktolakannya, suatu yang missing. Akta seksyen yang baru 10A di mana isi kandungan permintaan utama yang bertajuk “Tindakan keganasan berhubung dengan lapangan terbang yang menyediakan penerbangan awam antarabangsa”.

Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya tajuk yang lebih lengkap ialah “Tindakan keganasan berhubung dengan lapangan terbang yang menyediakan penerbangan awam antarabangsa dan domestik”, itulah yang lebih lengkap. Tadi kita mendengar rakan-rakan kita Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim dan Yang Berhormat Datuk M. Ratnam bahawa *security* di lapangan terbang domestik adalah tidak memuaskan. Ini disebabkan kerana tiada undang-undang untuk melindungi penerbangan-penerbangan domestik. Adakah penerbangan-penerbangan domestik itu tidak mustahak? Adakah nyawa-nyawa di dalam penerbangan domestik itu tidak begitu bernilai kalau dibandingkan dengan penerbangan antarabangsa? Penerbangan domestik itu kebanyakannya digunakan oleh rakyat Malaysia sendiri. Tetapi yang kita mengadakan satu undang-undang melindungi lebih mustahak itu ialah penerbangan antarabangsa, tetapi rakyat kita tidak dijaga. Itu satu.

Saya harap kementerian dapat menentukan perlindungan macam mana penerbangan domestik itu sama ada adakah seksyen 10A itu adalah untuk penerbangan antarabangsa, sementara seksyen 10B adalah untuk penerbangan domestik untuk melengkapkan pemindaan akta ini. Akta ini mungkin disebabkan oleh Protokol Montreal. Yang mereka bahas itu adalah perkara antarabangsa tetapi bila kita bawa protokol itu balik ke Malaysia kita kena lihat protokol itu mesti dipakai supaya antarabangsa itu pun dapat dilindungi di samping domestik juga kena kita jaga. Kita

kena mengubah supaya kedua-duanya ada pindaan ini. Di sinilah saya nampak satu ketidaklengkapan pemindaan akta-akta yang dibentangkan ini.

Juga kita lihat apa yang dibahaskan oleh Yang Berhormat Datuk M. Ratnam yang kerana *security* untuk domestik adalah kurang disebabkan empat buah kapal terbang di US itu digunakan untuk menjadi bom juga kemungkinan bahawa di sini juga kalau *security* di lapangan terbang domestik itu tidak dipertingkatkan dan tidak dilindungi seperti mana yang dimasukkan dalam akta ini maka kemungkinan *security* yang agak lemah itu digunakan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim di mana lapangan terbang di Alor Setar, Kota Kinabalu dan lain-lain itu mungkin digunakan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti keganasan. Saya harap akta ini boleh juga dimasukkan untuk domestik supaya perlindungan lebih menyeluruh dan lebih sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Protokol Montreal di mana ada perwakilan Malaysia pergi ke sana saya hendak tahu apakah sumbangan Malaysia terhadap kandungan protokol-protokol yang isi kandungannya ditandatangani di Montreal itu. Apakah sumbangan Malaysia dalam mengubah apa-apa dalam protokol itu. Saya juga ingin tahu adakah kuasa-kuasa besar di dunia ini juga bersetuju di Protokol Montreal itu dan menjadikannya undang-undang mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kesimpulannya .....

**Datuk Yaacob bin Haji Mohammad:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Datuk Yaacob

**Datuk Yaacob bin Haji Mohammad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya Senator Lee Sing Chooi. Perkara pokok yang dibangkitkan dalam pindaan Akta di sini kalau dilihat memang tidak dimasukkan dengan perkataan merangkumi 'domestik'. Dan persoalannya saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat apakah andai kata berlaku kesalahan-kesalahan di bawah ini yang melibatkan domestik *fligh* ianya tidak terikat dengan pemindaan Akta ini? Dan yang kedua saya ingin mendapatkan pandangan Yang Berhormat dan mungkin Yang Berhormat boleh memberi pandangan tentang beberapa insiden yang berlaku di penerbangan domestik ataupun antarabangsa apabila para penumpang telah pun *checkin* dan apabila tiba waktu penerbangan telah dikenal pasti terdapat penumpang-

penumpang di mana barang-barangnya telah dimasukkan ke dalam kargo tetapi penumpang tersebut tidak berada dalam pesawat yang menyebabkan pesawat tersebut menangguk penerbangannya bagi mengeluarkan barang ataupun beg yang telah di *check in*.

Jadi, mungkin pandangan Yang Berhormat berkaitan dengan domestik itu ada kaitan yang begitu serius. Dari segi pindaan akta ini dan mungkin pihak Yang Berhormat ataupun kementerian/jabatan berkaitan, kita ingin tahu berapakah jumlah insiden-insiden sedemikian yang telah berlaku, dan apakah susulan diambil kepada penumpang yang tidak berada kerana *announcement* telah pun dibuat beberapa kali, tetapi orangnya tidak menjelma untuk turut dalam pesawat tersebut. Ini adalah di antara prasangka ataupun strategi yang sering kali diambil oleh pihak-pihak yang boleh dianggap sebagai pengganas. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Tuan Ismail bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi sambungan kepada Yang Berhormat Datuk Yaakob. Saya ingin pandangan Yang Berhormat, iaitu berhubung dengan menggunakan tiket orang lain untuk penerbangan domestik. Sebab saya ingat perkara ini sering kali terjadi, kerana tidak ada pemeriksaan yang dibuat ke atas penumpang-penumpang di waktu masuk seperti memeriksa kad pengenalan dan sebagainya, apa pandangan Yang Berhormat berhubung perkara ini?

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih Yang Berhormat, Datuk Yaakob dan juga terima kasih Tuan Ismail bin Kassim. Kesemua ini telah menunjukkan kelemahan keselamatan di lapangan domestik dan juga banyak pengalaman kita yang berkenaan dengan perkara ini, yang di mana bag yang masuk tadi seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Datuk Yaakob itu, dadah ada di kapal terbang, tetapi sudah *check-in*, sudah masuk. Tetapi orang tidak naik kapal terbang. Jadi terpaksa ambil balik bag itu. Malah yang hendak masuk melalui pintu itu dia tidak *check* lagi. Lepas ambil pas, *check-in* di kaunter, dia tidak *check* IC atau kad domestiknya, tetapi masuk terus di dalam kapal terbang. Siapa masuk pun tidak tahu. Ini secara tidak langsung memberi peluang kepada orang yang tidak bertanggungjawab dan berniat jahat untuk membuat dan memusnahkan sesuatu. Dengan insiden-insiden yang begitu banyak dan kerap kali berlaku, maka ini adalah satu petunjuk bahawa keselamatan di lapangan domestik itu

adalah sampai satu tahap yang akan menjejaskan keseluruhan keselamatan negara kita.

Terdapat juga *opportunity*, peluang untuk orang memusnahkan dan menjahanamkan nama baik Malaysia. Itu adalah sesuatu yang mesti dijaga. Dari segi undang-undang pula, kita mesti ada satu undang-undang untuk mengawal perkara ini supaya tidak berlaku lagi. Kalau tidak, semua harus tumpukan ke lapangan terbang antarabangsa, maka ada berapa buah antarabangsa *flight*? Berapa *domestic flight*, banyak *domestic flight* dan apa yang akan kita lakukan, Tuan Yang di-Pertua? Dengan ini saya minta kementerian supaya rang undang-undang ini.....

**Dato' Dr. S. Vijayaratnam:** Minta laluan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Tuan Lee Sing Chooi. Saya amat tertarik oleh ucapan Yang Berhormat Senator di atas ketidaklengkapan perkataan-perkataan di akta tersebut. Tetapi Tuan Yang di-Pertua. Ini pandangan saya. Barangkali betul atau tidak saya tidak tahu. Perkataan-perkataan ini berkenaan dengan apa yang disetujui di *Montreal* iaitu dalam Bahasa Inggeris, '*Unlawful Acts of Violence at Airports Serving International Civil Aviation, concluded at Montreal on 24th February 1988*' dengan izin. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu kalau kita ada kuasa masukkan "domestik" dalam ayat ini oleh kerana ini dibuat di *Montreal*. Barangkali ada juga undang-undang tempatan di negara-negara dunia, Malaysia juga atau di mana-mana pun yang mengawasi penerbangan-penerbangan dalaman, tetapi saya fikir kita tidak ada kuasa masuk perkataan "domestik" dalam ini. Oleh kerana ini *direct* dari *Montreal*, apa pandangan Yang Berhormat?

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih Dato' Dr. S. Vijayaratnam. Mungkin *protocol Montreal* itu adalah antarabangsa. Tetapi apabila kita ambil protokol dan masukkannya, kita kenalah fikir, macam mana hendak mempertahankan keselamatan secara keseluruhan. Terdapat dua pilihan. Kalau hendak buat *Montreal* boleh. Kita, *Montreal* itu di Seksyen 10A, kita buat satu Seksyen 10B untuk domestik – tidak bercanggah. Itu satu seksyen baru untuk domestik. Tetapi bagi perlindungan yang sama untuk lapangan dan juga penerbangan domestik. Itu tidak bercanggah dengan apa yang disebutkan dalam *protocol Montreal* tersebut. Sebab dia ada dua pilihan. Satu, hendak tambahkan di 10A iaitu penerbangan awam antarabangsa dan domestik, menjadikan semua ini di 10A atau membuat satu lagi dipanggil sebagai seksyen baru

10B, bertajuk tindakan keganasan berhubung dengan lapangan terbang yang menyediakan penerbangan awam domestik. Itu juga satu cara untuk membuat pindaan akta itu secara menyeluruh.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah kerana....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Cadangan Yang Berhormat itu sudah jelas Yang Berhormat. Kalau boleh Yang Berhormat pergi kepada perkara lain.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Dan juga mungkin di bahagian empat, juga di Seksyen 10A yang baru itu, juga sentuh di nombor (2), kecuali bagaimana yang diperuntukkan oleh subseksyen tiga. Subseksyen satu terpakai juga sama ada apa-apa tindakan yang disebut dalam subseksyen 1 dilakukan di Malaysia atau di tempat lain, tidak kira apa juga negara pendaftaran pesawat udara itu atau tidak kira apa juga kerakyatan atau kewarganegaraan orang yang melakukan tindakan itu. Walaupun yang disebutkan di subseksyen ini, yang berlaku di Malaysia juga di bawah *title* yang besar, iaitu hanya untuk penerbangan awam antarabangsa yang tidak merujuk kepada penerbangan awam domestik. Ini bermakna walaupun dia mungkin di Penang ada penerbangan antarabangsa, mungkin di KLIA ada penerbangan antarabangsa, itu menunjukkan ia berlaku di situ. Mungkin di Malaysia, tetapi ia hanya merujukkannya kepada penerbangan antarabangsa tanpa menyebut langsung penerbangan domestik.

Itu juga yang di nyatakan di subseksyen dua. Kita sudah lihat isi kandungan pemindaan undang-undang ini yang mana subseksyen baru 10A adalah satu isi kandungan yang utama dalam pemindaan ini. Kebanyakan isi kandungan ini terdapat di subseksyen ini, yang lain adalah tajuk-tajuk dan perkataan-perkataan yang menyesuaikan berkenaan protocol *Montreal*. Oleh kerana itu saya berharap ini dapat dibetulkan dan satu lagi saya hendak sentuh adalah berkenaan dengan kita....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Banyak lagi Yang Berhormat?

**Tuan Lee Sing Chooi:** Saya sambung....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Banyak lagi perkara-perkara yang hendak di .....

**Tuan Lee Sing Chooi:** Ya, saya hendak sambung hari Isnin.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa bersidang telah cukup dan saya tangguhkan mesyuarat ke jam 10 pagi Isnin.

***Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 5.31 petang***

3 Mei 2005

*AHLI-AHLI DEWAN NEGARA*

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M.,  
S.P.M.P. (Dilantik)

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Ir. Wong Foon Meng (Dilantik)

- " Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Dato' Seri Nor Mohamed bin Yacop (Dilantik)
- " Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman (Dilantik)
- " Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah (Dilantik)
- " Datuk Agnes Shim Tshin Nyuk (Dilantik)
- " Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad (Dilantik)
- " Dato' Benedict Bujang Tembak (Sarawak)
- " Puan Hajah Che Jam binti Harun (Dilantik)
- " Tuan Chiam Yong Tee (Perak)
- " Dato' Dr. Chin Fook Weng (Pulau Pinang)
- " Datin Chong Set Mui (Dilantik)
- " Tuan Chua Kim Chuan (Kedah)
- " Dato Sri Empiang Jabu (Sarawak)
- " Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae (Dilantik)
- " Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad (Dilantik)
- " Puan Halimah binti Hamzah (Pahang)
- " Dato' Hamzah bin Zainudin (Perak)
- " Tuan Hassan bin Haji Shukri (Terengganu)
- " Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan (Melaka)
- " Tuan Hii Tiong Kuoh (Dilantik)
- " Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak (Selangor)
- " Tuan Ismail bin Kasim (Dilantik)

- 
- " Datin Paduka Jaya Partiban (Dilantik)
  - " Datuk Kalakau bin Untol (Sabah)
  - " Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok (Dilantik)
  - " Datuk Haji Karim Ghani (Sabah)
  - " Tuan Lee Sing Chooi (W. Persekutuan)
  - " Dato' Seri Lim Sing @ Lam Kam Sang (Pahang)
  - " Puan Mariah binti Haji Abdullah (Perlis)
  - " Datuk Jins Shamsudin (Dilantik)
  - " Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad (Dilantik)
  - " Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi (Johor)
  - " Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani (Dilantik)
  - " Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir (Dilantik)
  - " Tuan M. Krishnan (Dilantik)
  - " Datuk M. Ratnam (Dilantik)
  - " Tuan M. Saravanan (Dilantik)
  - " Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya (Dilantik)
  - " Datuk Nor Azah binti Awin (Wilayah Persekutuan)
  - " Puan Nosimah binti Hashim (Dilantik)
  - " Dato' Omar bin Faudzar (Pulau Pinang)
  - " Puan Ooi Siew Kim (Dilantik)
  - " Tuan Osman bin Bungsu (Dilantik)
  - " Tuan Poh Mok Hua @ Poh Bak Hoe (Melaka)
  - " Datin Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim (Dilantik)
  - " Dr. Raja Ram a/l K. Nadayson (Dilantik)
  - " Dato' Rhina Bhar (Dilantik)
  - " Datuk Haji Roslan bin Awang Chik (Dilantik)
  - " Puan Safinah binti Jusoh (Terengganu)
  - " Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain
  - " Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed (Dilantik)

- " Puan Hajah Samsiah binti Samsudin (Negeri Sembilan)
- " Dato' Dr. S. Vijayaratnam (Dilantik)
- " Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee (Dilantik)
- " Puan Siw Chun a/p Eam (Dilantik)
- " Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Kelantan)
- " Tuan Tan Bon You (Dilantik)
- " Tuan Tan Cheng Tee (Negeri Sembilan)
- " Tuan Tay Puay Chuan (Johor)
- " Tuan Wan Nordin bin Che Murat (Perlis)
- " Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad (Dilantik)
- " Puan Wan Ubaidah binti Omar (Kelantan)
- " Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam (Selangor)
- " Datuk Yaakob bin Haji Mohammad (Kedah)

*DEWAN NEGARA*

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

**Setiausaha Dewan Rakyat** Dato' Zamani bin Haji Sulaiman

**Ketua Penolong Setiausaha**

Roosme binti Hamzah  
Ruhana binti Abdullah  
Riduan bin Rahmat

**Pegawai Undang-Undang**

Muzalni bin Soid

**Penolong Setiausaha**

Muhd Sujairi bin Abdullah  
Lavinia a/p Vyveganathan  
Bazlinda binti Bahrin

Farah Nurdiana binti Azhar

**PETUGAS-PETUGAS  
CAWANGAN DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah  
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin  
Hajah Supiah binti Dewak  
Mohamed bin Osman  
Abd. Talip bin Hasim  
Hadzirah binti Ibrahim  
Saadiyah binti Jamaludin  
Syed Azuddin bin Syed Othman  
Hairan bin Mohtar  
Jamilah Intan binti Haji Bohari  
Nurziana binti Ismail  
Nik Elyana binti Ahyat  
Marzila binti Muslim  
Habibunisah binti Mohd. Azir  
Aisyah binti Razki  
Yoogeswari a/p Muniandy  
Nor Liyana binti Ahmad  
Mohd. Izhar bin Hashim

***JURUBAHASA SERENTAK***

Mazidah binti Mohamed  
Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman  
Cik Lee Jing Jing

**PETUGAS-PETUGAS  
CAWANGAN PERUNDANGAN**

Mohd. Shariff bin Hussein  
Azmi bin Othman  
Zafniza binti Zakaria  
Hindun binti Wahari  
Rozaimah binti Mohamad Ariffin  
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani  
Mazlina binti Ali  
Norlaila binti Abdullah Sidi  
Ropiah binti Tambi  
Suhairi bin Othman

***BENTARA MESYUARAT***

Lt. Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus  
Mejar (B) Mohd Azimi bin Arifin

***PETUGAS-PETUGAS  
CAWANGAN KOMPUTER***

Zunaini bt. Mohd Salleh  
Mohd Shah bin Rahman  
Sulaiman bin Sirad

Siti Rohaini bt. Roslan  
Mohamad Faizal bin Harun  
Mohd. Faizol bin Mohd. Noh  
Zaini Azlina bt. Zawawi

**PETUGAS-PETUGAS  
UNIT CETAK**

Kamaroddin bin Mohd. Yusof  
Mohamed Shahrizan bin Sarif  
Alias bin Mohd. Nor